

## **PENGENALAN**

### **LATARBELAKANG KAJIAN**

Dalam dunia yang serba canggih ini, kita masih lagi berkongsi kehidupan kita bersama orang kurang upaya (OKU) di mana kita tidak dapat lari daripada berinteraksi bersama golongan ini sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Namun masih lagi terdapat golongan yang memandang rendah serta memberi layanan yang buruk kepada golongan OKU ini seolah-olah golongan OKU ini tidak layak diberi layanan yang baik dan saksama. Layanan buruk yang mereka terima boleh menyebabkan emosi mereka terganggu dan akan memberi impak yang negatif kepada mereka. Hal ini bertentangan dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W yang menganjurkan kita memberi layanan yang baik kepada sesama makhluk apatah lagi kepada makhluk yang lemah seperti golongan ini serta menganggap golongan ini sama seperti manusia normal yang lain tanpa membuat sebarang diskriminasi terhadap golongan ini. Masyarakat yang mempunyai pandangan yang stereotaip akan menyebabkan golongan kurang upaya akan didiskriminasikan. Oleh itu, masyarakat harus diberikan pendedahan yang sewajarnya tentang cara berinteraksi bersama OKU mengikut apa yang dianjurkan oleh Rasulullah S.A.W.

Susulan dari kesedaran rasa tanggungjawab, penulis merasa terpanggil untuk melakukan kajian mengenai permasalahan ini di mana penulis memilih Universiti Malaya sebagai tempat kajian.

### **PENGERTIAN TAJUK**

Kajian ini bertajuk : “INTERAKSI RASULULLAH S.A.W BERSAMA ORANG KELAINAN UPAYA (OKU): KAJIAN LAYANAN TERHADAP MAHASISWA

KELAINAN UPAYA DI UNIVERSITI MALAYA”. Tajuk kajian ini mengandungi beberapa istilah yang perlu diberi penerangan dan penjelasan.

### **Maksud INTERAKSI**

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, interaksi bermaksud tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain, tindak balas antara dua pihak atau beberapa pihak.<sup>1</sup>

Ia juga didefinisikan sebagai saluran idea atau maklumat serta penterjemahan sesuatu bahasa kepada orang lain serta alat pertukaran idea dan konsep antara sesama manusia. Interaksi tidak hanya terbatas kepada tutur kata sahaja malah ia meliputi interaksi bahasa badan (*body language*), pandangan mata, mimik muka, pergerakan tubuh dan gaya serta pergerakan tangan.

### **Maksud ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)**

Dalam National Assistance Act, 1948 di Britain, OKU didefinisikan sebagai manusia yang tidak berupaya seperti orang buta, pekak atau bisu, atau mana-mana orang yang secara kekal atau sementara menjadi tidak upaya disebabkan oleh kesakitan, kecederaan atau ketidakupayaan yang berlaku kerana kecacatan yang ada sejak seseorang itu lahir lagi atau mana-mana ketidakupayaan yang dinyatakan oleh menteri.<sup>2</sup>

Menurut tafsiran yang telah diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), golongan OKU boleh didefinisikan sebagai seseorang yang tidak berupaya untuk menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu itu dan tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya. Ini disebabkan oleh sesuatu kekurangan atau keadaan

---

<sup>1</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 583, entri “interaksi”.

<sup>2</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*, 4.

lemah, sama ada dari segi fizikal atau mental atau dari segi emosi, sama ada ia berlaku semenjak dilahirkan atau kemudian dari itu.<sup>3</sup>

Manakala mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008,<sup>4</sup> “OKU termasuk mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”.<sup>5</sup> Di dalam disertasi ini, selain istilah orang kelainan upaya, penulis juga turut menggunakan istilah orang kurang upaya.

### **Maksud MAHASISWA KELAINAN UPAYA DI UNIVERSITI MALAYA (UM)**

Mahasiswa kelainan upaya di UM merujuk kepada mahasiswa UM yang mengalami kecacatan sama ada cacat penglihatan, pendengaran, pertuturan mahupun cacat fizikal. Mereka dipantau atau diselia sepenuhnya di bawah Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya. Mereka mempunyai persatuan iaitu Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya (PERMIUM). Namun begitu, tidak semua mahasiswa kelainan upaya berdaftar di bawah persatuan ini. Penulis juga turut menggunakan istilah mahasiswa istimewa selain menggunakan mahasiswa kelainan upaya.

---

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> Akta OKU telah diluluskan di Parlimen ( Dewan Negara ) pada 24 Disember 2007 dan telah diwartakan pada 24 Januari 2008 dan dikuatkuasakan pada 7 Julai 2008. Akta ini memberikan pengiktirafan hak OKU dan menukar konsep OKU daripada konsep kebajikan kepada konsep *right-based*. Akta ini membolehkan OKU mempunyai hak penyamaan peluang dan penyertaan penuh dalam masyarakat setara dengan ahli masyarakat yang lain. Akta ini memperuntukan perihal berkaitan pendaftaran, perlindungan, pemulihan, pembangunan dan kesejahteraan OKU.

<sup>5</sup> “Definisi OKU”, laman sesawang *Jabatan Kebajikan Masyarakat*, dicapai 29 Disember 2012, <http://www.jkmpkl.gov.my/perkhidmatan-luar/orang-kurang-upaya-termasuk-pdk>.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Sikap negatif terhadap Orang Kelainan Upaya (OKU) dikenal pasti sebagai suatu halangan kepada mereka untuk mengambil bahagian secara penuh di dalam masyarakat.<sup>6</sup> Terdapat banyak kajian yang menyokong bahawa sikap negatif terhadap OKU masih wujud. Mitos dan stereotaip negatif mengenai OKU telah melahirkan sikap prejudis yang sukar dikikis mengenai OKU dan keadaan ini akan dapat dilihat dalam bentuk sikap dan tingkah laku negatif terhadap mereka dalam konteks sosial, pendidikan dan kerjaya.

OKU pula mengenal pasti sikap negatif masyarakat sebagai salah satu punca tekanan yang utama dalam kehidupan mereka. Sikap negatif terhadap OKU mempunyai hubungan dengan tingkah laku penolakan sosial dan jangkauan sosial yang tinggi terhadap mereka. Selagi masih wujud sikap negatif terhadap OKU, masyarakat masih tidak dapat menerima kehadiran mereka dan integrasi OKU dalam masyarakat akan tersekat.<sup>7</sup>

Pesuruhjaya SUHAKAM (Pendidikan dan Perhubungan Awam) Prof Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhi Abdul Majid berkata sikap tidak menghargai OKU perlu diubah selaras dengan hasrat mahu menjadi negara maju. Kata beliau, kalau dilihat dari segi layanan masyarakat kepada OKU, kita belum sampai ke taraf itu. Mentaliti masyarakat kita tidak melihat OKU sebagai satu kumpulan yang perlu dihormati, tidak seperti di negara barat. Menurut beliau juga, masyarakat di negara maju memberi pertolongan dan layanan baik kepada OKU ekoran kesedaran sivik yang tinggi.<sup>8</sup> Berdasarkan kepada masalah ini, penulis merasa terpenggil untuk membuat satu kajian mengenai golongan ini yang mana penulis mengfokuskan kepada mahasiswa istimewa

---

<sup>6</sup> Hasnah Toran et al., "Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia", *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2, no. 2 (2010), 22.

<sup>7</sup> *Ibid.*, 23.

<sup>8</sup> "Suhakam Kecewa OKU Tidak Dihormati", laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai 26 Disember 2012, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/suhakam-kecewa-oku-tidak-dihormati-1.37255?> Local Links Enabled=false.

berdasarkan kepada pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah S.A.W ketika berinteraksi bersama OKU pada zaman baginda.

Diharapkan kajian ini dapat memberi input dan manfaat agar kesedaran tentang OKU dapat dipertingkatkan dan seterusnya dapat menjamin penerimaan golongan tersebut dalam kalangan masyarakat terutamanya masyarakat kampus kerana mereka tidak mahu dianggap memiliki kekurangan sehingga menyebabkan pihak institusi pengajian tinggi (IPT) terpaksa melayan mereka dengan cara yang berbeza berbanding mahasiswa lain walaupun sebenarnya mereka dilihat mahu berdikari.

### **PERSOALAN KAJIAN**

- i. Apakah cara layanan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) yang berlandaskan al-Quran dan al-Hadith?
- ii. Adakah terdapat hadith yang membicarakan mengenai Orang Kurang Upaya (OKU)?
- iii. Bagaimanakah hadith yang membicarakan mengenai Orang Kurang Upaya (OKU) diklasifikasikan?
- iv. Bagaimanakah layanan masyarakat kampus terhadap mahasiswa istimewa di Universiti Malaya?

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Beberapa objektif kajian telah dirangka sebagai garis panduan ke atas kajian yang dilakukan. Langkah ini amat perlu supaya matlamat kajian yang dirancang dapat dicapai dengan sepenuhnya. Objektif yang telah digariskan adalah :

- i. Mengenalpasti cara layanan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) yang telah digariskan oleh al-Quran dan al-Hadith.

- ii. Mengenalpasti hadith-hadith yang membicarakan mengenai Orang Kurang Upaya (OKU).
- iii. Mengklasifikasikan hadith-hadith yang membicarakan mengenai Orang Kurang Upaya (OKU).
- iv. Mengenalpasti layanan yang diterima oleh mahasiswa istimewa di Universiti Malaya.

### **SKOP KAJIAN**

Dalam sesuatu kajian, skop amat penting bagi memastikan kajian tersebut selari dengan objektif yang ditetapkan. Oleh itu, dalam kajian ini, penulis menghadkan kajian kepada beberapa skop di mana penulis telah memilih beberapa buah hadith sahih yang berkaitan orang kurang upaya (OKU) sama ada dari segi pergaulan seharian mereka mahupun dari segi ibadat mereka dan ini bersesuaian dengan tajuk kajian penulis. Selain itu, penulis juga mengfokuskan kajian ini kepada OKU itu sendiri di mana penulis melakukan kajian dengan melakukan kaji selidik berkenaan layanan yang diterima oleh mahasiswa istimewa di Universiti Malaya.

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Penulis merasakan kajian ini amat penting kerana:

- i. Kajian ini dilihat dapat mengubah pandangan serta layanan buruk sesetengah masyarakat terhadap orang kurang upaya (OKU).
- ii. Kajian ini juga dapat memberi pengetahuan mengenai cara Rasulullah S.A.W berinteraksi dengan orang kurang upaya (OKU) pada zaman baginda serta mengajak orang ramai mencontohi sikap dan layanan Rasulullah S.A.W kepada sesama manusia terutamanya kepada mereka yang lemah.

- iii. Kajian ini dilihat dapat menjadi panduan dan rujukan kepada masyarakat dalam berinteraksi dengan orang kurang upaya (OKU).
- iv. Kajian ini dapat memberi pengetahuan tentang hukum-hakam serta pengajaran yang dapat diambil daripada hadith-hadith yang berkaitan orang kurang upaya (OKU).

## **KAJIAN LEPAS**

Dalam usaha menyiapkan kajian ini, penulis telah mencari dan mengumpul kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini. Kajian yang mengfokuskan kepada interaksi Rasulullah S.A.W bersama orang kurang upaya (OKU) merupakan satu kajian baru. Namun penulis tidak menafikan bahawa terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan mengenai orang kurang upaya (OKU) dan komunikasi atau interaksi Rasulullah S.A.W namun kajian tersebut berbeza daripada kajian penulis.

Apa yang ditemui oleh penulis hanyalah tajuk-tajuk kajian terdahulu yang hampir sama atau yang berkaitan dengan kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung. Walau bagaimanapun kajian-kajian ini tetap menjadi rujukan dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Antara kajian tersebut ialah kertas kerja yang ditulis oleh Mohd Shahnizam bin Azmi, Mohd Shafie bin Ali dan Shamsul Kamal bin Salleh yang bertajuk “Pendekatan Psikologi: Komunikasi Rasulullah S.A.W ke atas kanak-kanak bermasalah tingkah laku satu analisis”<sup>9</sup> membincangkan mengenai pendekatan psikologi interaksi Rasulullah S.A.W ke atas kanak-kanak yang bermasalah tingkah laku. Kertas kerja ini juga membincangkan tentang konsep komunikasi, jenis-jenis tingkah laku dalam komunikasi, kepelbagaian peringkat pendidikan terhadap kanak-kanak mengikut

---

<sup>9</sup> Mohd Shahnizam Azmi, Shafie Ali dan Shamsul Kamal Salleh, “Pendekatan Psikologi: Komunikasi Rasulullah S.A.W ke atas Kanak-kanak Bermasalah Tingkah Laku Satu Analisis” (Seminar Psikologi Kebangsaan, Kota Kinabalu, 28-29 Oktober 2010).

pandangan Islam serta kesannya terhadap kanak-kanak apabila kaedah komunikasi diterapkan dengan betul. Selain itu, kertas kerja ini juga membincangkan mengenai cara Rasulullah S.A.W berkomunikasi atau berinteraksi dengan kanak-kanak yang bermasalah melalui pendekatan psikologi. Kertas kerja ini hampir menyamai dengan kajian penulis tetapi berbeza dari aspek subjek kajian di mana kertas kerja ini tertumpu kepada komunikasi Rasulullah S.A.W bersama kanak-kanak manakala kajian penulis tertumpu kepada interaksi Rasulullah S.A.W bersama OKU.

Selain itu terdapat buku yang bertajuk “Pengurusan Ilmu Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam”<sup>10</sup> yang mana buku ini merupakan hasil kompilasi artikel-artikel persidangan. Di dalamnya terdapat satu artikel yang bertajuk “Konsep Orang Kurang Upaya menurut Perspektif Islam” pada halaman 51-68 yang ditulis oleh Nor Salimah Abu Bakar ada membincangkan beberapa topik kecil yang hampir sama dengan kajian penulis iaitu tentang konsep orang kurang upaya (OKU) menurut al-Quran dan Sunnah di mana pengarang turut memasukkan beberapa ayat al-Quran dan al-Hadith yang berkaitan tajuk penulis. Pengarang juga turut membincangkan mengenai psikologi OKU dan *tasawwur* Islam terhadap OKU.

Begitu juga dalam *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, bilangan 2, edisi 2010 di dalam artikel bertajuk “Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia”<sup>11</sup> yang ditulis oleh Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhamad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, dan Nur Hazwani Hamzah. Di dalam artikel ini, pada halaman 23, para pengkaji menyentuh berkenaan konsep kurang upaya di mana para pengkaji mengambil pendapat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai kurang upaya di mana pendapat tersebut

---

<sup>10</sup> Nor Salimah Abu Bakar, “Konsep Orang Kurang Upaya menurut Perspektif Islam” dalam *Pengurusan Ilmu Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam*, ed. Zakaria Bahari, Fadzila Azni Ahmad dan Roselee Shah Shahrudin (Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 2011), 51-68.

<sup>11</sup> Hasnah Toran et al., “Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia”, *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2, no.2 (2010), 22-34.



menyatakan bahawa kurang upaya adalah suatu konsep yang sentiasa berevolusi. Selain itu, pengkaji turut mengkaji mengenai layanan rakan sebaya terhadap pelajar OKU melalui proses soal selidik terhadap 120 orang responden.

Di dalam sebuah buku himpunan artikel yang bertajuk *Al-Qayyim al-Hadhariyyah fi al-Sunnah al-Nabawiyyah* yang mana di dalamnya terdapat satu artikel berbahasa Arab yang ditulis oleh Qutb al-Raisūnī yang bertajuk “*Ri’āyah Zawī al-Ḥajāṭ al-Khaṣṣah fi al-Sunnah al-Nabawiyyah Mustawiyātuha wa Maqāsiduha*”<sup>12</sup> membincangkan mengenai konsep orang kurang upaya (OKU), penjagaan bagi golongan ini serta memaparkan beberapa buah hadith sahih berkaitan OKU pada zaman Nabi Muhammad S.A.W. Hadith-hadith ini sangat diperlukan oleh penulis untuk menyempurnakan kajian.

Selain itu, di dalam *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, bilangan 2, edisi 2009 di dalam artikel yang bertajuk “Sokongan dan Halangan yang dihadapi Pelajar-pelajar Kurang Upaya di sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia”<sup>13</sup> yang ditulis oleh Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar dan Norasuzaini Sujak. Di dalam artikel ini, pengkaji menjalankan kajian untuk mengenalpasti sokongan yang diterima dan halangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia yang mana pengkaji menjadikan beberapa pelajar OKU sebagai sampel kajian. Keputusan daripada kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa terdapat halangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kurang upaya di IPTA tersebut. Kajian ini menyamai kajian penulis di mana penulis turut menjadikan mahasiswa istimewa sebagai sampel kajian.

---

<sup>12</sup> Qutb al-Raisuni “*Ri’āyah Zawī al-Ḥajāṭ al-Khaṣṣah fi al-Sunnah al-Nabawiyyah Mustawiyātuha wa Maqāsiduha*” dalam *al-Qayyim al-Hadhariyyah fi al-Sunnah al-Nabawiyyah* (Dubai : Kuliyyah al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa al-‘Arabiyyah, 2007), 206-261.

<sup>13</sup> Hasnah Toran et al., “Sokongan dan Halangan yang dihadapi Pelajar-pelajar Kurang Upaya di sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia”, *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 1, no. 2 (2009), 18-29.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam Ensiklopedia Malaysiana, metodologi ditakrifkan sebagai metode atau disiplin yang digunakan semasa melakukan kajian-kajian tertentu. Ia berasal daripada perkataan Yunani iaitu '*metode*' yang bermaksud cara dan '*logos*' yang bererti ilmu. Metodologi ini amat penting dalam menghasilkan penyelidikan yang tepat dan berkualiti.

Metodologi kajian merupakan suatu cara atau kaedah tertentu yang digunakan dalam kajian untuk mendapatkan pengetahuan baru menerusi analisis maklumat dan mengenal pasti masalah kajian. Suatu kajian ilmiah dikira bermutu sekiranya metode yang digunakannya tepat serta bersesuaian dengan objektif dan tujuannya. Terdapat dua metodologi kajian yang digunakan, iaitu kajian berbentuk perpustakaan dan kajian berbentuk lapangan. Penulis akan menggunakan metodologi kajian berbentuk perpustakaan dan lapangan dalam menyiapkan kajian ini. Metode yang digunakan ialah:

- i. Metode pengumpulan data
- ii. Metode analisis data

### **Metode pengumpulan data**

Melalui metode ini, segala maklumat dan data yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian akan dikumpulkan agar maklumat yang diperlukan dapat memenuhi keperluan kajian. Dalam metode pengumpulan data, metode khusus yang digunakan ialah:

#### 1. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi ialah satu kaedah mengumpulkan data dengan merujuk kepada sumber-sumber yang berbentuk penulisan untuk pelbagai keterangan. Antara data-data yang boleh dikategorikan sebagai dokumen ialah buku-buku, tesis, majalah, kertas kerja dan bahan bercetak yang

berkaitan dengan kajian ini. Metode ini amat penting dalam menyiapkan kajian ini. Penggunaan metode ini banyak tertumpu dalam bab pertama hingga bab ketiga. Kebanyakan sumber-sumber atau dokumen-dokumen diperolehi daripada beberapa buah perpustakaan seperti:

- i- Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- ii- Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Malaya
- iii- Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya
- iv- Perpustakaan Jabatan al-Quran dan al-Hadith
- v- Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- vi- Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia

Hasil daripada kajian ini, penulis telah memperolehi data-data primer untuk digunakan dalam kajian ini selain mendapat kefahaman yang lebih mendalam dan lebih jelas berkenaan tajuk kajian.

## 2. Metode Persampelan

Persampelan merupakan suatu proses di mana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji untuk membolehkan kita membuat generalisasi terhadap populasi tersebut.

Dengan menggunakan kaedah persampelan ini, kos untuk mendapatkan maklumat boleh dikurangkan. Persampelan juga boleh membenarkan penyelidik mendapatkan maklumat yang lebih terperinci daripada sebahagian kecil populasi. Faedah lain menggunakan persampelan ialah penyelidik dapat membuat liputan yang agak luas dalam masa yang singkat dengan menggunakan soal selidik yang terperinci.

Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan teknik memilih responden secara rawak tetapi masih lagi dalam kelompok mahasiswa

istimewa untuk menjawab borang kaji selidik. Penulis telah memilih seramai 25 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa istimewa Universiti Malaya.

### 3. Metode Soal Selidik

Untuk mendapatkan data yang diperlukan, penulis telah menggunakan metode soal selidik yang mendalam bagi memastikan maklumat yang lengkap diperolehi. Soal selidik merupakan nadi kepada kajian berbentuk lapangan, dengan erti kata lain, ianya merupakan wakil kepada diri penulis sendiri. Oleh itu, bentuk soal selidik yang baik haruslah dilakukan bagi mendapatkan hasil yang diinginkan. Dalam kajian ini, penulis telah mengambil tiga pendekatan utama yang terdiri daripada aspek bentuk soal selidik, aturan soalan dan pembentukan soalan.

### 4. Metode Temu Bual

Metode temu bual merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapat data dan maklumat kajian terus daripada responden kajian. Proses temu bual dilakukan secara langsung atau melalui alat perhubungan seperti telefon atau perbualan melalui internet.

Temu bual yang dilakukan tertumpu kepada beberapa maklumat yang dikehendaki dalam kajian berkaitan mahasiswa istimewa di Universiti Malaya, PERMIUM serta aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh persatuan ini. Untuk melaksanakan temu bual ini, penulis mendahului kaedah pertemuan dua mata untuk mendapat maklumat dan data yang dikehendaki. Jika keadaan tidak mengizinkan di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, maka penulis akan menggunakan alat perhubungan yang berkaitan. Penulis

mengaplikasikan metode ini untuk mendapatkan maklumat data dalam bab ketiga.

### **Metodologi analisis data**

Setelah keseluruhan maklumat dan data yang berkaitan dengan kajian dikumpulkan, proses seterusnya adalah usaha penulis untuk menganalisis keseluruhan data yang diperolehi tersebut. Dalam proses analisis ini, beberapa metode digunakan oleh penulis iaitu :

#### **1. Metode Induktif**

Kaedah ini digunakan untuk membuat rumusan dan pembuktian dari perkara-perkara yang bersifat khusus untuk mendapatkan rumusan yang lebih bersifat umum. Penulis menggunakan metode ini dalam keseluruhan bab yang terdapat dalam kajian ini kerana setiap pernyataan dan data yang dikemukakan memerlukan rumusan.

#### **2. Metode Deduktif**

Metode deduktif ialah kesimpulan yang diambil dari data-data yang ada kemudian dijadikan suatu kesimpulan yang khusus. Ia merujuk kepada satu kaedah untuk membuat satu kenyataan umum tentang sesuatu unsur dan disusuli dengan kenyataan khusus tentang unsur tersebut. Ia juga bermaksud satu proses mencari bukti daripada maklumat yang bersifat umum bagi bukti yang bersifat khusus. Metode ini digunakan pada bab keempat.

#### **3. Instrumen**

Jadual

Metode ini digunakan untuk menyampaikan data yang telah dianalisa dalam kajian ke dalam bentuk jadual. Penulis akan menggunakan metode ini pada bab empat di mana hasil kajian daripada borang kaji selidik yang telah diedarkan akan disampaikan dalam bentuk jadual untuk lebih menonjolkan hasil kajian ini.

## BAB 1 : ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) DI MALAYSIA

### 1.1 PENDAHULUAN

Manusia diciptakan sebagai khalifah yang mentadbir dan menguruskan makhluk lain di muka bumi ini. Manusia adalah makhluk paling baik yang diciptakan kerana dikurniakan akal fikiran. Walau bagaimanapun, di sebalik penciptaan tersebut, masih terdapat kekurangan yang dijadikan oleh Allah S.W.T agar manusia dapat memikirkan mengenai kekuasaan-Nya.<sup>14</sup> Firman Allah S.W.T di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن تُّرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عَلَقَةٍ ثُمَّ مِّن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَعَجْرٍ مُّخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ وَنُقِرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ آجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَّن يُّتَوَقَّىٰ وَمِنْكُمْ مَّن يُّرَدُّ إِلَىٰ أَرْدَلٍ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِن بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِن كُلِّ زَوْجٍ بَّهِيحٍ (22)

Al-Hajj 22:5

Terjemahannya: Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. dan (ingatlah satu Bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah

<sup>14</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2006), 1.

ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.

Ayat tersebut antara lain menunjukkan tidak semua manusia yang diciptakan oleh Allah S.W.T adalah sempurna kerana ada juga yang diciptakan tidak sempurna seperti cacat dan kurang upaya dari segi fizikal dan mental. Kecacatan dan ketidaksempurnaan tersebut menyebabkan kurang keupayaan berbanding insan lain yang normal. Tetapi ada juga insan yang asalnya normal, tetapi menjadi golongan kurang upaya selepas ditimpa kemalangan ataupun menghadapi penyakit tertentu.<sup>15</sup>

Walau bagaimanapun, setiap manusia perlu bersyukur dan sentiasa redha dengan qadak dan qadar Allah S.W.T kerana sesungguhnya Allah S.W.T tidak menciptakan sesuatu itu dengan sia-sia. Pasti ada hikmah di sebalik penciptaan-Nya, agar manusia dapat memikirkan tentang kekuasaan Allah S.W.T yang Maha Bijaksana.<sup>16</sup>

Malah, Allah S.W.T tidak menilai hamba-Nya melalui paras rupa dan bentuk fizikalnya, mereka yang tidak sempurna juga akan mendapat tempat yang lebih tinggi dan terpuji di sisi Allah S.W.T jika mereka mempunyai hati yang suci dan ikhlas dalam melakukan amal soleh.<sup>17</sup> Ini sebagaimana di sebut dalam hadith Rasulullah.

((إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ ، وَأَمْوَالِكُمْ ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ ،  
وَأَعْمَالِكُمْ)).

Terjemahannya: “Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa-rupa kamu, dan harta-harta kamu, tetapi Dia melihat kepada hati-hati kamu, dan amalan-amalan kamu”.<sup>18</sup>

---

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> *Ibid.*, 2.

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Birr wa aṣ-Ṣilah wa al-Ādāb, Bab Taḥrīm Ḍulm al-Muslim wa Khadhalahu wa Iḥtiqārahu wa Dammahu wa ‘Araḍahu wa Mālahu , No. hadith 2564, 1987.



Ketidaktepurnaan dan kecacatan adalah takdir yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T, tetapi tidak ada siapa yang mahu dilahirkan cacat dan tidak sempurna. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang ditentukan nasib mereka sebegitu perlu menerima ketentuan tersebut dengan ikhlas dan penuh keredhaan. Kecacatan bukanlah alasan kepada terbinanya jurang dan tembok pemisah antara insan normal dengan yang kurang bernasib baik. Golongan kurang upaya (OKU) juga ada hak untuk mendapat layanan yang sama rata dengan insan normal lain. Golongan ini tidak sepatutnya disisihkan kerana mereka juga mempunyai peranan dan tanggungjawab serta memberi sumbangan ke arah pembangunan agama, bangsa dan negara.<sup>19</sup>

OKU pada hari ini sudah mampu untuk berdikari dengan peluang yang ada untuk menuntut pengetahuan dan kemahiran. Ia bagi memantapkan diri mereka dari segi mental, jasmani dan rohani demi mendapatkan hidup yang sejahtera dan lebih bermakna seperti insan lain.<sup>20</sup>

Kerajaan telah menjadikan program kemajuan OKU sebagai sebahagian daripada Program Pembangunan Nasional. Dasar Kebajikan Masyarakat Negara yang diwujudkan telah menekankan matlamat untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan teguh dengan tiga pendekatan utama iaitu mewujudkan masyarakat bersemangat berdikari, menikmati peluang yang sama dan mengamalkan budaya ikram.<sup>21</sup> Perkara ini adalah bukti bahawa OKU berhak mendapatkan latihan dan pemulihan dari segi fizikal dan spiritual agar dapat menikmati kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat.<sup>22</sup>

Hari ini, golongan OKU sudah diterima dan diakui oleh rakyat Malaysia sebagai ahli masyarakat yang turut memberikan sumbangan dalam pembangunan dan kemajuan

---

<sup>19</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*, 2.

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Budaya ikram ialah budaya mulia sejahtera dan saling tolong-menolong antara satu sama lain dalam satu masyarakat.

<sup>22</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*, 3.

negara. Mereka juga diberi peluang berbakti demi negara dan membuktikan kebolehan mereka dari segi psikomotor dan kognitif.<sup>23</sup>

## 1.2 DEFINISI ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Kecacatan adalah keadaan kurang lengkap atau kurang sempurna. Menurut Kamus Dewan, cacat ialah kekurangan atau keadaan kurang sempurna (lengkap, baik) pada badan (benda, perbuatan, akhlak, batin), kecacatan perihal (keadaan, sifat dan sebagainya) kurang sempurna, kekurangan atau keadaan (yang menjejaskan sesuatu).<sup>24</sup> Individu yang ditimpa kecacatan pula dikenali sebagai OKU.<sup>25</sup>

Istilah kurang upaya lazimnya boleh dinyatakan sebagai “kurang mampu atau lemah untuk melakukan pekerjaan atau aktiviti hidup harian yang biasa dilakukan oleh orang yang normal”. Walau bagaimanapun, ada saranan agar penggunaan kurang upaya digantikan dengan istilah lebih tepat iaitu kelainan upaya.<sup>26</sup> Namun begitu, dalam penulisan disertasi ini, penulis menggunakan kedua-dua istilah ini.

Dalam pengertian klasik OKU dikategorikan sebagai kumpulan orang terdiri daripada kanak-kanak yang tempang, orang buta dan pekak. Golongan inilah yang menjadi sasaran pertubuhan-pertubuhan kebajikan untuk disumbangkan khidmat bakti dalam pelbagai bentuk sama ada material atau spiritual. Dalam National Assistance Act, 1948 di Britain, OKU didefinisikan sebagai manusia yang tidak berupaya seperti orang buta, pekak atau bisu, atau mana-mana orang yang secara kekal atau sementara menjadi tidak upaya disebabkan oleh kesakitan, kecederaan atau ketidakupayaan yang berlaku kerana kecacatan yang ada sejak seseorang itu lahir lagi atau mana-mana ketidakupayaan yang dinyatakan oleh menteri.<sup>27</sup>

---

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 234, entri “cacat.”.

<sup>25</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*, 4.

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> *Ibid.*

Menurut tafsiran yang telah diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), golongan OKU boleh didefinisikan sebagai seseorang yang tidak berupaya untuk menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu itu dan tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya. Ini disebabkan oleh sesuatu kekurangan atau keadaan lemah, sama ada dari segi fizikal atau mental atau dari segi emosi, sama ada ia berlaku semenjak dilahirkan atau kemudian dari itu.<sup>28</sup>

Manakala mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008,<sup>29</sup> “OKU termasuk mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”.<sup>30</sup>

Kecacatan itu kadangkala disebabkan oleh faktor keturunan ataupun berpunca daripada penyakit yang dialami semasa proses pembesaran di dalam rahim ibu. Kebiasaannya, anak-anak yang dilahirkan akan mempunyai ketidakupayaan dalam pelbagai aspek tertentu mengikut keadaan tahap ketidaksempurnaan proses pembesarannya sama ada dari segi fizikal mahupun mental.<sup>31</sup>

Golongan OKU ini, khususnya di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua kelompok masyarakat iaitu kelompok golongan kanak-kanak istimewa atau kanak-kanak khas dan golongan istimewa dewasa dan warga tua. Kanak-kanak khas atau kanak-kanak istimewa ini boleh didefinisikan sebagai kanak-kanak yang berbeza daripada kanak-kanak normal dalam beberapa aspek. Antaranya adalah menerusi ciri-

---

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> Akta OKU telah diluluskan di Parlimen ( Dewan Negara ) pada 24 Disember 2007 dan telah diwartakan pada 24 Januari 2008 dan dikuatkuasakan pada 7 Julai 2008. Akta ini memberikan pengiktirafan hak OKU dan menukar konsep OKU daripada konsep kebajikan kepada konsep *right-based*. Akta ini membolehkan OKU mempunyai hak penyamaan peluang dan penyertaan penuh dalam masyarakat setara dengan ahli masyarakat yang lain. Akta ini memperuntukan perihal berkaitan pendaftaran, perlindungan, pemulihan, pembangunan dan kesejahteraan OKU.

<sup>30</sup> “Definisi OKU”, laman sesawang *Jabatan Kebajikan Masyarakat*, dicapai 29 Disember 2012, <http://www.jkmwpkl.gov.my/perkhidmatan-luar/orang-kurang-upaya-termasuk-pdk>.

<sup>31</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*, 4.

ciri keupayaan mental, sensori, keupayaan komunikasi, tingkah laku sosial ataupun ciri-ciri fizikal dan sebagainya.<sup>32</sup>

Golongan OKU juga dikategorikan kepada dua kumpulan kecacatan yang utama iaitu ketidakupayaan kekal dan ketidakupayaan secara sementara. Kategori ketidakupayaan kekal adalah golongan cacat anggota, cacat pendengaran, cacat penglihatan, terencat akal dan warga tua. Manakala individu yang cedera, sakit dan mengandung pula diletakkan di bawah kategori ketidakupayaan sementara.<sup>33</sup>

Oleh itu, orang kurang upaya (OKU) boleh dirumuskan sebagai kumpulan manusia yang mempunyai kekurangan dari segi fizikal atau mental, tidak seperti manusia normal.

### **1.3 AKTA ORANG KURANG UPAYA 2008**

Akta Orang Kurang Upaya (OKU) telah diluluskan di Parlimen (Dewan Negara) pada 24 Disember 2007 dan telah diwartakan pada 24 Januari 2008 dan dikuatkuasakan pada 7 Julai 2008. Akta ini memberi pengiktirafan hak OKU dan menukar konsep OKU daripada konsep kebajikan kepada konsep *right-based* iaitu daripada pembangunan berasaskan simpati dan kesihatan kepada pembangunan yang berasaskan hak. Akta ini juga membolehkan OKU mempunyai hak penyamaan peluang dan penyertaan penuh dalam masyarakat setara dengan ahli masyarakat yang lain serta memperuntukan perihal berkaitan pendaftaran, perlindungan, pemulihan, pembangunan dan kesejahteraan OKU.

---

<sup>32</sup> Jamila K.A. Mohamed (2005), *Pendidikan Khas untuk Kanak-kanak Istimewa*, Pahang : PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 24.

<sup>33</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*, 5.

Akta ini juga mengetengahkan isu peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi,<sup>34</sup> pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya, penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Akta ini mengiktiraf bahawa ketidakupayaan merupakan suatu konsep yang sentiasa berkembang dan bahawa ketidakupayaan terhasil daripada interaksi antara orang kurang upaya dengan halangan sikap dan persekitaran yang menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat atas asas kesetaraan dengan orang upaya. Akta ini mengiktiraf sumbangan sedia ada dan berpotensi yang bernilai yang dibuat oleh OKU kepada kesejahteraan dan kepelbagaian komuniti dan masyarakat keseluruhannya.

Selain itu, Akta Orang Kurang Upaya 2008 ini juga mengiktiraf kepentingan kebolehadksesan kepada persekitaran fizikal, sosial, ekonomi dan kebudayaan, kepada kesihatan dan pendidikan serta kepada maklumat dan komunikasi, bagi membolehkan penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat. Akta ini juga mengiktiraf bahawa orang kurang upaya adalah berhak kepada peluang dan perlindungan, serta bantuan sama rata dalam segala hal keadaan dan tertakluk hanya kepada apa-apa batasan, sekatan dan perlindungan hak sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan serta mengiktiraf kepentingan kerjasama antara kerajaan dengan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam memastikan penyertaan dan penglibatan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat.

Majlis Kebangsaan bagi OKU turut dibincangkan di dalam akta ini. Majlis ini ditubuhkan bagi menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya, untuk membuat syor kepada kerajaan mengenai semua aspek orang kurang upaya termasuk perkara-perkara yang

---

<sup>34</sup> Merujuk kepada proses yang bertujuan untuk membolehkan orang kurang upaya mencapai dan mengekalkan sepenuhnya keupayaan fizikal, mental, sosial dan vokasional serta penglibatan dan penyertaan penuh mereka dalam semua aspek kehidupan.

berhubungan dengan sokongan penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya, untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan, untuk memantau dan menilai kesan dasar, program dan aktiviti yang dirancang untuk mencapai penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dan dalam berbuat demikian boleh membuat apa-apa perkiraan dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan sebagaimana yang difikirkannya perlu, untuk mengkaji semula aktiviti semua kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya, untuk mengesyorkan kepada kerajaan tentang perubahan kepada undang-undang sedia ada dan juga untuk mencadangkan undang-undang baru bagi menjamin penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat, termasuk untuk memudahkan kebolehasan, untuk membangunkan program dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, termasuk pada peringkat keluarga, berhubung dengan orang kurang upaya termasuk keupayaan dan sumbangan mereka bagi menggalakkan tanggapan positif dan kesedaran sosial yang tinggi serta memupuk rasa hormat kepada hak dan maruah orang kurang upaya, untuk menerima pakai langkah yang berkesan dan sesuai bagi menggalakkan pengiktirafan kemahiran, merit dan kebolehan orang kurang upaya, dan sumbangan mereka di tempat kerja dan pasaran buruh, untuk memupuk sikap menghormati hak orang kurang upaya pada semua peringkat sistem pendidikan, termasuk pada peringkat awal kanak-kanak, untuk menasihati Kerajaan mengenai isu ketidakupayaan termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa, untuk mengumpul dan mengumpul semak data dan maklumat dan menjalankan serta menggalakkan penyelidikan yang

berhubungan dengan orang kurang upaya, untuk menggalakkan pembangunan latihan awal dan berterusan bagi golongan profesional dan kakitangan yang bekerja dalam perkhidmatan habilitasi<sup>35</sup> dan rehabilitasi, untuk menggalakkan peluang pekerjaan dan peningkatan kerjaya bagi orang kurang upaya dalam pasaran buruh, dan juga bantuan dalam mencari atau mendapatkan pekerjaan atas asas keserataan dengan upaya dan untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh menteri bagi pelaksanaan sewajarnya akta ini.<sup>36</sup>

Bagi merealisasikan akta ini, Majlis Kebangsaan bagi OKU turut dibantu oleh pihak kerajaan, kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan yang berkaitan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Kerajaan memperuntukkan dana yang mencukupi secara tahunan bagi membolehkan majlis ini melaksanakan fungsinya di bawah akta ini.

Akta turut membincangkan mengenai pendaftaran bagi OKU yang mana setiap Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggarakan Daftar OKU. Pihak Menteri pula boleh membuat peraturan-peraturan bagi penyimpanan dan penyenggaraan Daftar OKU dan peraturan-peraturan itu bolehlah termasuk peruntukan untuk memberi kuasa kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar untuk mengemaskinikan Daftar dengan membuat perubahan kepada butir-butir orang kurang upaya atau memotong nama orang kurang upaya yang telah meninggal dunia atau terhenti menjadi orang kurang upaya.

Bagi OKU yang ingin membuat permohonan bagi pendaftaran sebagai orang kurang upaya hendaklah dibuat kepada Majlis. Manakala Menteri pula boleh membuat peraturan-peraturan bagi pendaftaran orang kurang upaya dan bagi segala perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini turut menguatkuasakan tentang keengganan OKU untuk mendaftar. Mendaftarkan seseorang sebagai orang kurang upaya dibuat sekiranya dia

---

<sup>35</sup> Merujuk kepada proses yang bertujuan untuk membolehkan orang yang dilahirkan dengan ketidakupayaan mencapai serta mengekalkan sepenuhnya keupayaan fizikal, mental, sosial dan vokasional serta penglibatan dan penyertaan penuh mereka dalam semua aspek kehidupan.

<sup>36</sup> Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685), 14.

berpuas hati bahawa orang yang menjadi subjek permohonan itu merupakan orang kurang upaya manakala enggan untuk mendaftarkan seseorang sebagai orang kurang upaya pula dibuat sekiranya dia berpuas hati bahawa orang itu bukan orang kurang upaya.

Di dalam akta ini juga turut menjelaskan mengenai pengeluaran kad OKU bagi seseorang yang berdaftar sebagai orang kurang upaya. Kad yang dikeluarkan hendaklah menjadi keterangan muktamad bagi segala maksud bahawa orang itu telah didaftarkan dengan sewajarnya sebagai orang kurang upaya di bawah akta ini. Kad ini juga hendaklah diserahkan kepada Pendaftar apabila seseorang terhenti menjadi orang kurang upaya.

Akta ini turut memperuntukkan mengenai penggalakan dan pembangunan kualiti hidup dan kesejahteraan bagi orang kurang upaya. Melalui akta ini, kerajaan mengakseskan beberapa kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam yang dibuka atau disediakan kepada orang ramai atas asas kesetaraan dengan orang upaya, tetapi tertakluk kepada kewujudan atau kemunculan apa-apa keadaan yang boleh membahayakan keselamatan orang kurang upaya. Selain itu kerajaan turut mengakseskan kepada kemudahan pengangkutan awam, pendidikan, pekerjaan, maklumat, komunikasi dan teknologi, kehidupan berbudaya, rekreasi, santai dan sukan. Turut dibincangkan di dalam akta ini ialah mengenai habilitasi dan rehabilitasi, perkhidmatan di rumah, kediaman dan sokongan komuniti lain. Selain itu, turut dibincang mengenai akses kepada kesihatan, pencegahan daripada berlakunya ketidakupayaan selanjutnya serta pengadaan personel kesihatan, perlindungan sepanjang hayat dan sistem sokongan sosial, akses kepada bantuan sekiranya keadaan berisiko dan berlakunya kecemasan kemanusiaan, perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang dan sebagainya.



Namun begitu, menurut Mohammad Faizal Che Yusof, di sebalik penguatkuasaan akta ini, masih terdapat kelemahan-kelemahan yang boleh mengganggu keberkesanan kewujudan akta ini. Menyedari hal itu, tindakan diambil bagi memperbaiki dan mengatur semula supaya akta ini lebih bermanfaat. Antara kelemahan yang perlu dibaiki menurut beliau ialah ketiadaan peruntukan penguatkuasaan. Peruntukan penguatkuasaan yang dimaksudkan boleh berupa hukuman atas kesalahan kerana pelanggaran hak OKU. Ia juga boleh berupa ganti rugi yang perlu diberikan kepada mana-mana OKU yang mana haknya telah dinafikan oleh mana-mana pihak.<sup>37</sup>

Kelemahan lain ialah peruntukan yang bercanggah dengan perundangan lain. Suatu hal yang amat ketara dalam Akta OKU 2008 ialah peruntukan berkaitan pendidikan. Seksyen 28<sup>38</sup> memberi hak kepada OKU di semua peringkat untuk diberi pendidikan yang sewajarnya. Akta turut menyentuh hak kepada pendidikan sepanjang hayat. Namun dalam suatu peraturan berkaitan pendidikan khas yang dibuat di bawah Akta Pendidikan 1996, suatu ungkapan telah diperkenalkan iaitu '*educable*' atau boleh dididik. Dalam amalan pendidikan, hanya OKU yang dikatakan berupaya mengurus diri sendiri diterima untuk mengikuti sistem pendidikan khas. Ungkapan '*educable*' ini sekaligus memberi gambaran bahawa ada di kalangan OKU yang terjatuh kepada

---

<sup>37</sup> Mohammad Faizal Che Yusof (peguam dan aktivis pejuang Orang Kurang Upaya), dalam temubual dengan penulis, 31 Januari 2013.

<sup>38</sup> (1) Orang kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan, dan kanak-kanak kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi, atas asas kesetaraan dengan orang atau kanak-kanak upaya, termasuk latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat. (2) Kerajaan dan penyedia pendidikan swasta hendaklah, bagi membolehkan orang dan kanak-kanak kurang upaya melanjutkan pelajaran, menyediakan penyesuaian munasabah yang sesuai dengan keperluan orang dan kanak-kanak kurang upaya dan segi, antara lain, prasarana, kelengkapan dan bahan pengajaran, kaedah pengajaran, kurikulum dan bentuk sokongan lain yang memenuhi pelbagai keperluan orang atau kanak-kanak kurang upaya. (3) Kerajaan dan penyedia pendidikan swasta hendaklah mengambil langkah yang sesuai untuk membolehkan orang dan kanak-kanak kurang upaya mempelajari kemahiran hidup dan pembangunan sosial bagi memudahkan penyertaan penuh dan setara mereka dalam pendidikan termasuk yang berikut: a) untuk memudahkan pembelajaran Braille, skrip alternatif, kaedah augmentatif dan alternatif, cara dan format komunikasi dan kemahiran orientasi dan mobiliti, dan memudahkan sokongan rakan sebaya dan pementoran, b) untuk memudahkan pembelajaran Bahasa Isyarat Malaysia dan penggalakan identiti linguistik komuniti orang pekak; dan c) untuk memastikan bahawa pendidikan orang dan khususnya kanak-kanak, yang buta, pekak atau pekak-butu disampaikan dalam bahasa, kaedah dan cara komunikasi yang paling sesuai bagi individu, dan dalam persekitaran yang memaksimumkan pembangunan akademik dan sosial.

'*uneducable*' iaitu tidak berupaya mengurus diri sendiri. Bagi golongan '*uneducable*' ini, beliau tidak boleh memasuki mana-mana sekolah pendidikan khas. Dengan pelbagai kajian terkini, istilah '*uneducable*' kepada OKU tidak seharusnya wujud<sup>39</sup> dan sepatutnya semua OKU boleh menikmati pendidikan yang sesuai dengan kecacatannya.

Selain itu, menurut beliau lagi, terdapat percanggahan antara seksyen 41 dan 42 yang terdapat di dalam Akta OKU 2008. Seksyen 41 menghalang sebarang tindakan undang-undang terhadap kerajaan, Majlis Kebangsaan OKU atau mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan dalam Akta 2008 ini. Sedangkan seksyen 42 memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 "PAPA"<sup>40</sup> terpakai bagi sebarang tindakan undang-undang kepada pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan oleh Akta OKU 2008.<sup>41</sup>

Beliau juga turut mencadangkan beberapa langkah bagi mengatasi kelemahan ini. Menurut beliau, Majlis Kebangsaan bagi OKU yang telah dibincangkan di dalam Akta OKU 2008 yang berfungsi termasuklah menyediakan peraturan atau mengkaji sebarang undang-undang bagi memberi kesan kepada hak-hak yang disediakan untuk OKU memainkan peranan yang besar. Kebijaksanaan Majlis ini amatlah diperlukan dan ia harus berfungsi melepasi garisan kepentingan selain kepentingan OKU.

Selain itu, Akta 2008 ini harus juga tertakluk kepada pelbagai *instrument* sedia ada termasuklah undang-undang pentadbiran dan undang-undang kepentingan awam bagi ianya dikuatkuasakan. Mana-mana OKU yang telah dinafikan hak mereka harus ke hadapan dan menuntut haknya menurut lunas undang-undang yang tersedia.<sup>42</sup>

---

<sup>39</sup> Mohammad Faizal Che Yusof, "Kenali Akta OKU 2008" laman sesawang *Buletin Prihatin*, dicapai 31 Januari 2013, <http://bprihatin.blogspot.com/2009/04/kenali-akta-orang-kurang-upaya-2008.html>.

<sup>40</sup> "PAPA" merupakan suatu peruntukan undang-undang yang menyediakan kaedah-kaedah penting untuk mana-mana pihak memulakan tindakan terhadap kerajaan atau mana-mana agensi awam.

<sup>41</sup> Mohammad Faizal Che Yusof, "Kenali Akta OKU 2008" laman sesawang *Buletin Prihatin*.

<sup>42</sup> *Ibid.*

Dengan pembaharuan yang dibuat oleh kerajaan hari ini, OKU sepatutnya tidak sekadar merungut dan merintih terhadap sebarang penafian atau pelanggaran hak tetapi perlu menggunakan segala saluran termasuklah perbincangan dan saluran undang-undang. Rakyat yang bijaksana akan melahirkan negara yang cemerlang. Bagi melahirkan rakyat yang bijak dan hebat, segala potensi diri perlu dizahirkan.

## **1.4 ISU-ISU KONTEMPORARI MENGENAI ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

### **1.4.1 Isu Pemberian Zakat kepada OKU**

Isu OKU di dalam masyarakat negara ini dianggap sebagai isu yang minoriti dan dipandang sebelah mata sahaja oleh pihak tertentu kerana ketidakjelasan keperluan OKU yang akhirnya menjadikan tahap kesedaran masyarakat terhadap OKU di negara ini masih rendah berbanding dengan negara-negara maju lain.<sup>43</sup>

Baru-baru ini isu keengganan pusat zakat memberikan bantuan zakat kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang mengendalikan kebajikan OKU telah mendapat pelbagai reaksi dari semua pihak yang terlibat. Bermula dengan pendedahan eksklusif dari NGO-NGO di dada akhbar Sinar Harian yang bertarikh 10 Ogos 2012 lalu melalui ruangan diskusi Isnin berkenaan sikap pusat zakat yang dilihat sebagai institusi Islam yang tidak proaktif untuk membantu NGO Islam membela nasib OKU di negara ini.<sup>44</sup>

Selain itu, kepincangan yang berlaku terhadap pengurusan zakat negara ini sehinggakan wujud kritikan-kritikan kepada institusi agama. Kritikan yang diberikan

---

<sup>43</sup> Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, "Zakat OKU : Mahasiswa Seru Majlis Fatwa Bersidang", laman sesawang *HarakahDaily*, dicapai 23 Disember 2012, <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/12594-zakat-oku-mahasiswa-seru-majlis-fatwa-bersidang->

<sup>44</sup> *Ibid.*

dilihat berasas apabila institusi agama memberi layanan kurang mesra terhadap golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di negara ini.<sup>45</sup>

Menurut Mohammad Faizal Che Yusof, Ahli Jawatankuasa Hak-Kak Asasi Manusia Majlis Peguam, majlis agama lebih banyak menunggu OKU datang meminta bantuan berbanding mereka sendiri yang keluar mencari OKU. Kritikan ini dilihat seolah-olah pihak pengurusan agama terlalu eksklusif dalam menjalankan tugas kefungsiannya asal majlis agama sebagai badan yang menyebarkan agama Islam.<sup>46</sup>

Lebih mengecewakan lagi apabila wujud di kalangan ahli agamawan sendiri mempunyai persepsi negatif terhadap OKU sehingga enggan memberikan peluang kepada mereka. Ini menjadikan OKU tidak mendapatkan tempat yang sesuai di kalangan agamawan untuk berkhidmat.<sup>47</sup>

Tambah beliau, OKU Islam lebih banyak tercicir berbanding dengan OKU bukan Islam yang mendapat sokongan kuat institusi agama mereka. Ironinya institusi agama di negara tidak proaktif untuk mengambil langkah mendekati golongan ini berbanding agama lain yang lebih turun mendekati golongan seperti ini. Menurut beliau lagi, isu-isu berkaitan OKU ini tidak mendapat sambutan yang wajar dari ahli politik untuk dibawa ke parlimen walhal isu-isu kebajikan OKU masih banyak tidak selesai sejak merdeka lagi.<sup>48</sup>

OKU Islam lebih banyak tercicir berbanding dengan OKU bukan Islam yang mendapat sokongan kuat institusi agama mereka.<sup>49</sup> Perkara ini dilihat turut selari dengan kenyataan Presiden Persatuan Kebajikan Anak-Anak Istimewa Selangor

---

<sup>45</sup> Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, "Zakat : Satu Harapan Mahasiswa OKU", laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai 26 Disember 2012, <http://www.sinarharian.com.my/rencana/zakat-satu-harapan-mahasiswa-oku-1.77779>.

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, "Zakat OKU : Mahasiswa Seru Majlis Fatwa Bersidang".

<sup>48</sup> *Ibid.*

<sup>49</sup> Suharne Zainudin, Anita Abu Hasan dan Farah Zamira Farush Khan, "Bicara Isnin Sinar : Institusi Islam Tidak Proaktif Bantu OKU", *Sinar harian*, 13 Ogos 2012, K6.

(Orkids), Izhar Hadafi, Jabatan Agama Islam sukar memberi bantuan kepada NGO OKU berbanding agama lain.<sup>50</sup>

Perkara ini juga turut dikritik oleh pensyarah Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan UIA, Dr Maslee Malik, menempelak institusi agama di negara ini dengan mengatakan isu Orang Kurang Upaya ( OKU ) bagaikan tiada tempat di dalam agenda Islam dan dakwah di Malaysia.<sup>51</sup>

Kritikan ini diteruskan lagi dengan menyatakan asas utama berlakunya isu ini kerana institusi agama di negara ini tidak melihat diri mereka di dalam kerangka moden sebagai institusi bersifat “ *Rahmatan lil ‘alamin* ” untuk menyebarkan nilai kebajikan, sebaliknya lebih menumpu soal hukum-hakam dan undang-undang.<sup>52</sup>

Kadang-kadang alasan “ketat” terhadap pandangan agama yang tidak diselarikan dengan fungsi asal institusi agama perlu diterjemahkan dengan realiti masa dan ruh Islam itu sendiri supaya tidak dilihat Islam agama yang menzalimi penganutnya sedangkan Islam diturunkan sesuai dengan zaman dan sesuai kepada semua penganutnya tanpa ada sifat menindas.<sup>53</sup>

Menelusuri komentar pelbagai pihak, dapat lihat wujud ketidakfahaman yang jelas terhadap pengagihan zakat terhadap OKU. Sewajarnya pihak berautoriti perlu lebih cermat apabila melontarkan pendapat berhubung dengan pelbagai perkara terutamanya berkaitan dengan hukum hakam.<sup>54</sup>

Perkara utama perlu difahami ialah kedudukan OKU secara umum di dalam masyarakat. Menurut kajian yang dilakukan oleh Hasnah Toran terhadap pelajar kurang

---

<sup>50</sup> Suharne Zainudin, Anita Abu Hasan dan Farah Zamira Farush Khan, “Bicara Isnin Sinar : Agama Lain Sedia Bantu Kami”, *Sinar harian*, 13 Ogos 2012, K7.

<sup>51</sup> Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, “Zakat : Satu Harapan Mahasiswa OKU”, laman sesawang *Sinar Harian*.

<sup>52</sup> Farah Zamira Farush Khan, “Institusi Islam Bagai Pinggir OKU” *Sinar harian*, 15 Ogos 2012, 8.

<sup>53</sup> Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, “Zakat : Satu Harapan Mahasiswa OKU”, laman sesawang *Sinar Harian*.

<sup>54</sup> *Ibid.*

upaya berhubung dengan cabaran dan halangan, dapatan menunjukkan bahawa OKU memerlukan sara hidup yang tinggi berbanding dengan pelajar tipikal lain.<sup>55</sup>

Jelas bahawa, OKU ini terdiri dari majoriti yang mempunyai keperluan yang lebih tinggi berbanding dengan kebanyakan tipikal lain. Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan dalam responnya terhadap isu ini menyifatkan isu ini sebagai remeh yang boleh sahaja terus dipertimbangkan oleh majlis agama negeri dan mufti-mufti negeri.<sup>56</sup>

Selain itu, beliau turut menyatakan tidak perlu menunggu sehingga ada fatwa kerana ini adalah perkara kecil. Lapan asnaf dalam zakat telah ditentukan oleh Al-Quran dan Hadith namun apa yang boleh dilakukan ialah, mentafsirkan atau membuat perluasan ke atas asnaf berdasarkan keadaan serta perubahan semasa.<sup>57</sup>

Pensyarah Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan UIAM, Dr Maszlee Malik turut menyebut masalah OKU dan institusi agama Islam diburukkan lagi dengan kerenah birokrasi yang merencatkan dakwah Islam serta tidak berani membuat sesuatu fatwa ataupun keputusan dari badan penasihat Syariah.<sup>58</sup>

Perkara ini dilihat ada benarnya jika dirujuk kepada respon mufti negeri Selangor yang meminta persatuan atau badan yang menguruskan OKU Muslim di Selangor supaya mengemukakan hasrat melalui surat rasmi kepada pengurus Lembaga Zakat Selangor.<sup>59</sup> Tambah beliau lagi, ruang perbincangan sentiasa terbuka sekiranya aktiviti atau pendidikan yang dikendalikan oleh persatuan berkenaan dinyatakan dengan

---

<sup>55</sup> Hasnah Toran et al., “Sokongan dan Halangan yang Dihadapi oleh Pelajar Kurang Upaya di sebuah Institut Pengajian Tinggi di Malaysia”, *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 1, no. 2 (2009), 18-29.

<sup>56</sup> Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, “Zakat : Satu Harapan Mahasiswa OKU”, laman sesawang *Sinar Harian*.

<sup>57</sup> *Ibid.*

<sup>58</sup> Farah Zamira Farush Khan, “Institusi Islam Bagai Pinggir OKU”.

<sup>59</sup> “Mufti Selangor Minta NGO OKU Hantar Surat”, *Sinar Harian*, 14 Ogos 2012, 5.

terperinci serta mempunyai unsur amal makruf nahi mungkar. Beliau juga turut menegaskan bahawa bantuan zakat ini hanya akan diberikan kepada muslim sahaja.

Kenyataan Pengerusi Persatuan Autism Muslim Malaysia, Zamri Tembol terhadap anak-anak istimewa yang memerlukan penjagaan sepanjang hayat perlu diambil perhatian yang serius oleh pihak yang berwajib dalam menentu kedudukan OKU dalam asnaf zakat yang bersesuaian. Selain itu, beliau turut menyatakan keperluan kanak-kanak istimewa yang perlu menjalani latihan terapi sekerap mungkin tetapi mempunyai kekurangan pakar di hospital kerajaan menyukarkan perkara itu. Kosnya mencecah ratusan ribu setiap sesi dan ini membebankan ibu bapa.<sup>60</sup>

Dalam menjawab kedudukan OKU dalam asnaf pengagihan zakat, Pensyarah Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan UIAM, Datuk Dr Mahmood Zuhdi Abdul Majid, pengagihan zakat boleh diberikan kepada (individu) OKU yang miskin dan fakir sahaja. Bagi jangka masa panjang kerajaan perlu mengadakan insurans. Jika mahu pihak zakat menyalurkan bantuan terus kepada badan yang menguruskan golongan istimewa ini menerusi mana-mana lapan dari asnaf sedia ada, tidak relevan kerana bukan semua ahli mereka terdiri daripada fakir atau miskin malah bukan juga golongan yang berjuang ke jalan Allah.<sup>61</sup>

Kenyataan ini beliau fikir lebih kepada tidak memahami kedudukan OKU secara umum dan dilihat mengambil langkah “menyukarkan” berbanding mencari jalan memudahkan pemberian kepada OKU dengan mempertimbangkan kewajaran yang secara realiti berlaku terhadap OKU seperti yang dikemukakan oleh saudara Zamri Tembol.<sup>62</sup>

---

<sup>60</sup> Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, “Zakat : Satu Harapan Mahasiswa OKU”, laman sesawang *Sinar Harian*.

<sup>61</sup> *Ibid.*

<sup>62</sup> *Ibid.*

Seharusnya, pertimbangan terhadap tafsiran asnaf *fisabilillah*, fakir, miskin dan *ar-Riqab* untuk memberi nilai kebajikan terhadap OKU. Pandangan beliau yang lebih tertumpu kepada individu berbanding OKU secara lebih besar adalah lebih relevan.<sup>63</sup>

Hal demikian juga turut selari dengan pandangan Timbalan Presiden Darul Fitrah dan Pendakwah di K-Fiqh, Abdul Naser Abdul Rahman bahawa OKU layak dimasukkan di dalam asnaf *fisabilillah* dilihat sebagai relevan.<sup>64</sup>

Ditegaskan oleh Pengerusi *Multaqa Asatiah & Du'at* (Murshid), Dr Zaharuddin Abdul Rahman, sekiranya ada pihak mempersoalkan pemberian zakat berhubung isu kaya atau miskin seseorang OKU yang bernaung di dalam pertubuhan. Itu bukan masalah rumit, kalau seseorang OKU itu kaya sekalipun, zakat tetap boleh diberikan atas alasan *fisabilillah*. Telah menjadi perkara yang dipersetujui ulama silam dan kontemporari, bajet *fisabilillah* boleh diagihkan kepada orang yang kaya sedang menyebarkan dan mempertahankan Islam.<sup>65</sup>

Pendapat Dr Zaharuddin iaitu memasukkan OKU ke dalam asnaf *Ar-Riqab* (hamba) juga adalah relevan. Penjelasan asal konsep ini adalah memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal seperti terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu. OKU dilihat sebagai golongan yang telah terbelenggu dengan keadaan diri mereka.<sup>66</sup>

Tertarik dengan hujah beliau dengan mengemukakan dalil hadith Nabi S.A.W yang bermaksud, “Tidak halal sedekah atau zakat kepada orang kaya atau orang yang tidak cacat”. Secara mudah untuk difahami bahawa zakat adalah khas kepada orang miskin serta cacat dan rasionalnya, golongan OKU mengalami kesusahan hidup berganda berbanding dengan tipikal. Katanya, persoalan meletakkan OKU dalam kumpulan asnaf

---

<sup>63</sup> *Ibid.*

<sup>64</sup> “OKU Asnaf Fisabilillah”, Sinar Harian, 13 Ogos 2012, K10.

<sup>65</sup> Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, “Zakat : Satu Harapan Mahasiswa OKU”.

<sup>66</sup> *Ibid.*



yang mana satu adalah permasalahan teknikal tetapi secara prinsipalnya, mereka layak diberikan zakat berdasarkan dalil hadith itu. Tidak mungkin Allah S.W.T meletakkan sesuatu hukum pada sesuatu perkara yang tidak boleh diaplikasikan. Menurutnya, janganlah menafikan *fi sabilillah* dalam persoalan OKU tersebut kerana terdapat syarat yang boleh dibuat dalam usaha melayakkan OKU dimasukkan ke dalam asnaf *fi sabilillah*. Misalnya, Lembaga Pusat Zakat boleh mengenakan syarat kepada sesebuah institusi atau NGO OKU supaya memegang agenda bagi setiap pertubuhan yang dikendalikan.<sup>67</sup>

Dengan ini, pihak *Multaqa Asatizah dan Du'at* (Murshid) atau Himpunan Para Ustaz dan Pendakwah mencadangkan dan menyeru pihak berkaitan seperti pihak zakat negeri-negeri, baitulmal dan institusi mufti untuk menilai agar golongan OKU ini dimasukkan dalam perluasan skop asnaf zakat seperti berikut:

#### 1. OKU SEBAGAI ASNAF FAKIR DAN MISKIN

Tiada khilaf jika sesiapa pun yang termasuk dalam kategori fakir dan miskin maka mereka layak dan berhak menerima zakat. Jika sekiranya seseorang yang kurang upaya ini tidak mampu bekerja, tiada upaya berusaha dan tidak juga mempunyai sesiapa yang menyara hidup mereka sama ada ibu bapa atau saudara terdekat, maka dia berhak dikategorikan sebagai layak menerima zakat dan golongan ini boleh dimasukkan dalam asnaf fakir dan miskin. Namun, sekiranya mereka mempunyai ibu bapa atau saudara terdekat yang berharta maka mereka adalah di bawah tanggungan keluarga dan tidak berhak menerima zakat.

#### 2. OKU SEBAGAI ASNAF *FI SABILILLAH*

Murshid memilih pandangan *Majma' Fiqh Islami* dan Nadwah Pertama Isu-isu Zakat Semasa yang merumuskan bahawa jihad *fi sabilillah* merangkumi jihad

---

<sup>67</sup> Zaharuddin, "OKU : Tunggu Keputusan Majlis Fatwa", *Sinar harian*, 13 Ogos 2012, K9.

dengan makna yang umum sama ada jihad dengan tangan (tenaga), jihad harta atau jihad menerusi lisan atau pena. Ini meliputi jihad (berperang) pada jalan Allah dan juga segala aktiviti melibatkan dakwah pada jalan Allah.

### 3. OKU SEBAGAI ASNAF *AL-RIQAB*

Tafsiran semasa terhadap asnaf *al-Riqab* bahawa termasuk dalam golongan orang Islam yang berada di bawah penguasaan orang kafir sama ada dalam bentuk cengkaman fizikal seperti terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu seperti gereja dan seumpamanya. Begitu juga dengan menilai status mereka yang terkongkong kebebasan mereka, dan keadaan masa hadapan mereka yang mungkin terbiar melarat selepas ketiadaan penjaga, maka Murshid berpandangan wajar untuk mereka diberi bantuan zakat dari peruntukan *al-Riqab*.

Pihak Murshid juga menyeru agar usaha membantu golongan OKU ini dilihat sebagai satu jihad melibatkan semua pihak. Pihak kerajaan perlu memperkasa bantuan dan sokongan kepada NGO dan pihak yang terlibat secara langsung dalam merencana dan menyelenggara pusat latihan demi memastikan kebajikan OKU ini terpelihara dan tidak terabai. Jawatankuasa fatwa di peringkat kebangsaan perlu segera bersidang menentukan kedudukan zakat ke atas OKU tanpa perlu menunggu permohonan atau surat menyurat dari mereka. Begitu juga jawatankuasa fatwa dan jabatan mufti negeri perlu bekerjasama bantu mengetengahkan isu dan permasalahan OKU di negeri masing-masing. Manakala masyarakat pula perlu mempunyai minda terbuka dalam isu berkaitan OKU dengan memahami keadaan, keperluan dan permasalahan mereka. Bagi ibu bapa dan keluarga yang mempunyai anak atau ahli keluarga yang OKU perlu bersabar dan redha dengan ketentuan dan ujian Allah ini.<sup>68</sup>

---

<sup>68</sup> “Isu OKU : Kenyataan Terbuka Mursyid”.

Nada yang hampir sama juga turut diberikan oleh Mufti Perlis, Dr Juanda Jaya yang turut mengesyorkan agar golongan OKU perlu dibantu daripada awal, kerana kesukaran untuk berdikari pada masa depan. Beliau berpandangan selain asnaf *fisabilillah*, asnaf *riqab* juga boleh dipertimbangkan untuk golongan OKU ini.<sup>69</sup>

Manakala Mufti Kedah, Datuk Sheikh Muhamad Baderudin Ahmad, turut menyokong pemberian zakat kepada OKU Muslim yang berjuang di jalan Allah seperti mengajar kelas al-Quran atau kelas agama boleh disenaraikan di bawah asnaf *fisabilillah*.<sup>70</sup>

Manakala Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, Pengerusi Gabungan Mahasiswa Pendidik Kebangsaan Mahasiswa Kurang Upaya secara panjang lebar kemukakan hujah-hujah ahli-ahli berautoriti dan ahli akademik berkaitan dengan relevan pengagihan zakat kepada OKU. Tuntasnya, jelas lagi bersuluh dalam hal ini, bukan soal meletakkan OKU dalam kumpulan asnaf yang mana satu yang perlu dibincangkan secara panjang lebar tetapi secara prinsipnya golongan OKU layak diberikan zakat secara dalil mahupun pentafsiran terhadap asnaf yang sedia ada dan perkara ini perlu dipermudahkan oleh pihak pengurusan zakat.<sup>71</sup>

Melihat kepada isu ini, penulis sendiri berpendapat bahawa golongan OKU yang beragama Islam layak diberi bantuan zakat sekiranya mereka termasuk di dalam asnaf yang lapan. Penulis melihat bantuan ini adalah perlu berikutan terdapatnya kajian yang menunjukkan bahawa golongan OKU ini lebih memerlukan kos sara hidup yang tinggi berbanding manusia normal. Bantuan ini dilihat lebih diperlukan oleh keluarga yang mempunyai anak istimewa yang memerlukan penjagaan yang rapi sepanjang hayat dan keperluan anak istimewa ini lebih tinggi kosnya.

---

<sup>69</sup> Suharne Zainudin dan Anita Abu Hasan, "Bicara Isnin Sinar : Majlis Fatwa Perlis Tunggu September" laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai 25 Disember 2012, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/majlis-fatwa-perlis-tunggu-september-1.76495>.

<sup>70</sup> Suharne Zainudin dan Anita Abu Hasan, "Bicara Isnin Sinar : Majlis Fatwa Perlis Tunggu September", *Sinar Harian*, 14 Ogos 2012, 4.

<sup>71</sup> Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, "Zakat OKU : Mahasiswa Seru Majlis Fatwa Bersidang".

Penulis bersetuju dengan pendapat yang diutarakan oleh Muhammad Faizal Che Yusof yang mengatakan bahawa institusi agama Islam lebih banyak menunggu golongan OKU datang meminta bantuan berbanding mereka sendiri yang keluar mencari golongan ini. Hal ini adalah berbeza dengan institusi agama lain yang mana mereka sendiri lebih prihatin dan turun padang mendekati dan menghulurkan bantuan kepada golongan ini. Institusi agama Islam seharusnya lebih proaktif, prihatin dan mengambil berat terhadap isu ini dan tidak menganggap isu ini sebagai isu minoriti. Tindakan perlu diambil secepat mungkin bagi mengelakkan golongan OKU Islam beralih arah dengan meminta bantuan daripada NGO OKU agama lain yang boleh menyebabkan Islam dilihat sebagai agama yang zalim terhadap penganutnya sedangkan agama Islam sendiri melarang sebarang bentuk penindasan sesama manusia.

Namun begitu, penulis lebih bersetuju dengan pendapat Pengerusi *Multaqa Asatizah & Du'at* (Murshid), Dr Zaharuddin Abdul Rahman yang mana beliau menegaskan bahawa tidak menjadi masalah sekiranya zakat turut diberikan kepada OKU yang kaya sekalipun dengan syarat mereka termasuk dalam asnaf yang lapan ini. Tetapi sekiranya bantuan zakat ini beri atas dasar semata-mata kerana orang tersebut OKU, adalah tidak boleh kerana tidak termasuk dalam asnaf yang lapan.<sup>72</sup> Penulis turut berminat terhadap gesaan Mursyid supaya jawatankuasa fatwa di peringkat kebangsaan segera bersidang untuk menentukan kedudukan asnaf bagi golongan OKU tanpa perlu menunggu permohonan dari persatuan atau badan-badan bukan kerajaan yang menguruskan golongan ini.

Berikutan cadangan dan seruan Murshid mengenai penilaian OKU untuk dimasukkan ke dalam perluasan skop asnaf zakat seperti asnaf fakir dan miskin, asnaf *fi sabilillah* dan asnaf *al-Riqab*, penulis melihat cadangan ini ada logiknya kerana OKU adalah sangat sinonim dengan kemiskinan walaupun ada dalam kalangan mereka yang

---

<sup>72</sup> Luqman Abdullah (Pensyarah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis, 15 dan 16 Februari 2013.

kaya. Sekalipun begitu, ini bukanlah alasan untuk menghalang mereka daripada menerima zakat kerana mereka juga boleh termasuk dalam asnaf *fi sabilillah* dan asnaf *ar-Riqab*.

Sewajarnya isu mengenai kelayakan OKU tergolong dalam mana-mana asnaf yang lapan ini perlu dibincangkan oleh majlis fatwa kebangsaan secara lebih serius dalam usaha membela kebajikan golongan kurang upaya termasuk membincangkan kedudukan OKU dalam asnaf yang lebih tepat bukannya kenyataan yang bersifat individu di media-media. Ini bagi mengelak berlaku ketidakselarian pendapat antara majlis agama di antara negeri-negeri di negara ini dalam pengagihan zakat kepada OKU.

Institusi agama pula perlu ditransformasikan gerak kerja pengurusan supaya tidak dilihat terlalu eksklusif yang mahukan orang-orang yang susah mencari mereka berbanding institusi agama sendiri mengambil inisiatif proaktif dengan mengambil langkah mendekati golongan yang memerlukan bantuan. Ahli politik sama ada dari kerajaan mahupun pembangkang perlu lebih bersungguh dalam membela OKU di negara ini dan tidak bersifat keuntungan politik baru mahu membela OKU. Begitu juga masyarakat perlu memahami keperluan, kebajikan dan hak-hak OKU seperti yang terkandung di dalam Akta OKU 2008.<sup>73</sup>

#### **1.4.2 MEMORANDUM BANGKIT 2012**

Memorandum Bangkit 2012 adalah satu usaha bagi menuntut kerajaan mewujudkan agensi-agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat yang cakna dalam memahami keperluan, keupayaan dan sumbangan kepada Orang Kurang Upaya (OKU).

Berkuatkuasanya Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) pada 7 Julai 2008 adalah suatu tahap kejayaan yang penting kepada usaha membangunkan Orang Kurang

---

<sup>73</sup> Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, "Zakat : Satu Harapan Mahasiswa OKU".

Upaya (OKU) di Malaysia. Ianya diikuti pula dengan tindakan kerajaan meratifikasikan “*Convention on the Rights of Persons with Disabilities*” pada 19 Julai 2010.<sup>74</sup>

Wawasan 2020 yang ingin membawa Malaysia mencapai status negara maju kini kian hampir. Dalam suasana inilah cabaran kepada pembangunan OKU terus menyaksikan lompang-lompang dalam sistem yang terdiri dari pemerintah dan rakyat yang perlu mendapat perhatian segera dan sewajarnya. Apatah lagi cabaran ketujuh Wawasan 2020 yang ingin mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu satu sistem sosial yang mengutamakan kepentingan mereka yang selalunya dipinggirkan dan ditindas.<sup>75</sup>

Pengerusi Kumpulan Kerja OKU Majlis Peguam, Muhammad Faizal Che Yusof berkata, tuntutan itu dibuat bagi mendesak kerajaan tidak mengamalkan diskriminasi berasaskan kecacatan terhadap golongan tersebut.<sup>76</sup>

OKU adalah individu yang hidup dalam sistem masyarakat yang tidak harus dipinggir atau dilihat terpinggir dalam arus perdana pembangunan. Justeru itu, memorandum yang mengandungi 11 tuntutan itu telah diserahkan kepada wakil Suhakam, Prof. Datuk Dr Khaw Lake Tee untuk diperhalusi bagi kesinambungan pembangunan OKU yang lebih lestari.

Perkara pertama yang dituntut di dalam memorandum ini ialah pemantapan undang-undang sedia ada bagi menjamin kelangsungan hidup OKU melalui pindaan perlembagaan bagi memasukkan “tiada diskriminasi berasaskan kecacatan” dalam Perkara 8 (2)<sup>77</sup> dan 12(1)<sup>78</sup>, meminda Akta OKU 2008 (Akta 685) bagi menyediakan

---

<sup>74</sup> Memorandum Bangkit 2012, 1.

<sup>75</sup> *Ibid.*

<sup>76</sup> Muhammad Faizal Che Yusof, “Utusan Serah Memorandum Tuntut Kerajaan”, laman sesawang *Buletin Prihatin*, dicapai 1 Februari 2013, <http://bprihatin.blogspot.com/2012/03/utusan-serah-memorandum-tuntut-kerajaan.html>.

<sup>77</sup> Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan Persekutuan, tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang

remedi dan hukuman yang sewajarnya terhadap pihak-pihak yang gagal mematuhi hak-hak yang diberikan kepada OKU. Selain itu, pemantapan undang-undang dilakukan melalui meratifikasikan sepenuhnya “*Convention on the Rights of Persons with Disabilities*” termasuk “*Optional Protocol*” dan memperkasakan Majlis Kebangsaan OKU yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta OKU 2008 termasuklah penyediaan laporan majlis yang boleh diakses oleh semua pihak yang berkepentingan.

Perkara kedua yang perlu diperhalusi ialah pendaftaran wajib bagi memastikan dasar dan perancangan kerajaan tepat. Pendaftaran wajib boleh dilakukan bagi OKU yang dikenalpasti pada waktu kelahirannya. Persoalan keengganan ibu bapa atau penjaga untuk mendaftar anak OKU kerana malu dan sebagainya mesti diatasi demi kepentingan anak yang dilahirkan. Anak tersebut merupakan warganegara yang berhak menikmati kehidupan yang baik dan ia menjadi tanggungjawab kerajaan dalam merencanakan pembangunan OKU yang memberi kesan kepada OKU keseluruhannya.<sup>79</sup>

Antara tuntutan lain di dalam memorandum ini meliputi pencelahan awal dan pembentukan sokongan keluarga, memperkasakan keluarga (*family empowerment*), pendidikan yang menepati keperluan kecacatan, kemahiran hidup, pekerjaan dan sara hidup, cabaran OKU dalam membina keluarga, perumahan, kebolehasnesan ke tempat-tempat dan perkhidmatan awam, penyertaan OKU dalam membentuk masyarakat dan keperluan OKU di hari tua.

---

berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau penjalanan apa-apa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.

<sup>78</sup> Tanpa menjejaskan keluasan Perkara 8, tidak boleh ada diskriminasi terhadap mana-mana warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir :

(a) dalam pentadbiran mana-mana institusi pendidikan yang disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam, dan, khususnya, kemasukan murid-murid atau pelajar-pelajar atau pembayaran fi; atau

(b) dalam memberikan bantuan kewangan daripada wang sesuatu pihak berkuasa awam bagi penyenggaraan atau pendidikan murid-murid atau pelajar-pelajar di mana-mana institusi pendidikan (sama ada disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam atau tidak dan sama ada di dalam atau di luar Persekutuan).

<sup>79</sup> Memorandum Bangkit 2012, 3.

Menurut Muhammad Faizal Che Yusof, pindaan itu penting kerana setakat ini Malaysia mempunyai kira-kira 4.2 juta OKU daripada jumlah keseluruhan penduduk iaitu kira-kira 28 juta orang dan ini menunjukkan faktor kecacatan semakin bertambah saban hari.<sup>80</sup> Oleh itu, memorandum ini meminta kerajaan mewujudkan satu portfolio baru yang akan bertanggungjawab terhadap golongan OKU dan dapat mengutarakan pandangan serta cadangan terus kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut beliau juga, memorandum ini telah diterima oleh Pesuruhjaya Suhakam pada 17 Mac 2012 di Dewan Raja Idrus, Majlis Peguam Malaysia. Beliau telah difahamkan bahawa isi kandungan memorandum 11 perkara tersebut telah menjadi rujukan pelbagai pihak termasuk dari kementerian-kementerian. Hampir keseluruhan isi kandungan memorandum 11 perkara tersebut telah juga dinilai untuk diberi perhatian dalam pembentukan Dasar dan Pelan Tindakan berkaitan OKU bagi 2014-2020 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Beliau nyatakan bahawa 11 perkara yang menjadi tuntutan dalam Memorandum OKU Bangkit bukanlah suatu isu baru. Bahkan ia adalah isu yang didepani OKU sejak dulu. Usaha mereka menyatukan keseluruhan isu-isu dalam satu dokumen awam hanyalah bertujuan memudahkan semua pihak memberi fokus kepada isu-isu OKU yang pelbagai kategori. Beliau juga menyatakan bahawa penerimaan terhadap isi kandungan memorandum tidak sekali-kali menjadikan usaha mereka terhenti. Paling penting, setiap perancangan yang dibuat mestilah menyeluruh untuk manfaat seluruh OKU dan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

## **1.5 KESIMPULAN**

Kecacatan yang ada pada diri mereka bukanlah atas kehendak mereka, namun semuanya tetap diterima dengan hati yang tabah. Ini semua adalah dugaan Tuhan ke

---

<sup>80</sup> Muhammad Faizal Che Yusof, "Utusan Serah Memorandum Tuntut Kerajaan", laman sesawang *Buletin Prihatin*, dicapai 1 Febuari 2013, <http://bprihatin.blogspot.com/2012/03/utusan-serah-memorandum-tuntut-kerajaan.html>.



atas hamba-Nya. Namun jauh di sudut hati mereka ini terselit jua rasa ingin menikmati hidup yang bahagia sebagaimana insan lain. Mereka amat memerlukan sokongan dan dorongan daripada masyarakat sekeliling bukannya perasaan simpati semata-mata.<sup>81</sup>

Menyedari keadaan inilah sejak dahulu hingga sekarang nasib orang cacat sering mendapat perhatian daripada masyarakat. Semakin hari semakin banyak rumah amal dan pusat pemulihan yang ditubuhkan semata-mata untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik supaya dapat melatih mereka berdikari, lebih produktif, berpedoman dan mempunyai matlamat hidup yang tertentu.<sup>82</sup>

Usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam memberi jagaan, kemahiran dan mendapatkan peluang pekerjaan bagi golongan ini adalah sangat dipuji. Walaupun demikian, usaha yang kuat perlu dilakukan bagi mengembang dan memajukan kemampuan dan kemahiran orang cacat anggota dalam bidang tertentu supaya mereka lebih produktif dan tidak perlu bergantung kepada belas ihsan orang lain. Mereka juga adalah sebahagian daripada anggota masyarakat dan sewajarnya mereka juga berpeluang menikmati hidup sebagaimana warga negara yang lain.

Pembangunan program OKU yang dilakukan perlu dilihat dari dua aspek iaitu OKU sebagai golongan yang dikategorikan sebagai condong kepada kemiskinan dan program pembangunan OKU sebagai seorang insan dan warganegara Malaysia. Justeru, pembangunan OKU perlu ditangani secara lebih menyeluruh dengan meletakkan tanggungjawab pembangunan OKU di bawah satu portfolio yang melapor terus kepada Kabinet dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bukannya di bawah satu unit di dalam jabatan di sesebuah kementerian sahaja.<sup>83</sup>

---

<sup>81</sup> Yusri Abd. Malik dan Siti Paujiah, *Kecacatan Anggota* (Selangor : Setiomas, 1995), 33.

<sup>82</sup> *Ibid.*

<sup>83</sup> *Ibid.*

Pembabitan OKU seterusnya dalam penyediaan dasar-dasar negara perlu dipertimbangkan termasuklah memberi peluang kepada OKU menjadi ahli di kedua-dua dewan Parlimen, menjawat jawatan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan menganggotai bahagian-bahagian dan badan-badan kerajaan yang merangka dasar yang lain.

Sikap “menolong diri” dan cara hidup yang bebas hanya akan berjaya sekiranya OKU benar-benar dapat mengambil bahagian secara aktif, mendalam dan meluas dalam proses “membuat keputusan” di mana-mana isu yang menjadi sebahagian daripada penghidupan OKU seharian. Tanpa pembabitan OKU secara langsung dalam proses merangka dan menggubal dasar serta perundangan negara, dalam apa jua bidang, mana mungkin sesuatu yang baik dan bermakna untuk OKU dapat dihasilkan.<sup>84</sup>

---

<sup>84</sup> *Ibid.*, 10.

## **BAB 2: ANALISIS HADITH MENGENAI ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) DAN CARA INTERAKSI RASULULLAH S.A.W BERSAMA OKU**

### **2.1 PENDAHULUAN**

Interaksi merupakan salah satu aktiviti manusia yang sangat penting selaras dengan tujuannya untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada sesuatu pihak atau menerima sesuatu mesej daripada sesuatu pihak. Interaksi manusia seharian tidak dapat lari daripada berlakunya kepincangan. Justeru itu, agama Islam telah menggariskan beberapa adab dalam berinteraksi sesama manusia supaya kepincangan dalam berinteraksi dapat dikurangkan atau dielakkan daripada terus berlaku dan seterusnya dapat melahirkan masyarakat yang bertoleransi serta saling berkasih sayang.

Interaksi yang terbaik adalah interaksi yang berlangsung antara Rasulullah S.A.W dengan umatnya ataupun masyarakat lain pada zaman baginda yang mana baginda S.A.W tidak pernah memilih pangkat darjat dalam berinteraksi. Hal ini dapat dibuktikan dengan wujudnya hadith-hadith sahih yang berkaitan orang kurang upaya (OKU) pada zaman baginda yang menjadi bukti telah berlangsungnya interaksi yang baik antara baginda dengan golongan ini yang mana baginda berusaha menterjemahkan kesaksamaan dan menghapuskan diskriminasi dan penindasan dalam berinteraksi.

### **2.2 ADAB DALAM BERINTERAKSI**

Adab-adab dalam berinteraksi merupakan sebahagian daripada sistem akhlak yang diaturkan oleh agama Islam untuk kepentingan dan kebaikan manusia. Adab-adab tersebut bertujuan agar interaksi boleh berlangsung dengan baik, seterusnya mewujudkan keamanan, kesejahteraan serta keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

Antara adab yang digariskan oleh Islam dalam berinteraksi ialah berinteraksi dengan teratur. Berinteraksi dengan teratur ialah berinteraksi dengan mengutamakan

sesuatu yang lebih penting. Penyusunan berdasarkan kepentingan ini adalah perlu agar interaksi dapat berlangsung dengan baik. Sikap tidak teratur atau gopoh ketika berinteraksi akan menyebabkan penerima sukar atau tidak memahami mesej yang hendak disampaikan dan seterusnya menyebabkan berlakunya kepincangan. Model terbaik dalam hal ini ialah Rasulullah S.A.W yang sentiasa tenang dan teratur ketika berbicara bertepatan sabda baginda S.A.W:

((كان النبي صلى الله عليه وسلم كان يحدث حديثا لو عدده العاد لأحصاه))

Terjemahannya: Rasulullah S.A.W apabila berbicara, kalau hendak dikira kata-katanya, akan dapat dikira oleh orang yang mengira”.<sup>85</sup>

Dalam konteks ini, percakapan Rasulullah S.A.W itu adalah interaksi. Adab yang sama boleh digunakan dalam bentuk-bentuk interaksi lain. Setiap sesuatu perlu dilakukan dengan teratur dan mengikut keutamaannya serta tidak gopoh atau tergesa-gesa.

Selain itu, ketika berinteraksi, perlulah dengan fasih dan menggunakan bahasa yang mudah. Bahasa atau simbol yang digunakan ketika berinteraksi hendaklah tepat dan betul. Jika berlaku sebaliknya, akan membawa kepada kemungkinan berlakunya kepincangan dalam interaksi dan seterusnya menyebabkan interaksi tersebut gagal berlangsung. Kefasihan ketika berinteraksi perlu diamalkan agar proses tersebut dapat berjalan dengan baik dan mesra. Ini bertepatan dengan hadith Rasulullah S.A.W :

((إن الله يبغض البليغ من الرجال الذي يتخلل بلسانه كما تخلل الباقرة بلسانها)).

Terjemahannya: Sesungguhnya Allah tidak suka orang yang berpura-pura fasih dalam bicaranya, iaitu orang yang merentak-rentak dengan

---

<sup>85</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Manāqib, Bab Sifat an-Nabī S.A.W, No. hadith 3375.

lidahnya, seperti seekor lembu yang mengunyah-ngunyah dengan lidahnya.<sup>86</sup>

Kefasihan perlu diamalkan dalam apa jua bentuk dan bidang komunikasi. Ia banyak membantu para penerima dalam menerima dan memahami mesej dengan mudah.<sup>87</sup>

Berinteraksi mengenai perkara yang mudah difahami juga merupakan adab dalam berinteraksi. Tahap pengetahuan penerima adalah sangat penting dan perlu diambil kira ketika berinteraksi, agar interaksi dapat berlangsung dengan baik serta mesej yang disampaikan juga akan dapat diterima dan difahami dengan mudah dan jelas. Bagi melancarkan proses interaksi, perkara atau mesej yang hendak disampaikan hendaklah sesuai dengan tahap pengetahuan penerimanya bagi menjamin kelancaran interaksi yang berlangsung.

Rasulullah S.A.W amat menitikberatkan percakapan dengan bahasa dan gaya yang mudah difahami. Malah, berkomunikasi mengenai perkara yang mudah difahami merupakan ajaran dan tuntutan daripada Rasulullah S.A.W sendiri melalui hadith-hadith, antaranya:<sup>88</sup>

((حدثوا الناس بما يعرفون أتحبون أن يكذب الله ورسوله)).

Terjemahannya: “Berbicaralah kepada manusia dengan apa yang boleh mereka mengerti. Apakah kamu mahu mereka mendustakan Allah dan Rasul-Nya”.<sup>89</sup>

---

<sup>86</sup> Hadith riwayat Abū Dāūd, Kitab al-Adab, Bab Mā Jāa fī al-Mutashaddiq fī al-Kalām, No. hadith 5005. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan Abi Daud pada halaman 229 menghukumkan hadith ini sebagai sahih.

<sup>87</sup> Nasruddin Yunos, “*Konsep Komunikasi dan Peranannya dalam Pembinaan Peradaban Islam*”. (Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001), 88-89.

<sup>88</sup> *Ibid.*, 90.

<sup>89</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-‘Ilm, Bab Man Khaṣṣa bi al-‘Ilmi Qauman Dūna Qaumin Karāhiyyata an Lā Yafhamū, No. hadith 127.

Perkataan “berbicara” yang terdapat di dalam hadith di atas sangat jelas menunjukkan bahawa penyampaian mesej adalah menjadi salah satu penggerak utama dalam sesebuah proses interaksi.

Ketika berinteraksi juga, kita perlulah mengambil kira masa yang diambil untuk berinteraksi. Sebaiknya interaksi tersebut berlaku dengan kepanjangan yang sederhana. Kadar mesej dan penyampaian dalam sesebuah proses komunikasi perlu disesuaikan dengan masa serta ruangan yang sepatutnya, bergantung kepada keadaan. Komunikasi yang dilakukan tidak perlu terlalu panjang meleret-leret dan tidak pula terlalu pendek sampai tergantung-gantung. Kepanjangan hanya mengundang kebosanan, manakala kependekan pula hanya menyebabkan ketidakfahaman. Oleh itu, mesej dan masa yang digunakan bagi melangsungkan sesebuah interaksi hendaklah dalam kuantiti sederhana.<sup>90</sup>

Rasulullah S.A.W adalah model terbaik dalam berinteraksi. Baginda sentiasa mengamalkan kesederhanaan, sama ada dalam perbicaraan lisan, perbuatan ataupun dalam surat-suratnya. Perkataan yang baginda gunakan adalah ringkas, jelas dan sedap didengar tetapi masih mengandungi erti serta maksud yang dalam dan meluas.

Antara adab lain ketika berinteraksi yang digariskan oleh Islam ialah penyampai mesej perlu memberi perhatian serta tumpuan. Pandangan dan wajah penyampai hendaklah dihalakan ke arah penerima ketika berinteraksi. Dengan itu, penerima akan lebih berminat dan mudah memahami mesej yang hendak disampaikan dan seterusnya berasa lebih dihormati dan dihargai.

Rasulullah S.A.W sentiasa memberikan perhatian kepada pendengar atau penerima mesej yang hendak baginda sampaikan, sehinggakan pendengar atau penerima

---

<sup>90</sup> Nasruddin Yunus, “*Konsep Komunikasi dan Peranannya dalam Pembinaan Peradaban Islam*”, 90-91.

merasakan seolah-olah perbicaraan Rasulullah S.A.W tersebut adalah terfokus kepada dirinya.<sup>91</sup>

Selain itu, melapangkan hati penerima dan memberikan perhatian sepenuhnya kepada penyampai ketika berinteraksi juga termasuk dalam adab-adab berinteraksi yang digariskan oleh agama kita.

Adab-adab berinteraksi yang telah dikemukakan oleh penulis merangkumi semua bentuk interaksi. Rasulullah S.A.W merupakan model terbaik bagi menerangkan tentang adab dan akhlak tersebut. Tanpa adab dan akhlak tersebut, interaksi masih boleh berlangsung dan berlaku secara teknikalnya, tetapi akan berada di luar sempadan panduan syarak. Adab berinteraksi yang dianjurkan oleh Islam sebenarnya adalah untuk kebaikan manusia sendiri. Tanpa unsur-unsur tersebut, interaksi akan menjadi pincang.

### **2.3 PANDANGAN ISLAM TERHADAP OKU**

Dari segi tasawur, ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Khaliq menyatakan bahawa Islam menganggap kewujudan OKU sebagai suatu kebaikan dan keberkatan kerana kasih sayang dan khidmat terhadap mereka akan menjadi faktor kepada kewujudan rahmat serta ganjaran Allah S.W.T kepada manusia di sekeliling OKU.<sup>92</sup>

Islam mempunyai konsep yang sangat luas tentang OKU, yang sangat holistik dan mencakupi multidimensi dan perspektif. Multidemensi dengan melihat OKU dari aspek kekuasaan dan kebesaran Allah S.W.T, kejadian yang menurut kehendak-Nya, kemuliaan OKU sebagai manusia yang sebaik-baik makhluk yang dicipta untuk beribadat kepada-Nya sebagaimana manusia normal lain dan turut memikul amanah Allah S.W.T sebagai khalifah di dunia ini, serta OKU sebagai ciptaan Allah S.W.T yang

---

<sup>91</sup> *Ibid.*, 91-92.

<sup>92</sup> ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Khaliq, *Al-Mashuq fī Ahkām al-Muawwaq Majallāt al-Ḥikmah* (Leeds : Buhūth al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, 1995), 159.

bukan secara sia-sia. Konsep OKU berdasarkan multiperspektif pula adalah ujian yang harus diterima dengan redha dan syukur dari perspektif OKU, sebagai nikmat dan anugerah Allah S.W.T yang harus diterima dengan penuh keinsafan dalam menghayati kejadian-Nya dari perspektif ahli keluarga OKU dan masyarakat di sekeliling OKU. Keluarga OKU, masyarakat sekeliling dan kerajaan berkewajipan dari segi syarak untuk memberi khidmat serta bantuan kewangan kepada OKU yang lemah dan kebanyakannya miskin,<sup>93</sup> kerana penjagaan OKU termasuk dalam fardhu kifayah.<sup>94</sup>

## 2.4 OKU DALAM AL-QURAN

Secara umumnya, OKU tidak disebut dalam al-Quran berdasarkan kecacatan zahir. Istilah-istilah seperti pekak, bisu dan buta yang banyak disebut secara berulang kali tidak merujuk kepada kecacatan sebenar tetapi secara analogi melambangkan golongan yang menolak atau enggan menerima seruan untuk beriman kepada Allah S.W.T. Interaksi al-Quran dengan golongan yang ingkar melalui analogi kecacatan menunjukkan penghinaan hanya berlaku kepada manusia yang cacat batin (tidak beriman). Hal ini membuktikan bahawa dalam Islam, kecacatan zahir tidak pernah memberikan sebarang implikasi kekurangan, kehinaan atau penyimpangan (*deviant*). Merujuk kepada surah ‘Abasa, golongan OKU mendapat kedudukan yang istimewa apabila Rasulullah S.A.W menerima teguran tentang cara layanan baginda terhadap ‘Abdullah bin Ummi Maktum, seorang yang buta.<sup>95</sup>

عَبَسَ وَتَوَلَّى ۝١ أَن جَاءَهُ الْأَعْمَى ۝٢ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهٗ يُزَكَّى ۝٣ أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ  
 ٱلذِّكْرَى ۝٤ أَمْ مِّنْ أَسْتَغْنَى ۝٥ فَأَنْتَ لَهُ تَصَدَّى ۝٦ وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَرْكَبَ ۝٧  
 وَأَمَّا مَن جَاءَكَ يَسْعَى ۝٨ وَهُوَ يَخْشَى ۝٩ فَأَنْتَ عَنْهُ تَلَهَّى ۝١٠

<sup>93</sup> ‘Abd al-‘Illah ‘Uthman al-Sha’i, *Al-Lu’lu al-Thamin min Fatāwā al-Muawwaqin* (Arab Saudi : Dār al-Sami’i, 1997), 39-45.

<sup>94</sup> Nor Salimah Abu Bakar, “Konsep Orang Kurang Upaya menurut Perspektif Islam” dalam *Pengurusan Ilmu Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam*, ed. Zakaria Bahari, Fadzila Azni Ahmad dan Roselee Shah Shahrudin (Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 2011), 55.

<sup>95</sup> *Ibid.*, 64.



Terjemahannya: 1. Ia memasak muka dan berpaling 2. kerana ia didatangi orang buta. 3. dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya, Wahai Muhammad)? Barangkali ia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatinya daripadamu)! 4. Ataupun ia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya. 5. Adapun orang yang merasa keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran Al-Quran), 6. Maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya. 7. Padahal engkau tidak bersalah kalau ia tidak mahu membersihkan dirinya (dari keingkarannya). 8. Adapun orang yang segera datang kepadaMu, 9. Dengan perasaan takutnya (melanggar perintah-perintah Allah), 10. Maka engkau berlengah-lengah melayaninya.

Menurut Sya’ban, selepas peristiwa tersebut, Rasulullah S.A.W sangat memuliakan beliau dan apabila melihatnya baginda akan berkata, “Selamat datang orang yang telah menyebabkan aku ditegur oleh Tuhanku.”<sup>96</sup> ‘Abd al-Majīd Ta’amah Ḥalabī dalam *Lubāb al-Nuqūl*, sebuah kitab yang menyemak dan menyusun semula kandungan *Asbāb al-Nuzūl*, karangan al-Imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭi menyebut bahawa *asbāb al-nuzūl* (sebab-sebab turun ayat bagi ayat pertama dan kedua surah ‘Abasa

﴿٢﴾ ﴿١﴾ ٩٧ ialah:

Riwayat ini telah dikeluarkan oleh al-Tirmidhī daripada ‘Aisyah RA berkata: “Telah turun ayat: ﴿١﴾ ﴿٢﴾ عَبَسَ وَتَوَلَّى tentang ‘Abdullah bin Ummi Maktūm yang buta, yang telah datang menemui Rasulullah S.A.W, berilah tunjuk ajar kepadaku! Sedangkan di sisi Rasulullah S.A.W pada ketika itu seorang tamu lelaki daripada kalangan pembesar musyrikin, lalu Rasulullah memalingkan muka darinya (tidak menghiraukan ) dan memberi tumpuan kepada lelaki Quraisy itu; baginda bertanya: “Adakah sesuatu yang tersalah (dengan kehadiran Ibn Ummi Maktum)?”. Lelaki itu menjawab: “Tidak ada”<sup>98</sup>, maka turunlah ayat: ﴿١﴾ ﴿٢﴾ عَبَسَ وَتَوَلَّى

<sup>96</sup> Sya’ban ‘Aiman Salih, *Asbāb al-Nuzūl li al-Wahidī* (Kaherah : Dār al-Hadīth, 1995), 385.

<sup>97</sup> ‘Abd al-Majid Ta’amah Halabi, *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl* (Beirut : Lubnan, 2000), 425.

<sup>98</sup> Hadith riwayat at-Tirmidhi, Kitab Tafsir al-Quran, Bab Wa Min Surah ‘Abasa, No. hadith 3331, 755-756. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan at-Tirmidhi pada halaman 363 menghukumkan sanad hadith ini adalah sahih.

Muhammad ‘Ali al-Sabuni yang melakukan analisis terperinci dan mendalam dalam kitabnya *Qabas min Nūr al-Quran* mengulas semula riwayat-riwayat tentang sebab turunnya kedua-dua ayat tersebut dengan menyebut bahawa peristiwa yang berlaku menggambarkan kesungguhan dakwah Rasulullah S.A.W dengan memberi tumpuan terhadap kalangan pembesar atau pemuka Quraisy. Fokus dan keutamaan yang diberikan kepada pembesar-pembesar tersebut dianalisis sebagai suatu ijihad dakwah Rasulullah S.A.W dengan harapan bahawa pengislaman pembesar Quraisy akan memungkinkan pengislaman keseluruhan pengikutnya<sup>99</sup> dan ini akan memberi kejayaan besar kepada dakwah Islam. Namun, ketika satu sesi pertemuan dengan pembesar-pembesar tersebut sedang berjalan, datang ‘Abdullah bin Umī Maktūm seorang yang buta lalu meminta Rasulullah S.A.W mengajarkan kepadanya tentang Islam dan permintaan itu disebut secara berulang-ulang, tanpa mengetahui situasi Rasulullah S.A.W ketika itu. Tindakan ‘Abdullah yang mencelah secara tidak disengajakan itu telah memberi tekanan kepada Rasulullah S.A.W yang sedang berhadapan dengan pembesar-pembesar yang terhormat dalam kalangan Quraisy. Rasulullah S.A.W menjadi tidak senang apabila percakapannya dipotong oleh ‘Abdullah lalu rona wajah baginda berubah dan berpaling (tidak menghiraukannya) dalam keadaan baginda terfikir bahawa musyrikin Quraisy pasti akan mengatakan pengikutnya hanya terdiri dari kalangan orang miskin, hamba dan orang buta sahaja. Sejurus selepas Rasulullah S.A.W meneruskan percakapannya dengan menghadap kepada musyrikin, Allah S.W.T menurunkan ayat ﴿عَبَسَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١﴾ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَىٰ ﴿٢﴾﴾; sebagai suatu celaan halus dan lembut atas tindakan Rasulullah S.A.W itu.<sup>100</sup>

---

<sup>99</sup> Muhammad ‘Ali al-Sabuni, *Qabas min Nūr al-Qurān al-Karīm* (Damsyik : Dār al-Qalām, 1993), 49 dan ‘Abdullah Mohd Basmeih, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran* (Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992), 1634.

<sup>100</sup> Nor Salimah Abu Bakar, “Konsep Orang Kurang Upaya menurut Perspektif Islam” dalam *Pengurusan Ilmu Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam*, 64-65.

Di sisi lain, teguran di atas mengajarkan kepada Nabi Muhammad S.A.W bahawa ada perkara yang terlihat dengan pandangan mata serta petunjuk yang nampak bahawa itulah yang baik dan tepat, tetapi pada hakikatnya jika diperhatikan lebih dalam lagi dan difikirkan secara saksama atau jika diketahui hakikatnya yang terdalam, maka ia tidak begitu. Allah mengajar baginda bahawa jika dilihat berdasarkan petunjuk yang nyata bahawa tokoh-tokoh kaum musyrikin yang dilayani Nabi Muhammad S.A.W itu diharapkan memeluk agama Islam, maka pada hakikatnya tidaklah demikian.<sup>101</sup> Tokoh-tokoh tersebut sama sekali menolak dakwah baginda dan adalah lebih baik baginda melayani seseorang yang mempunyai keinginan untuk belajar dan mentazkiyahkan diri seperti Abdullah bin Ummi Maktūm.

Keterangan ayat 1 hingga 10 surah 'Abasa menunjukkan bahawa perlunya seseorang pendakwah memahami psikologi OKU agar dakwah dapat disampaikan secara berkesan. Panduan al-Quran tersebut hendaklah dijadikan panduan bagi orang Islam dalam berinteraksi dengan OKU, khususnya untuk tujuan dakwah.<sup>102</sup> Wahyu yang diturunkan ini telah menimbulkan kesedaran dan keinsafan; dan sejak itu, baginda Rasulullah S.A.W mengambil sikap memberikan perhatian dan layanan yang sama, tanpa mengira taraf kedudukan seseorang, baik miskin atau kaya, rendah atau mulia, hamba atau merdeka; dan Ibnu Ummi Maktūm mula dihormati dan dilayani sebaiknya oleh Rasulullah S.A.W sesudah itu. Sikap persamaan taraf yang dibawa oleh baginda Rasulullah S.A.W telah menarik perhatian golongan ramai hamba abdi dalam masyarakat Makkah, hingga menimbulkan kebimbangan, kegelisahan dan gementar di

---

<sup>101</sup> M.Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah Pesan, kesan dan keserasian al-Quran* (Jakarta : Lentera Hati, 2002).

<sup>102</sup> Ab Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya* (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2009), 27.

kalangan kaum musyrikin. Kegelisahan dan gementar itu lebih memuncak terutamanya golongan mereka yang angkuh dengan kekayaan harta.<sup>103</sup>

Para pendakwah seharusnya mengambil pengajaran daripada teguran Allah S.W.T terhadap Rasulullah S.A.W mengenai cara layanan baginda kepada Ibnu Ummi Maktūm seperti yang telah diceritakan dalam surah 'Abasa ayat 1 hingga 10 ini. Para pendakwah perlu menyampaikan dakwah, tarbiah dan nasihat yang baik kepada sesiapa sahaja tanpa mengira kedudukan dan keturunan mereka sama ada mereka itu orang miskin, orang kurang upaya, anak-anak yatim, orang-orang tua dan sebagainya. Sesungguhnya nilai yang tinggi dan mulia di sisi Allah S.W.T adalah mereka yang paling bertakwa kepadanya.

Peristiwa ini menunjukkan kepada kita betapa pentingnya teguran ini sehingga baginda sendiri memerlukan bimbingan secara langsung daripada Allah S.W.T. Oleh itu, sebagai pendakwah kita seharusnya menjadikan peristiwa yang berlaku dalam surah ini sebagai bimbingan dan panduan untuk kita menentukan golongan *mad'u* mana yang sepatutnya kita dahulukan dan utamakan demi kelangsungan dakwah dan tarbiah Islam.

Seandainya *mad'u* seperti Abdullah ibn Ummu Maktūm, yang datang bersungguh-sungguh untuk mengenal Islam serta mempunyai keinginan untuk membersihkan diri, maka golongan ini haruslah lebih diberi keutamaan dan bukan diabaikan.

Manakala sekiranya mereka seperti pembesar-pembesar Quraisy yang telah Allah nyatakan pada ayat 5 hingga 7, tidak menjadi kesalahan kepada para pendakwah dan tidak rugi jika kita tidak meletakkan mereka sebagai prioriti dakwah seandainya *mad'u*

---

<sup>103</sup> Mohd Rashad Shamsuddin, *Sirah Muhammad* (Kuala Lumpur : Al-Hidayah, 2002), 109-110.

yang kita kejarkan itu, yang kita rasakan akan memberi kesan yang besar kepada Islam namun mereka pula merasakan diri mereka berdikari serta tidak memerlukan kepada peringatan dan hidayah Allah. Dalam hal ini mereka sendiri yang rugi kerana tidak mempunyai keinginan untuk memperbaiki dan membersihkan diri dari kemungkaran dan kejahilan.

Selain itu, terdapat juga ayat lain yang membicarakan mengenai perihal OKU iaitu mengenai ketentuan berperang bagi orang yang mampu dan terhalang daripada berperang. Ayat tersebut adalah daripada surah an-Nisā’:

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ  
وَأَنْفُسِهِمْ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ  
الْحَسَنَىٰ وَفَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾ دَرَجَاتٍ مِّنْهُ وَمَغْفِرَةً  
وَرَحْمَةً وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٩٦﴾

An-Nisā’ 4 : 95-96

Terjemahannya : 95. Tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang-orang yang beriman selain daripada orang-orang yang ada keuzuran dengan orang-orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwanya. Allah melebihkan orang-orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang kerana uzur) dengan kelebihan satu darjat. Dan tiap-tiap satu (dari dua golongan itu) Allah menjanjikan dengan balasan yang baik (Syurga), dan Allah melebihkan orang-orang yang berjuang atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang dan tidak ada sesuatu uzur) dengan pahala yang amat besar; 96. Iaitu beberapa darjat kelebihan daripadanya, dan keampunan serta rahmat belas kasihan. dan (ingatlah) adalah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Imam Syafie dalam menafsirkan ayat 95 surah an-Nisā’, mengatakan adalah jelas bahawa Allah S.W.T menjanjikan kebaikan kepada mereka yang tidak mempunyai keuzuran walaupun tidak turut serta dalam berjihad. Ini menunjukkan golongan seperti mereka ini tidak berdosa sekiranya tidak turut serta dalam berjihad malah Allah S.W.T

menjanjikan kebaikan (syurga) kepada mereka asalkan mereka beriman kepada Allah S.W.T tanpa sebarang keraguan.

Ketika mana Allah S.W.T menjanjikan kebaikan (syurga) kepada mereka yang tidak ikut serta dalam peperangan, ini menunjukkan bahawa tuntutan ini merupakan fardhu kifayah dan tidak berdosa bagi mereka yang tidak ikut serta. Sekiranya tuntutan ini adalah wajib, sudah tentu Allah S.W.T tidak menjanjikan kebaikan kepada mereka yang tidak pergi berperang.

Daripada firman Allah S.W.T ini boleh dilihat bahawa tuntutan berjihad adalah ke atas mereka yang sihat tubuh badan dan tidak mempunyai sebarang keuzuran. Maka jadilah hal itu sebagai jalan keluar bagi mereka yang mempunyai keuzuran untuk tidak turut serta dalam berjihad; seperti buta, pincang dan sakit.

Di dalam surah ini juga Allah S.W.T menceritakan tentang kelebihan orang yang keluar berjihad berbanding orang-orang yang hanya duduk sahaja kecuali bagi mereka yang mempunyai keuzuran, dengan ganjaran berupa syurga yang berbagai rahmat dan berkat sebagai tanda kebaikan dan kemuliaan-Nya serta menjanjikan keampunan kepada mereka.

## **2.5 OKU DALAM HADITH SERTA CARA RASULULLAH S.A.W BERINTERAKSI BERSAMA MEREKA**

Terdapat beberapa buah hadith sahih yang menyentuh mengenai interaksi Rasulullah S.A.W bersama OKU pada zaman baginda. Hadith-hadith ini menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W dan para sahabat menjaga kebajikan OKU hinggalah mereka cukup senang dalam menempuh kehidupan sebagai hamba Allah yang cacat dan serba kekurangan. Rasulullah S.A.W dan para sahabat juga telah mempamerkan satu teladan hebat dalam aspek kebajikan, demikianlah juga dalam aspek hak-hak asasi OKU.

Berikut merupakan hadith yang menjadi bukti berlakunya interaksi antara Rasulullah S.A.W bersama orang kurang upaya dan orang yang lemah.

## 2.5.1 ASPEK IBADAH

### 2.5.1.1 KEMUDAHAN KEPADA OKU DALAM MENGERJAKAN SOLAT MENGIKUT KEUPAYAAN

((صَلِّ قَائِمًا , فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا , فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ)).

Terjemahannya: Solatlah dalam keadaan berdiri, jika tidak mampu solatlah dalam keadaan duduk, jika tidak mampu, solatlah di atas lambungmu (mengiring).

- i. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam al-Jami' as-Ṣoḥīḥ li al-Bukhārī dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>104</sup>
- ii. Abu Daud juga meriwayatkan di dalam Sunannya dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>105</sup>
- iii. At-Tirmidhi juga turut meriwayatkan di dalam Jami'nya dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>106</sup>
- iv. Ibn Majah meriwayatkan di dalam Sunannya dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>107</sup>
- v. Ahmad bin Hanbal di dalam Musnadnya dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>108</sup>

---

<sup>104</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab Taqṣir al-Ṣolāh, Bab Idhā Lam Yaṭiqqu Qā'idan Ṣollā 'alā Janbin, No. hadith 1117, 348.

<sup>105</sup> Hadith riwayat Abū Dāud, Kitab Ṣolāh, Bab Ṣolāh al-Qā'id, No. hadith 952, 165-166. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan Abi Daud pada halaman 266 menghukumkan hadith ini sebagai hadith sahih.


<sup>106</sup> Hadith riwayat At-Tirmidhī, Kitab al-Ṣolāh, Bab Mā Jāa anna Ṣolāh al-Qā'id 'alā al-Niṣf min Ṣolāh al-Qā'im, No. hadith 372, 101. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan at-Tirmidhi pada halaman 216 menghukumkan hadith ini sebagai hadith sahih.

<sup>107</sup> Hadith riwayat Ibnu Majah, Kitab Iqāmah as-Ṣalawāt wa as-Sunnah fīhā, Bab Mā Jāa fīṢolāt al-Mariḍ, No. hadith 1223, 217. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan Ibnu Majah pada halaman 362 menghukumkan hadith ini sebagai hadith sahih.

<sup>108</sup> Hadith riwayat Ahmad bin Hanbal, 426/4, No. hadith 19705, 15: 46-47. Syeikh Shu'ib al-Arnauth di dalam Mausū'ah al-Hadithiyyah Musnad Imam Ahmad bin Hanbal pada jilid ke-33, halaman 52 menghukumkan sanad bagi hadith ini adalah sahih mengikut syarat ṣaḥīḥain.

Solat boleh diibaratkan sebagai tiang agama. Sesiapa yang meninggalkannya dengan sengaja atau dengan alasan apa sekalipun bermakna dia berusaha untuk meruntuhkan agamanya sendiri. Tuntutan ini tidak terkecuali ke atas orang yang mengalami kecacatan kerana kecacatan yang dialami itu tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak menunaikan solat khususnya solat fardhu.

Hal ini kerana solat fardhu merupakan kewajipan yang paling utama bagi umat Islam sesudah mengucap dua kalimah syahadah yang mesti ditunaikan selagi bergelar mukalaf yang memenuhi syarat-syarat wajib solat. Mereka sebenarnya dibolehkan menunaikan ibadah ini sekadar mengikut kemampuan mereka<sup>109</sup>, seperti firman Allah S.W.T :

 لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Al-Baqarah 2 : 286

Terjemahannya: “Allah S.W.T tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya...”.

Dalil di atas jelas menunjukkan bahawa Islam tidak membebankan umatnya dengan sesuatu yang di luar kemampuan dan keupayaannya. Malah, Islam memberi kelonggaran kepada umatnya untuk melakukan kewajipan mengikut tahap keupayaan masing-masing sekiranya tidak berupaya untuk melaksanakannya seperti yang telah diperintahkan.

Kehilangan daya penglihatan (buta) tidak menjejaskan amalan solat orang buta. Mereka diwajibkan mengerjakan solat secara sempurna sama seperti orang normal yang lain baik dari segi rukun niat (*qalbī*) iaitu rukun yang melibatkan hati seperti niat atau rukun bacaan (*qaulī*) iaitu rukun yang melibatkan pertuturan seperti *takbiratul ihram* serta membaca al-Fatihah. Begitu juga rukun anggota

---

<sup>109</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*, 120.



(*fi`li*) iaitu rukun yang melibatkan pergerakan anggota badan seperti rukuk, sujud dan duduk *tahiyat akhir*.<sup>110</sup>

Individu yang dilahirkan pekak sudah pasti tidak boleh bertutur atau bisu. Pelaksanaan ibadah solat bagi orang bisu dan pekak juga sama seperti orang normal dari segi rukun niat dan rukun anggota. Namun mereka diberi keringanan dari segi rukun bacaan kerana mereka tidak boleh bercakap. Sebagai contoh, *takbiratul ihram* yang merupakan rukun bacaan yang pertama mewajibkan individu yang mengerjakan solat melafazkan *Allahu Akbar*. Dalam hal ini terdapat perbincangan *fuqaha'* tentang kewajipan rukun ini terhadap golongan bisu. Para ulama Mazhab Syafi'i berpendapat orang bisu wajib menggerakkan lidah, bibir dan epiglotisnya berdasarkan *makhraj huruf* tersebut sekadar mengikut kemampuannya. Sekiranya tidak mampu berbuat demikian, mereka hendaklah meniatkan takbir dalam hati. Manakala Mazhab Hanafi pula mengatakan bahawa kewajipan rukun ini tergugur daripada orang bisu kerana keuzuran mereka. Bahkan memadai bagi golongan ini meniatkan takbir di dalam hati sahaja. Mazhab Hanbali pula berpandangan bahawa kewajipan tersebut gugur daripada orang bisu yang langsung tidak boleh bercakap. Mazhab Maliki pula berpendapat jika seseorang itu terpotong lidahnya atau tidak boleh bercakap kecuali huruf *ba'* sahaja, maka kewajipan takbir gugur daripadanya.<sup>111</sup> Berdasarkan pandangan empat mazhab di atas, didapati bahawa pandangan Mazhab Syafi'i dianggap adalah lebih baik untuk diamalkan berasaskan sabda Nabi S.A.W:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((دَعُونِي مَا تَرَكْتُكُمْ, إِنَّمَا أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ سُؤْلُهُمْ وَاخْتِلَافُهُمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ, فَإِذَا نَهَيْتُمْ عَنْ شَيْءٍ فَاجْتَنِبُوهُ, وَإِذَا أَمَرْتُكُمْ بِأَمْرٍ فَأْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ))

---

<sup>110</sup> *Ibid.*, 121.

<sup>111</sup> *Ibid.*

Terjemahannya: “Biarkanlah apa yang aku tinggalkan untuk kalian. Sesungguhnya yang membinasakan umat sebelum kalian adalah karena banyaknya pertanyaan mereka dan (banyaknya) penyelisihan mereka kepada para nabi mereka. Maka apabila aku melarang sesuatu kepada kalian, tinggalkanlah. Dan apabila aku memerintahkan sesuatu kepada kalian, kerjakanlah semampu kalian.”<sup>112</sup>

Oleh itu, orang pekak yang tidak boleh bercakap wajib menggerakkan lidah dan bibirnya mengikut *makhraj huruf* sekiranya mampu sebelum menggunakan kaedah niat dalam hati jika sebaliknya. Kaedah niat dalam hati bermaksud mereka perlu menggambarkan lafaz takbir secara bahasa isyarat dalam hati. Sebaliknya, jika orang pekak tersebut mampu bertutur atau mengeluarkan bunyi walaupun sedikit, dia wajib menyebut lafaz tersebut mengikut kemampuannya. Hukum ini juga turut terpakai kepada rukun-rukun anggota yang lain yang terdapat dalam solat.<sup>113</sup>

OKU yang mengalami kecacatan anggota secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu mereka yang masih boleh berdiri, berkerusi roda dan lumpuh. Cara solat bagi ketiga-tiga kategori ini boleh *dqi*yaskan dengan cara solat orang sakit kerana persamaan *illah* antara keduanya iaitu keuzuran kepada anggota solat yang tertentu. Orang yang mengalami kecacatan anggota badan diwajibkan untuk melakukan solat seperti cara orang sakit bersolat. Cara solat mereka sebenarnya sama seperti orang normal dari sudut rukun niat dan rukun bacaan kecuali dalam rukun anggota yang dilakukan mengikut kemampuan masing-masing. Seseorang yang OKU, boleh solat menggunakan kaki palsu. Malahan, kerusi roda atau kerusi biasa juga boleh digunakan di dalam solat.

---

<sup>112</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-I’tisām bi as-Sunnah, Bab Qaul an-Nabi Sallallahu ‘Alayhi Wasallam (Bu’ithtu bi Jawāmi’ al-Kalam), No. hadith 7288, 361.

<sup>113</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*, 121.

Dalam hadith di atas mengajar kita bagaimana orang sakit dan OKU anggota menunaikan solat sama ada dengan cara berdiri, duduk ataupun baring. Untuk membezakan antara sujud dan rukuk, dibezakan dengan kadar tunduk kepala, di mana sujud lebih rendah dari rukuk. Kadarnya mengikut kemampuan masing-masing. Namun begitu, hadith ini adalah panduan bagi individu yang cacat anggota yang mana adalah berbeza cara pelaksanaan rukun solat bagi individu yang mengalami kecacatan bisu dan pekak seperti yang telah dijelaskan oleh penulis.

Secara kesimpulannya, Islam adalah satu cara hidup yang sesuai untuk dilaksanakan dalam setiap keadaan dan tempat. Ibadah yang disyariatkan di dalam Islam seperti solat, wajib dilaksanakan oleh setiap mukalaf. Cara pelaksanaan solat bagi golongan OKU sedikit berbeza daripada orang normal mengikut tahap keupayaan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa Allah S.W.T tidak memberatkan sesuatu kewajiban kepada hambanya melainkan sekadar apa yang terdaya serta menunjukkan ketegasan Rasulullah S.A.W tentang kewajipan mengerjakan solat kepada umatnya walaupun mereka itu adalah daripada golongan OKU kerana solat merupakan satu perbuatan yang wajib dikerjakan.

#### **2.5.1.2 SOLAT BERJEMAAH BAGI ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

((أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ أَعْمَى فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ لَيْسَ لِي قَائِدٌ يُقُودُنِي إِلَى الْمَسْجِدِ . فَسَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُرَخِّصَ لَهُ فَيُصَلِّيَ فِي بَيْتِهِ فَرَخِّصَ لَهُ فَلَمَّا وُلَّى دَعَاهُ فَقَالَ « هَلْ تَسْمَعُ النَّدَاءَ بِالصَّلَاةِ » . فَقَالَ نَعَمْ . قَالَ « فَأَجِبْ »)).

Terjemahannya : Seorang laki-laki buta mendatangi Nabi S.A.W, lalu dia berkata kepada Rasulullah, “Wahai Rasulullah, tidak ada seseorang yang menuntunku ke masjid.” Kemudian ia meminta keringanan kepada Rasulullah S.A.W baginya untuk solat di rumah saja. Rasulullah S.A.W memberi keringanan kepadanya. Ketika ia sudah berpaling hendak pergi, Rasulullah

S.A.W memanggilnya dan berkata kepadanya, “Apakah engkau mendengar seruan untuk solat?”. Dia menjawab, “Ya”. Pada riwayat lain, dia menjawab, “Ya”, maka sesungguhnya aku tidak menemui keringanan pada kamu.

- i. Hadith riwayat Muslim di dalam Sahih Muslim dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>114</sup>
- ii. Abū Dāud juga meriwayatkan di dalam Sunannya dengan makna yang sama.<sup>115</sup>
- iii. Ibnu Mājah juga meriwayatkan di dalam Sunannya dengan makna yang sama.<sup>116</sup>
- iv. An-Nasā’ī meriwayatkan di dalam Sunannya dengan makna yang sama.<sup>117</sup>

Solat mempunyai kepentingannya dalam kehidupan bermasyarakat. Ini dapat dilihat melalui anjuran Islam yang menggalakkan umatnya menunaikan solat secara berjemaah.<sup>118</sup>

Amalan solat yang dikerjakan secara berjemaah sama ada di masjid atau surau akan membuka ruang kepada masyarakat Islam untuk memperkuat semangat persaudaraan dan perpaduan dalam kalangan mereka. Hal ini terjadi kerana mereka yang menunaikan solat secara berjemaah berkesempatan untuk saling mengenali, menjalinkan silaturahim seterusnya memupuk semangat perpaduan. Pada waktu ini masjid dan surau tidak lagi berperanan sebagai tempat

---

<sup>114</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab Masājid, Bab Yajibu Ityān al-Masjid ‘alā Man Sami’a al-Nidā’, No. hadith 653, 452.

<sup>115</sup> Hadith riwayat Abū Dāud, Kitab al-Ṣolāh, Bab al-Tashdīd fī Tarki al-Jamā’ah, No. hadith 552 dan 553, 102-103. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan Abi Daud pada halaman 164 menghukumkan hadith 552 sebagai hadith hasan sahih dan di dalam Sahih Sunan Abi Daud pada halaman 165 beliau menghukumkan hadith 553 juga sebagai hadith sahih.

<sup>116</sup> Hadith riwayat Ibnu Mājah, Kitab al-Masājid, Bab al-Taghlīz fī al-Takhalluf ‘an al-Jamā’ah, No. hadith 792, 150. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan Ibn Majah pada halaman 243 menghukumkan hadith ini sebagai hadith sahih.

<sup>117</sup> Hadith riwayat an-Nasā’ī, Kitab al-Imāmah, Bab al-Muḥāfazah ‘alā al-Ṣolawāt, No. hadith 850 dan 851, 141. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan an-Nasa’i pada halaman 282 menghukumkan kedua-dua hadith ini sebagai hadith sahih.

<sup>118</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*, 111.

ibadat semata-mata malah turut menjadi tempat perjumpaan bagi masyarakat setempat.<sup>119</sup>

Jika ditinjau dari sudut yang lain, didapati bahawa solat secara berjemaah juga mampu memupuk dan membentuk sifat-sifat kepimpinan dan jati diri seseorang muslim. Sifat-sifat kepimpinan ini terhasil daripada ciri-ciri kepimpinan seseorang imam yang dilantik dalam solat berjemaah.<sup>120</sup>

Walaupun OKU mempunyai kekurangan, namun kewajipan mentaati perintah dan meninggalkan larangan Allah tetap sama seperti hamba yang lain, tidak ada apa yang membezakan mahu pun dikecualikan melaksanakan tuntutan itu.<sup>121</sup>

Berdasarkan hadith di atas, kita dapat lihat betapa setiap tuntutan Allah S.W.T harus dilaksanakan selagi mampu walaupun mempunyai kecacatan dan kekurangan diri. Tidak terkecuali kewajipan solat berjemaah yang merupakan salah satu tuntutan yang mana Allah S.W.T menjanjikan ganjaran berlipat kali ganda kepada hambaNya. Hadith ini juga menunjukkan ketegasan Rasulullah S.A.W berkaitan tuntutan solat berjemaah walaupun ke atas orang buta yang mana dapat dilihat ketika berlakunya interaksi antara Rasulullah S.A.W bersama Ibnu Ummi Maktūm.

### **2.5.1.3 SAH IMAMAH OKU PENGLIHATAN (IBNU UMMI MAKTŪM DAN ‘ITBAN BIN MALIK MENJADI IMAM SOLAT)**

((أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَخْلَفَ ابْنَ أُمِّ مَكْتُومٍ عَلَى الْمَدِينَةِ  
مَرَّتَيْنِ يُصَلِّي بِهِمْ وَهُوَ أَعْمَى))

---

<sup>119</sup> *Ibid.*, 112.

<sup>120</sup> *Ibid.*

<sup>121</sup> Siti Maisarah Sheikh Rahim, "Nilai al-Quran Braille kepada OKU" Utusan, 17 Ogos 2011.

Terjemahannya: Nabi S.A.W memberi kuasa kepada Ibnu Ummi Maktūm di Madinah sebanyak dua kali iaitu mengimami penduduk Madinah padahal beliau adalah seorang yang buta.

- i. Hadith riwayat Ahmad bin Hanbal di dalam Musnadnya dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>122</sup>
- ii. Abu Daud juga meriwayatkan di dalam Sunannya dengan makna yang sama.<sup>123</sup>

Anas Ibn Malik RA menerangkan bahawa Rasulullah S.A.W pernah menetapkan Ibnu Ummi Maktūm menjadi gantinya untuk menjadi imam di Masjid Madinah sebanyak dua kali ketika Rasulullah S.A.W pergi ke medan perang, sedangkan beliau seorang yang buta.

Menurut Said bin Wahat al-Qahthani, dalam sebuah riwayat yang juga dari Anas bin Malik RA bahawa Nabi S.A.W pernah melantik Abdullah bin Ummi Maktūm sebagai wakil baginda untuk mengurus Madinah sebanyak dua kali. Beliau juga pernah dilantik menjadi imam sebanyak tiga belas kali. Ini menunjukkan bahawa sahnya *imamah* orang buta tanpa adanya unsur makruh sama sekali dalam hal itu.

عن مُحَمَّدِ بْنِ الرَّبِيعِ الْأَنْصَارِيِّ : ((أَنَّ عِتْبَانَ بْنَ مَالِكٍ كَانَ يَوْمَ قَوْمِهِ وَهُوَ أَعْمَى وَأَنَّهُ قَالَ لِرَسُولِ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّمَا تَكُونُ الظُّلْمَةُ وَالسَّيْلُ وَأَنَا رَجُلٌ ضَرِيرٌ الْبَصَرِ فَصَلِّ يَا رَسُولَ اللَّهِ فِي بَيْتِي مَكَانًا أَتَّخِذُهُ مُصَلًّى. فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- وَقَالَ : «أَيْنَ تُحِبُّ أَنْ أُصَلِّيَ؟». فَأَشَارَ إِلَى مَكَانٍ مِنَ الْبَيْتِ فَصَلَّى فِيهِ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم-)).

<sup>122</sup> Hadith riwayat Ahmad bin Hanbal, 192/3, No. hadith 12935, 11: 60. Syeikh Shu'ib al-Arnauth di dalam Mausū'ah al-Hadithiyah Musnad Imam Ahmad bin Hanbal pada jilid ke-20 halaman 307 menghukumkan sanad hadith ini adalah hasan.

<sup>123</sup> Hadith riwayat Abu Daud, Kitab Ṣolāh, Bab Imāmah al-A'mā, No. hadith 595, 110. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan Abi Daud pada halaman 177 menghukumkan hadith ini sebagai hadith hasan sahih.

Terjemahannya: Mahmud bin Rabi' al-Anṣari RA menceritakan, “Bahawa ‘Itban bin Malik adalah imam kepada kaumnya dan dia adalah seorang yang buta. Dia datang kepada Rasulullah S.A.W dan berkata, “Ya, Rasulullah! penglihatanku sudah lemah (buta). Sedangkan aku solat menjadi imam bagi kaumku. Apabila hari hujan, maka air mengalir di lembah yang terbentang antara rumahku dan mereka, sehingga aku tak dapat datang ke masjid untuk solat bersama-sama dengan mereka. Aku ingin, ya Rasulullah, supaya anda datang ke rumahku, kemudian anda solat di sana dan jadikanlah rumahku itu jadi musolla. Maka Rasulullah S.A.W datang dan bertanya, “Di mana tempat yang kamu harapkan saya solat?” Maka Itban tunjuk ke arah satu di tempat di rumahnya, maka Rasulullah S.A.W pun solat di situ.

- i. Hadith riwayat an-Nasā’ī di dalam Sunannya dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>124</sup>

Dalil lain yang membicarakan hal yang sama adalah apa yang diriwayatkan oleh Mahmud bin Rabi’ al-Anshari R.A bahawa Itban juga pernah mengimami kaumnya sedangkan dia dalam keadaan buta. Dia pernah menyuruh Rasulullah S.A.W mengerjakan solat di satu bahagian di rumahnya disebabkan keadaan di luar yang sangat gelap yang mana menghalang beliau untuk pergi ke masjid. Baginda Rasulullah S.A.W bersetuju lalu mengerjakan solat di rumah beliau.

Dr. Ahmad Asy-Syarbashi menjelaskan bahawa kedudukan OKU adalah sama dengan manusia normal berdasarkan peristiwa Rasulullah S.A.W yang pernah mengisyratkan kepada ‘Abdullah bin Ummi Maktūm sebagai pengganti baginda dalam mengimami solat.

Berdasarkan peristiwa ini, majoriti *fuqaha* merumuskan bahawa OKU dan bukan OKU mempunyai kedudukan yang sama dalam kepimpinan solat<sup>125</sup>

---

<sup>124</sup> Hadith riwayat an-Nasā’ī, Kitab Imāmah, Bab Imāmah al-A’ mā, No. hadith 788, 131. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan an-Nasa’i pada halaman 261 menghukumkan hadith ini sebagai hadith sahih.

<sup>125</sup> Nor Salimah Abu Bakar, “Konsep Orang Kurang Upaya menurut Perspektif Islam” dalam *Pengurusan Ilmu Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam*, ed. Zakaria Bahari, Fadzila Azni Ahmad dan Roselee Shah Shahrudin (Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 2011), 65.

disebabkan orang buta lebih khusyuk solatnya kerana tidak dilalaikan dengan perkara-perkara yang dilihat dan orang yang celik lebih terjaga dirinya dari najis-najis.

Dalam hal ini, kita dapat lihat bahawa Rasulullah S.A.W tidak memandang rendah kepada ‘Abdullah bin Ummi Maktūm mahupun Iban bin Malik untuk menjadi imam solat walaupun mereka buta dan Rasulullah S.A.W juga sangat menghormati dan memuliakan mereka serta yakin dengan kebolehan mereka.

#### 2.5.1.4 IBNU UMMI MAKTŪM MENJADI MUAZZIN

أن رسول الله قال : ((إِنَّ بِلَالَ بِلَالٍ يُؤَدِّنُ بِلَيْلٍ, فَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يُنَادِيَ ابْنَ أُمِّ مَكْتُومٍ", وَكَانَ رَجُلًا أَعْمَى لَا يُنَادِي, حَتَّى يُقَالَ لَهُ: أَصْبَحْتَ, أَصْبَحْتَ)).

Terjemahannya: Bilal biasa mengumandangkan azan di malam hari. Makan dan minumlah sampai kalian mendengar azan Ibnu Ummi Maktūm”. Kemudian baginda berkata : Ibnu Ummi Maktūm adalah seorang lelaki buta, dia tidak akan azan kecuali dikatakan kepadanya : “Telah masuk waktu subuh, telah masuk waktu subuh”.

- i. Hadith riwayat al-Bukhari di dalam al-Jami’ as-Sohih dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>126</sup>
- ii. Abu Daud juga meriwayatkan di dalam Sunannya dengan makna yang sama.<sup>127</sup>

Apabila Rasulullah S.A.W tiba di Madinah, ‘Abdullah bin Ummi Maktūm dan Bilal bin Rabah dipilih oleh baginda sebagai penyeru azan kepada orang Islam. Mereka berdua akan melaungkan kalimah tauhid lima kali sehari. Mengajak manusia untuk melakukan amalan yang paling baik dan mendorong

<sup>126</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Adhān, Bab Adhān al-A’ mā idhā kāna lahu Man Yukhbiruhu, No. hadith 617, 209.

<sup>127</sup> Hadith riwayat Abū Dāud, Kitab al-Ṣolāh, Bab al-Adhān li al-A’ mā, No. hadith 535, 100. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan Abi Daud pada halaman 160 menghukumkan hadith ini sebagai hadith sahih.



mereka ke arah kejayaan. Kadang-kadang Bilal akan mengumandangkan azan dan Abdullah bin Ummi Maktūm akan melafazkan iqamat. Ataupun kemungkinan beliau mengumandangkan azan dan Bilal yang melafazkan iqamat.<sup>128</sup>

Menurut Abdul Rahman Ra'fat al-Basha, pada bulan Ramadhan pula, Bilal dan Abdullah bin Ummi Maktūm mempunyai peranan yang berbeza. Orang Islam di Madinah akan bersahur mengikut azan seorang daripada mereka dan *imsak* (berpuasa dan berhenti daripada makan dan minum) apabila azan yang lain. Bilal akan mengumandangkan azan pada waktu malam dan mengejutkan manusia. Abdullah bin Ummi Maktūm pula akan memerhatikan waktu fajar dan tidak akan tersilap<sup>129</sup> kerana beliau memiliki naluri yang sangat peka untuk mengetahui masuknya waktu.

Hadith ini merupakan dalil keharusan azan bagi orang yang buta apabila dia mengetahui atau diberitahu kepadanya tentang tibanya waktu solat. Hal ini dapat dilihat ketika mana Rasulullah S.A.W sendiri telah memilih Ibnu Ummi Maktūm menjadi muazzin kedua selepas Bilal bin Rabah semasa baginda tiba di Madinah.

#### **2.5.1.5 SURUHAN KEPADA IMAM SUPAYA MERINGANKAN SOLAT**

حديث عثمان بن أبي العاص الثقفي أن النبي صلى الله عليه وسلم قال له :  
(...أُمَّ قَوْمِكَ فَمَنْ أُمَّ قَوْمًا فَلْيُخَفِّفْ فَإِنَّ فِيهِمُ الْكَبِيرَ وَإِنَّ فِيهِمُ الْمَرِيضَ وَإِنَّ  
فِيهِمْ ذَا الْحَاجَةِ، وَإِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ لِنَفْسِهِ فَلْيُصَلِّ كَيْفَ شَاءَ)).

Terjemahannya : Sekiranya salah seorang di antara kamu mengimami orang ramai maka hendaklah dia meringankan solatnya kerana antara mereka ada yang tua, ada yang sakit dan ada yang lemah, jika salah seorang daripada kamu solat

<sup>128</sup> Abdul Rahman Ra'fat al-Basha, 65 *Gambaran Kehidupan Sahabat*, terj. Abdul Hakam bin Jaafar dan Mohd Noor bin Daud. ( Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn Bhd, 2006), 163.

<sup>129</sup> *Ibid.*

bersendirian, maka hendaklah dia memanjangkannya mengikut kehendak hatinya.

- i. Hadith riwayat Muslim di dalam Sahihnya dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>130</sup>
- ii. Abu Daud meriwayatkan di dalam Sunannya dengan makna yang sama.<sup>131</sup>
- iii. An-Nasa'i juga meriwayatkan di dalam Sunannya dengan makna yang sama.<sup>132</sup>

Rasulullah S.A.W ketika menjadi imam dalam solat, baginda begitu peka dengan keadaan makmum dalam menentukan jumlah ayat yang ingin baginda bacakan. Sekiranya ada keuzuran maka baginda akan memendekkan bacaan baginda dalam solat. Di antara keuzuran tersebut adalah sekiranya baginda terdengar bayi yang sedang menangis, keadaan cuaca yang mendung menunjukkan hari hendak hujan, dalam keadaan musafir dan juga ketika solat khauf. Baginda juga juga menasihati para sahabat agar jangan terlalu memanjangkan bacaan dalam solat sekiranya mereka menjadi imam sehingga boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati oleh makmum di belakang terutama sekali sekiranya makmum terdiri daripada orang tua, orang sakit dan orang kurang upaya.

Menurut Dr. Ahmad Asy-Syarbashi, sebelum solat dilaksanakan, seorang imam hendaklah terlebih dahulu melihat keadaan para makmumnya. Sekiranya

---

<sup>130</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab as-Solāh, Bab Amr al-Āimmah bi Takhfīf as-Solāh, No. hadith 368, 341.

<sup>131</sup> Hadith riwayat Abu Daud, Kitab as-Solāh, Bab Akhdhi al-Ajri 'alā al-Ta'zīni, No. hadith 531, 99. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan Abi Daud pada halaman 159 menghukumkan hadith ini sebagai hadith sahih.

<sup>132</sup> Hadith riwayat an-Nasa'i, Kitab al-Imāmah, Bab Mā 'alā al-Imām min al-Takhfīf, No. hadith 823, 136. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan an-Nasa'i pada halaman 271-272 menghukumkan hadith ini sebagai hadith sahih.

dia melihat para makmumnya adalah para ahli ibadah, yang senang dan mampu memanjangkan solat, maka dia dianjurkan untuk memanjangkan solatnya. Sekiranya dia melihat bahawa makmumnya orang yang biasa keadaannya, tidak terlihat tanda tergesa-gesa, tetapi mereka juga tidak menginginkan solat yang panjang, maka hendaklah dia lakukan solat itu dalam keadaan yang sederhana. Namun sekiranya imam melihat makmumnya adalah orang-orang yang lemah, kesempitan waktu dan juga tempat atau keadaan yang tidak sesuai untuk memanjangkan solat, maka hendaklah imam tersebut meringankan solatnya sehingga mereka tidak bosan. Sekiranya solat yang dilakukan secara bersendirian, dia boleh memanjangkan sekehendak hati pada rukun-rukun yang membolehkan untuk dipanjangkan seperti berdiri, rukuk, sujud, tasyahud dan sebagainya. Istilah meringankan di sini berbeza dengan istilah mencuri di dalam solat. Meringankan di sini seperti imam memendekkan bacaan manakala istilah mencuri di dalam solat pula ialah apabila seseorang itu melakukan rukuk dan sujud seperti mematok-matok (sekejap-sekejap) kerana terburu-buru.

Berdasarkan hadith di atas, jelaslah bahawa Rasulullah S.A.W memerintahkan kepada imam supaya meringankan solat sekiranya dalam jemaah solat tersebut terdapat makmum yang tua, sakit, kurang upaya atau mempunyai keuzuran lain. Perintah ini jelas menunjukkan kasih sayang Rasulullah S.A.W kepada umatnya serta baginda mahu mendidik umatnya supaya lebih simpati terhadap nasib golongan yang lemah sekaligus mengelakkan umat Islam menjauhkan diri daripada mengerjakan solat berjemaah serta membuang persepsi bahawa solat berjemaah itu membebankan dan menyusahkan.

## **2.5.2 ASPEK LAYANAN DAN PERGAULAN**

### 2.5.2.1 GANJARAN DAN SURUHAN BERBUAT BAIK KEPADA ORANG YANG LEMAH

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ: ((قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ ذَهَبَ الْأَغْنِيَاءُ بِالْأَجْرِ يُصَلُّونَ وَيَصُومُونَ وَيَحُجُّونَ قَالَ وَأَنْتُمْ تُصَلُّونَ وَتَصُومُونَ وَتَحُجُّونَ قُلْتُ يَتَصَدَّقُونَ وَلَا نَتَصَدَّقُ قَالَ وَأَنْتَ فِيكَ صَدَقَةٌ رَفَعَكَ الْعَظَمَ عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ وَهَدَايَتِكَ الطَّرِيقَ صَدَقَةٌ وَعَوْنُكَ الضَّعِيفَ بِفَضْلِ قُوَّتِكَ صَدَقَةٌ وَبَيَانُكَ عَنِ الْأَرْثَمِ صَدَقَةٌ وَمُبَاضَعَتُكَ امْرَأَتَكَ صَدَقَةٌ)).

Terjemahannya : “Dari Abi Dzar berkata: Aku telah berkata, “Wahai Rasulullah S.A.W, orang-orang kaya telah pergi dengan membawa pahala mengerjakan solat, berpuasa, dan haji, lalu Rasulullah S.A.W bersabda: Kamu juga boleh mengerjakan solat, berpuasa, dan menunaikan haji, aku berkata lagi: Mereka boleh bersedekah sedangkan kami tidak, lalu baginda bersabda: Kamu juga boleh bersedekah, kamu menyingkirkan tulang dari jalan adalah sedekah, kamu menunjukkan jalan adalah sedekah, pertolonganmu terhadap orang lemah dengan kekuatanmu adalah sedekah, penjelasanmu terhadap orang yang tidak jelas ucapannya adalah sedekah, dan persetubuhan kamu dengan isteri kamu adalah sedekah”.

- i. Hadith riwayat Imam Ahmad bin Hanbal di dalam Musnadnya dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>133</sup>

Islam memandang orang yang kurang upaya atau orang cacat seperti buta, bisu, tempang, tuli dan sebagainya dengan pandangan penuh hormat. Islam juga mengajak kita supaya menjadi insan yang prihatin terhadap nasib mereka, menyokong serta memberi bantuan kepada mereka seperti mana yang telah dianjurkan oleh agama Islam. Semestinya setiap kebaikan yang kita lakukan kepada mereka dijanjikan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda oleh Allah S.W.T.

<sup>133</sup> Hadith riwayat Ahmad bin Hanbal, 153/5, No. hadith 21260, 15:504. Syeikh Shu'ib al-Arnauth di dalam Mausū'ah al-Hadithiyah Musnad Imam Ahmad bin Hanbal pada jilid ke-35 halaman 291 menghukumkan hadith ini sebagai hadith sahih.

Sesungguhnya Allah S.W.T menciptakan manusia di muka bumi ini adalah berbeza-beza. Ada yang diciptakan sebagai individu yang kuat, kaya dan sihat dan ada juga yang diciptakan sebagai individu yang lemah, miskin dan dan sakit. Pastinya di sebalik perbezaan ini terselit satu hikmah di mana Allah S.W.T mahukan kita saling tolong-menolong dan bantu-membantu di antara satu sama lain dalam mengerjakan kebaikan.

Berdasarkan hadith ini, insan yang sempurna amat dituntut untuk membantu mereka yang lemah dan kurang upaya serta ditegah mempersendakan dan mempermainkan golongan ini. Nilai dan keagungan kedudukan manusia di sisi Allah S.W.T dan di sisi manusia tersembunyi di sebalik amalan baik dan bermanfaat yang dilakukan. Perlu diketahui bahawa ramai manusia yang cacat mempunyai semangat tinggi melebihi manusia sihat dan kuat, bahkan mereka juga mampu menyumbangkan kebaikan kepada masyarakat yang mana tidak semua orang yang sempurna mampu berikan.

#### **2.5.2.2 LARANGAN KEPADA PEMERINTAH ATAU PENJAGA DARIPADA MENGELAK MENGURUSKAN ORANG YANG LEMAH ATAU KURANG UPAYA**

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ((مَنْ وُلِّيَ مِنْ أَمْرِ النَّاسِ شَيْئًا فَاحْتَجَبَ عَنْ أُولِي الضَّعْفِ وَالْحَاجَةِ ، احْتَجَبَ اللَّهُ عَنْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ)) .

Terjemahannya : “Barang siapa yang memikul apa-apa jawatan atau tugas menguruskan orang Islam dan dia mengelak dari orang-orang lemah dan yang memerlukan, maka Allah mengelak (menjauhkan diri) darinya pada hari kiamat”.

- i. Hadith riwayat Imam Ahmad bin Hanbal di dalam Musnadnya dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>134</sup>
- ii. At-Tirmidhi juga meriwayatkan di dalam Sunannya dengan makna yang sama.<sup>135</sup>

Hadith di atas merupakan satu amaran keras daripada Rasulullah S.A.W kepada pemerintah atau mana-mana individu yang mempunyai jawatan serta memikul tanggungjawab menguruskan hal orang Islam namun dia mengelak atau tidak amanah dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan orang yang lemah dan orang yang berhajat.

Umum mengetahui bahawa orang yang berhajat atau orang kurang upaya juga mempunyai hak dalam masyarakat. Bagi pemerintah atau individu yang menguruskan hal orang Islam yang cuba mengelak atau menjauhkan diri daripada mengambil berat tentang susah senang rakyat, bersikap tidak peduli kepada penderitaan mereka dan tidak kasihan atau simpati terhadap kemiskinan dan keperitan hidup yang dihadapi oleh mereka nescaya Allah akan mengelak (menjauhkan diri) daripadanya pada hari kiamat kelak daripada menyelesaikan keperluannya yang mendesak, kepentingan dan kemiskinannya pada hari tersebut.

Oleh itu, pemerintah atau individu yang memegang dan menguruskan hal orang Islam pada hari ini perlulah melaksanakannya dengan jujur dan amanah tanpa sebarang pengecualian serta berusaha mencontohi cara pimpinan Rasulullah S.A.W pada zaman baginda kerana baginda adalah sebaik-baik

---

<sup>134</sup> Hadith riwayat Ahmad bin Hanbal, 239/5, No. hadith 21975, 16:188. Syeikh Shu'ib al-Arnauth di dalam Mausū'ah al-Hadithiyah Musnad Imam Ahmad bin Hanbal pada jilid ke-36 halaman 394 menghukumkan hadith ini sebagai hadith *sahih li ghairih*.

<sup>135</sup> Hadith riwayat at-Tirmidhi, Kitab al-Aḥkām 'an Rasūlillah S.A.W, Bab Mā Jāa fī Imām ar-Ra'iyah, No. hadith 1332, 314. Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan at-Tirmidhi pada halaman 67 menghukumkan hadith ini sebagai hadith sahih.

pemimpin yang tidak pernah mengabaikan keperluan rakyatnya hatta orang miskin, orang lemah dan orang yang berhajat sekalipun.

### 2.5.2.3 ALLAH MELAKNAT ORANG YANG MEMBERI LAYANAN BURUK KEPADA ORANG KURANG UPAYA

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ((مَلْعُونٌ مَنْ سَبَّ أَبَاهُ مَلْعُونٌ مَنْ سَبَّ أُمَّهُ مَلْعُونٌ مَنْ ذَبَحَ لِغَيْرِ اللَّهِ مَلْعُونٌ مَنْ غَيَّرَ تَحْتِمْ الْأَرْضِ مَلْعُونٌ مَنْ كَمَمَهُ أَعْمَى عَنْ طَرِيقِ مَلْعُونٌ مَنْ وَقَعَ عَلَى بَيْمَةِ مَلْعُونٌ مَنْ عَمِلَ بِعَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ)).

Terjemahannya : “Terlaknat orang yang mencela ayahnya, terlaknat orang yang mencela ibunya, terlaknat orang yang menyembelih untuk selain Allah, terlaknat orang yang mengubah batas tanah, terlaknat orang yang sengaja menyesatkan orang buta dari jalan, terlaknat orang yang menggauli binatang, terlaknat orang yang melakukan hubungan sejenis seperti yang telah dilakukan oleh kaum Nabi Luth.”

- i. Hadith riwayat Imam Ahmad bin Hanbal di dalam Musnadnya dengan makna yang sama.<sup>136</sup>

Rasulullah S.A.W tidak hanya menitikberatkan hal-hal penjagaan hak orang kurang upaya dan orang yang berhajat dengan menolong mereka ketika kesusahan, bahkan baginda melarang dan memberi peringatan yang keras kepada sesiapa yang sengaja menipu dan menyesatkan golongan ini. Ini adalah kerana perbuatan tersebut akan mengundang kemudharatan serta menyebabkan hajat dan keperluan mereka terabai.

Kita sebagai umat Nabi Muhammad S.A.W adalah sangat dituntut supaya menghindari perbuatan negatif seperti yang disebutkan di dalam hadith. Tuntutan

---

<sup>136</sup> Hadith riwayat Ahmad bin Hanbal, 217/1, No. hadith 2916, 3:282. Syeikh Shu'ib al-Arnauth di dalam Mausū'ah al-Hadithiyyah Musnad Imam Ahmad bin Hanbal pada jilid ke-3 halaman 367-368 menghukumkan sanad bagi hadith ini adalah hasan.

menghindari perbuatan ini tidak hanya kepada perbuatan menyesatkan orang buta, bahkan merangkumi semua jenis perbuatan negatif yang dilakukan sama ada kepada manusia yang sempurna atau kepada golongan yang lemah dan tidak berupaya seperti orang pekak, bisu, tempang dan sebagainya.

Kesinambungan daripada peringatan tersebut, kita adalah dituntut supaya membuat kebaikan serta bekerjasama menghulurkan bantuan dan pertolongan bukan sahaja kepada golongan yang lemah dan tidak berupaya bahkan kepada seluruh umat manusia bagi mendapat dan meraih rahmat dan kasih sayang Allah S.W.T serta mengelakkan diri kita daripada laknat dan kemurkaan-Nya.

#### **2.5.2.4 BERBUAT BAIK KEPADA YANG LEMAH MENJADI SEBAB TERBUKANYA PINTU REZEKI**

رَأَى سَعْدٌ - رضي الله عنه - أَنَّ لَهُ فَضْلًا عَلَى مَنْ دُونَهُ فَقَالَ النَّبِيُّ - صَلَّى  
الله عليه وسلم - هَلْ تُنصَرُونَ وَتُرزَقُونَ إِلَّا بِضُعْفَائِكُمْ؟

Terjemahannya : Sa'd melihat bahawa sesungguhnya dirinya memiliki kelebihan yang tiada pada yang lain, lalu Rasulullah S.A.W bersabda, "Bukankah kalian tidak mendapat pertolongan (kemenangan) dan rezeki melainkan disebabkan oleh orang-orang lemah diantara kalian?".

- i. Hadith riwayat al-Bukhari di dalam al-Jāmi' as-Ṣoḥīḥ dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>137</sup>

Hadith ini adalah berdasarkan kisah tentang Mus'ab ibnu Sa'd ibnu Abi Waqqas yang menceritakan bahawa ayahnya, Sa'd merasa bahawa dirinya mempunyai kelebihan berbanding para sahabat yang lain. Maka Nabi S.A.W mengingatkan beliau melalui hadith untuk mendorong beliau agar tawaḍu', tidak

---

<sup>137</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Jihād wa as-Sair, Bab Man Ista'āna bi al-Ḍu'afāi wa as-Solihīn fī al-Ḥarbi, No. hadith 2896, 330-331.



menyombongkan diri di hadapan orang lain dan tidak memperlekeh atau merendahkan muslim yang lain dalam apa jua keadaan sekalipun.

Nabi S.A.W menjelaskan kepada kita bahawa berbuat baik kepada orang yang lemah boleh menjadi sumber kebaikan dan kekuatan umat Islam. Ia juga sebab datangnya atau terbukanya pintu rezeki dan kemenangan terhadap musuh. Ini adalah kerana ibadah dan doa orang yang lemah adalah lebih ikhlas dan khusyuk kerana hati mereka tidak bergantung kepada perhiasan dunia dan bersih dari perkara yang boleh memutuskan hubungan mereka dengan Allah S.W.T. Bentuk perbuatan baik kepada mereka adalah berbeza-beza. Berbuat baik kepada orang fakir yang tidak memiliki harta ialah dengan bersedekah, memberi hadiah serta pemberian dan menghulurkan pertolongan dan bantuan. Berbuat baik kepada anak yatim dan wanita yang tidak memiliki orang yang menanggung nafkahnya pula ialah dengan memantau keadaan mereka dan membantu mereka dengan cara yang baik. Manakala berbuat baik kepada orang-orang sakit adalah dengan menziarahi, menasihati mereka agar lebih bersabar dan sentiasa mengharap redha Allah S.W.T serta tabah dengan ujian dari-Nya, mendoakan dan menggunakan ucapan yang baik ketika bersama mereka kerana malaikat akan mengaminkan setiap apa yang diperkatakan. Sabda Rasulullah S.A.W :

عن أم سلمة رضي الله عنها ، قالت : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : ((إِذَا حَضَرْتُمُ الْمَرِيضَ أَوْ الْمَيِّتَ ، فَقُولُوا خَيْرًا ، فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ يُؤَمِّنُونَ عَلَى مَا تَقُولُونَ)).

Terjemahannya: “Apabila kamu menziarahi orang sakit atau mati maka ucapkanlah olehmu ucapan dan perkataan yang baik serta doakanlah untuknya kerana malaikat akan mengaminkan apa yang kamu katakan.”<sup>138</sup>

---

<sup>138</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Janāiz, Bab Mā Yuqālu ‘inda al-Marīḍwa al-Mayyit, No. hadith 919, 633.

Oleh itu, sekiranya kita menginginkan pertolongan dari Allah S.W.T serta keluasan rezeki, maka berbuat baiklah kepada kaum yang lemah, meraikan, menggemirakan dan muliakanlah mereka dan prihatin terhadap keadaan mereka seperti mana yang dianjurkan oleh Rasulullah S.A.W. Ketahuilah bahawa berbuat jahat dan menyakiti golongan yang lemah adalah salah satu sebab tertutupnya pintu rezeki.

Banyak pengajaran yang dapat diambil daripada hadith di atas, antaranya; orang yang lemah merupakan sumber kebaikan kepada umat Islam kerana mereka hanya lemah tubuh badan tetapi keimanan, keyakinan dan kepercayaan mereka kepada Allah S.W.T sangat kuat. Selain itu, hadith ini mengandungi anjuran supaya bersikap tawadu' (merendah hati) dan tidak sombong kepada orang lain.

#### 2.5.2.5 MEMENUHI KEPERLUAN ORANG YANG LEMAH

قال رسول الله - صلى الله عليه وسلم:  
(كان حديث رسول الله صلى الله عليه وسلم القرآن يكثر الذكر ويقصر  
الخطبة ويُطيل الصلاة ولا يأنف ولا يستكبر أن يذهب مع المسكين  
والضعيف حتى يفرغ من حاجته)).

Terjemahannya : “Percakapan Rasulullah S.A.W adalah al-Quran, baginda memperbanyakkan berzikir, memendekkan khutbah, memanjangkan solat, dan baginda tidak menahan diri atau sombong untuk pergi bersama orang miskin dan orang lemah sehingga selesai keperluan mereka”.

- i. Hadith riwayat at-Tabrani di dalam Mu'jam al-Kabir dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>139</sup>

Sesungguhnya orang kurang upaya atau orang yang lemah sangat berharap permintaan dan keinginan mereka dipenuhi. Jika dilihat kepada permasalahan ini,

<sup>139</sup> Hadith riwayat at-Tabrani, Bab aş-Şod, No. hadith 8103, 345. Menurut al-Haithami di dalam Majma' az-Zawāid wa Manba' al-Fawāid pada jilid 9 halaman 20, sanad bagi hadith ini adalah hasan.

Rasulullah S.A.W adalah sebaik-baik insan yang mana baginda tidak pernah menghampakan sesiapa pun. Baginda tidak akan membiarkan atau mengabaikan seseorang yang mempunyai hajat sehinggalah hajat orang tersebut dipenuhi.

Hadith di atas menunjukkan sifat Rasulullah S.A.W yang merendah diri apabila berhadapan dengan orang yang lemah. Baginda tidak sombong atau malu untuk berjalan bersama mereka malah baginda mendekati mereka untuk memberikan hak mereka, memenuhi keperluan mereka dan sabar di atas segala keperitan demi kebaikan dan kemaslatan orang Islam.

Oleh itu, para pemerintah perlulah mencontohi kepimpinan baginda Rasulullah S.A.W. Pemimpin perlu mengambil berat tentang keadaan rakyat, lebih-lebih kepada mereka yang lemah dan kurang upaya, memberi bantuan segera kepada mereka yang memerlukan, mendengar luahan mereka yang dizalimi, tidak menahan diri atau sombong untuk bergaul bersama golongan miskin dan kurang upaya serta tidak mengabaikan keperluan mereka. Sekiranya berlaku sebaliknya, pemimpin tersebut telah gagal dalam menjalankan tugasnya sebagai pemimpin masyarakat dan dia telah melanggar hak rakyatnya dari segi penjagaan dan perawatan.

### **2.5.3 ASPEK PERJUANGAN YANG DISYARIATKAN**

#### **2.5.3.1 KETENTUAN BERJIHAD BAGI ORANG YANG TIDAK MAMPU BERBUAT DEMIKIAN**

(( لما نزلت ( لا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ) قال النبي صلى الله عليه وسلم : اذْعُوا فُلَانًا . فجاءه ومعه الدَّوَاهُ وَاللُّوْحُ أَوْ الْكَتِفُ ، فقال : أَكْتُبُ ( لا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ) وخلفَ النبي ابنُ أم مكتوم ،

فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنَا ضَرِيرٌ. فَنَزَلَتْ مَكَائِمًا (لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ, وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ).

Terjemahannya : Ketika turunnya ayat (tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang-orang yang beriman) Rasulullah S.A.W berkata : Aku telah menyuruh si fulan menulis (tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah (untuk membela Islam)). Ketika itu di belakang Rasulullah adalah Ibnu Ummi Maktūm, maka dia berkata : Wahai Rasulullah, aku buta. Maka turun ayat (tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang-orang yang beriman - selain daripada orang-orang yang ada keuzuran - dengan orang-orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah (untuk membela Islam)).

- i. Hadith riwayat al-Bukhari di dalam al-Jami' as-Ṣoḥiḥ dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>140</sup>

Sejurus berakhirnya peperangan Badar, Allah S.W.T telah menurunkan beberapa ayat al-Quran kepada Nabi-Nya. Ayat itu mengangkat kedudukan mereka yang berjihad dan melebihkan mereka ke atas orang yang tidak ikut serta di dalamnya. Ia bertujuan memberi perangsang kepada mujahid untuk lebih aktif berjihad dan menegur orang yang tidak berbuat demikian. Perkara ini telah memberi kesan ke dalam jiwa Abdulah bin Ummi Maktūm. Beliau merasa terhimpit kerana tidak mendapat kelebihan berjihad ini.<sup>141</sup> Beliau mengadu kepada Nabi S.A.W tentang ketidakmampuan beliau untuk berjihad. Kemudian beliau memohon kepada Allah S.W.T dengan hati yang khusyuk supaya diturunkan ayat al-Quran mengenai beliau dan mereka yang senasib dengannya. Mereka terhalang daripada berjihad lantaran kecacatan yang dimiliki.

<sup>140</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Tafsir al-Qurān Sūrah an-Nisā', Bab Lā Yastawī al-Qā'idūna min al-Mukminīna wa al-Mujāhidūna fī Sabīlillah, No. hadith 4594, 220.

<sup>141</sup> Abdul Rahman Ra'fat al-Basha, 65 *Gambaran Kehidupan Sahabat*, 164.

Zaid bin Thabit, seorang penulis wahyu Rasulullah S.A.W menceritakan : “Saya berada di sisi Rasulullah S.A.W, tiba-tiba *as-Sakinah* telah menyelubungi baginda sehingga peha baginda terjatuh ke atas peha saya. Saya tidak pernah dapati sesuatu yang lebih berat daripada peha Rasulullah S.A.W. Kemudian keadaan tersebut berlalu. Lantas bersabda : “ Tuliskan, wahai Zaid!...maka saya telah menulis : “Tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah (untuk membela Islam)...”<sup>142</sup>

Mendengarkan ayat tersebut, Abdullah bin Ummi Maktūm bingkas bangun seraya bertanya tentang orang yang tidak mampu untuk berjihad. Habis sahaja pertanyaan beliau itu, Rasulullah S.A.W sekali lagi diselubungi *as-Sakinah*. Pehanya terjatuh lagi ke atas peha Zaid bin Thabit. Zaid bin Thabit dapat merasai beratnya sebagaimana kali pertama. Kemudian keadaan tersebut berlaku. Baginda Rasulullah S.A.W bersabda : “ Bacakan apa yang telah kamu tulis wahai Zaid.” Maka Zaid bin Thabit bacakan: “Tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang-orang yang beriman...”. Nabi S.A.W mencelah : “ Tuliskan selain daripada mereka yang ada keuzuran”. Maka pengecualian yang diharap-harapkan oleh Abdullah bin Ummi Maktūm telah diturunkan.<sup>143</sup>

Allah S.W.T telah menggugurkan tuntutan jihad daripada Abdullah bin Ummi Maktūm dan mereka yang senasib dengannya. Tetapi jiwanya yang bercita-cita tinggi enggan duduk bersama mereka yang tidak berjihad. Beliau telah

---

<sup>142</sup> *Ibid.*, 165.

<sup>143</sup> *Ibid.*

membulatkan keazaman untuk tetap berjihad pada jalan Allah. Ini kerana jiwa yang besar tidak akan puas melainkan dengan perkara yang agung.<sup>144</sup>

Semenjak hari itu, beliau selalu berjaga-jaga agar tidak terlepas mana-mana peperangan. Beliau sendiri yang menentukan tugas perang ke atas dirinya di medan peperangan. Kata beliau : “Tempatkan saya di antara dua barisan tentera. Berikan kepada saya panji untuk saya bawa dan pelihara bagi pihak kamu”. Saya buta, sudah tentu saya tidak boleh lari dari medan.”, tambah beliau.<sup>145</sup> Hal ini dibuktikan berdasarkan hadith Rasulullah S.A.W yang berikut :

((اسْتَخْلَفَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ابْنَ أُمِّ مَكْتُومٍ مَرَّتَيْنِ عَلَى الْمَدِينَةِ  
وَلَقَدْ رَأَيْتُهُ يَوْمَ الْقَادِسِيَّةِ مَعَهُ رَايَةً سَوْدَاءً))

Terjemahannya: Rasulullah S.A.W pernah melantik Ibnu Ummi Maktūm untuk menjaga Madinah sebanyak dua kali dan aku nampak dia pada peperangan Qadisiyyah dan bersamanya bendera hitam.

- i. Hadith riwayat Ahmad bin Hanbal di dalam Musnadnya dengan lafaz dan makna yang sama.<sup>146</sup>

Beliau menyertai peperangan di Qadisiyyah, di mana beliau tampil dengan memakai baju besinya dan lengkap dengan persiapannya. Beliau menawarkan diri untuk memegang dan menjaga panji tentera Islam, atau mati mempertahankannya. Akhirnya tentera Islam mendapat kemenangan, namun harga kemenangan yang gilang-gemilang ini telah dibayar dengan ratusan nyawa para syuhada'. Dan di

---

<sup>144</sup> *Ibid.*

<sup>145</sup> *Ibid.*, 166.

<sup>146</sup> Hadith riwayat Ahmad bin Hanbal, 132/3, No. hadith 12284, 10: 427. Syeikh Shu'ib al-Arnauth di dalam *Mausū'ah al-Hadithiyyah Musnad Imam Ahmad bin Hanbal* pada jilid ke-19 halaman 349 menghukumkan sanad bagi hadith ini adalah hasan.

antara syuhada' tersebut ialah Abdullah bin Ummi Maktūm. Beliau ditemui terbunuh berlumuran darah, dalam keadaan memeluk erat panji tentera Islam.<sup>147</sup>

Begitu juga halnya yang terjadi kepada 'Amru bin Jamuh yang diceritakan di dalam hadith Rasulullah S.A.W yang berikut :

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ، أَنَّهُ حَضَرَ ذَلِكَ، قَالَ: ((أَتَى عَمْرُو بْنُ الْجُمُوحِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَرَأَيْتَ إِنْ قَاتَلْتُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّى أُقْتَلَ أَمْشِي بِرِجْلِي هَذِهِ صَحِيحَةً فِي الْجَنَّةِ؟ وَكَانَتْ رِجْلُهُ عَرَجَاءً، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: نَعَمْ، فَقُتِلُوا يَوْمَ أُحُدٍ هُوَ وَابْنُ أَخِيهِ، وَمَوْلَى لَهُمْ، فَمَرَّ عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: كَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَيْكَ تَمْشِي بِرِجْلِكَ هَذِهِ صَحِيحَةً فِي الْجَنَّةِ، فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِهِمَا وَمَوْلَاهُمَا فَجُعِلُوا فِي قَبْرِ وَاحِدٍ)).

Terjemahannya : Diriwayatkan dari Abu Qatadah, dia berkata, 'Amr bin al-Jamuh datang kepada Rasulullah S.A.W untuk bertanya, "Bagaimana pendapatmu wahai Rasulullah sekiranya aku ikut serta dalam peperangan *fi sabilillah* sehingga aku terbunuh, apakah engkau melihatku berjalan di syurga dengan kakiku yang cacat ini?" Kaki Amr memang pincang. Rasulullah menjawab, "Ya." Kemudian dalam perang Uhud itu dia terbunuh bersama anak saudaranya. Ketika Rasulullah S.A.W berjalan di depan jenazahnya, baginda bersabda, 'Seolah-olah aku melihatmu berjalan di syurga dengan kaki tanpa cacat". Rasulullah S.A.W mengarahkan mereka dikebumikan dalam satu kubur.

- i. Hadith riwayat Imam Ahmad bin Hanbal dengan lafaz dan makna yang sama di dalam Musnadnya, pada bilangan hadith ke-299 juzuk 5, no. hadith 22452, jilid 16, halaman 350. Syeikh Shu'ib al-Arnauth di dalam Mausū'ah al-Hadithiyah Musnad Imam Ahmad bin Hanbal pada jilid ke-37 halaman 247 menghukumkan sanad hadith ini adalah hasan.

<sup>147</sup> Abdul Rahman Ra'fat al-Basha, 65 *Gambaran Kehidupan Sahabat*, 166.

‘Amru bin Jamuh adalah seorang sahabat Rasulullah S.A.W yang tempang kakinya. Beliau ingin turut serta dalam peperangan Uhud. Ketika mana berlakunya peperangan Uhud, beliau melihat anak-anaknya bersiap sedia dengan segala peralatan untuk berhadapan musuh. Ini menyebabkan semangatnya turut terbakar. Beliau berazam untuk turut menyertai jihad bersama mereka di bawah panji-panji Rasulullah S.A.W.<sup>148</sup>

Namun anak-anaknya sepakat menghalang keazaman ayah mereka tersebut disebabkan pada pandangan mereka, ayah yang mereka cintai telah lanjut usia. Apatah lagi beliau tempang. Sesungguhnya Allah S.W.T membenarkannya tidak menyertai peperangan, kerana beliau tergolong dalam kalangan mereka yang diberi kemaafan dan pengecualian daripada keluar berjihad.

‘Amru amat marah dengan kata-kata anaknya. Lalu mengadu kepada Rasulullah S.A.W tentang apa yang dikatakan oleh anak-anaknya serta menzahirkan hasrat beliau untuk menyertai peperangan dan seterusnya menjejakkan kakinya yang tempang ke syurga. Maka Rasulullah S.A.W menyuruh anak-anaknya supaya membiarkan sahaja beliau mengikuti peperangan tersebut dan berdoa mudah-mudahan beliau dianugerahkan syahid. Lalu anak-anaknya membenarkan ayahanda mereka menyertai peperangan lantaran patuh dengan perintah Rasulullah S.A.W tersebut.

Tatkala tiba waktu yang ditetapkan untuk keluar berperang. ‘Amru bin Jamuh mengucapkan selamat tinggal kepada isterinya. Ucapan perpisahan dan selamat tinggal yang terakhir dan tidak akan kembali lagi. Kemudian beliau menghadap kiblat dan mengangkat kedua belah tangannya ke langit seraya berdoa: “Wahai Tuhan, anugerahkan syahid kepada saya. Jangan Engkau kembalikan saya kepada keluarga saya dalam keadaan kecewa”. Kemudian beliau

---

<sup>148</sup> Abdul Rahman Ra'fat al-Basha, *65 Gambaran Kehidupan Sahabat*, 80.



pun bertolak diiringi anak-anaknya dan kelompok besar kaumnya Bani Salamah.<sup>149</sup>

Semasa peperangan, beliau sentiasa berada di samping Rasulullah S.A.W dan mempertahankan baginda sehingga terkorban syahid di medan tempur. Apabila peperangan tamat, Rasulullah S.A.W memeriksa para syuhada' Uhud yang terkorban untuk dikebumikan. Baginda memerintahkan para sahabatnya mengkebumikan mereka dengan darah dan luka mereka. Kemudian baginda memerintahkan supaya mengkebumikan 'Amru bin Jamuh bersama 'Abdullah bin 'Amr kerana ketika mereka hidup, mereka berdua saling menyayangi dan bergandingan.

Seruan berjihad hanyalah wajib kepada mereka yang sihat tubuh badan. Namun begitu, seruan ini telah disahut oleh seorang sahabat Rasulullah S.A.W yang tempang kakinya, 'Amru bin Jamuh dan Ibnu Ummi Maktūm yang buta matanya. Mereka berdua bersungguh-sungguh untuk berjihad sehinggalah Rasulullah S.A.W membenarkan mereka turut serta dalam peperangan sehingga menggapai syahid walaupun tuntutan untuk berjihad telah digugurkan ke atas mereka disebabkan keuzuran yang ada pada mereka. Seharusnya sebagai hamba Allah S.W.T yang sempurna tubuh badan, yang masih bersantai-santai dan enggan turut serta dalam berjihad, kita perlu malu dengan kesungguhan kedua-dua orang sahabat Rasulullah S.A.W yang serba kekurangan ini.

## **2.6 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kita semua khususnya yang beragama Islam telah diberi panduan mengenai bentuk interaksi yang sepatutnya berlaku sesama kita. Tanpa adab ketika

---

<sup>149</sup> *Ibid.*

berinteraksi, kepincangan boleh berlaku. Kepincangan dalam berinteraksi akan menyebabkan berlakunya keruntuhan nilai dan moral dalam kehidupan bermasyarakat.

Dalam mendepani isu OKU, agama Islam melalui acuan al-Quran dan Hadith telah sedia memberi jawapan khususnya dalam membangunkan OKU. Surah ‘Abasa dan surah an-Nisā’ bukan sekadar membentangkan prinsip-prinsip dan nilai dakwah malah kedua-dua surah ini membongkarkan kepada kita bagaimana pendekatan dan kaedah yang perlu diambil oleh semua orang termasuklah pemerintah bagi membangunkan golongan OKU.

Jika al-Quran dan Hadith menyediakan rangka-rangka umum, kebijaksanaan kita perlu dalam menterjemahkan kepada perancangan dan pelaksanaan untuk isi al-Quran dan Hadith direalisasikan sepertimana sahabat Rasulullah S.A.W tampil meskipun buta, demikianlah juga hari ini OKU mesti ke hadapan untuk bersama mencetus perubahan seterusnya mengisi perubahan. Isi dan kebenaran al-Quran serta Hadith mesti dizahirkan sepertimana Rasulullah S.A.W dan sahabat telah berjaya membentuk masyarakat hebat termasuk dari golongan OKU yang menjadi aspirasi kita masa kini.<sup>150</sup>

Rasulullah S.A.W menggunakan banyak pendekatan dalam berinteraksi dengan para sahabat yang OKU. Ada yang dilayan dengan lembut dan baik dan ada juga yang dilayan dengan tegas bagi mengelakkan berlakunya kemudharatan. Semua pendekatan yang baginda gunakan adalah bersesuaian dengan keadaan dan peristiwa yang berlaku pada ketika itu. Pendekatan-pendekatan seumpama ini sangat baik untuk dijadikan panduan dan teladan kepada ketua negara, pemimpin masyarakat, hakim-hakim, para guru, para kaunselor dan juga ibu bapa.

---

<sup>150</sup> Muhammad Faizal Che Yusof, “Catatan dari Sekretariat Prihatin OKU” laman sesawang *Buletin Prihatin*, dicapai 4 Febuari 2013, <http://bprihatin.blogspot.com/2013/02/catatan-dari-sekretariat-prihatin-oku.html>.

Sehubungan itu, kita sangat dituntut mencontohi cara Rasulullah S.A.W berinteraksi dengan orang kurang upaya atau orang yang lemah seperti Abdullah bin Ummi Maktūm, ‘Amru bin Jamuh, Itban bin Malik dan lain-lain lagi. Baginda Rasulullah tidak memandang rendah kepada golongan ini malah baginda memuliakan lagi golongan ini. Begitu juga Rasulullah S.A.W menyuruh supaya melayan golongan yang lemah dan tidak berupaya dengan layanan yang baik serta baginda melarang keras bagi sesiapa yang melakukan sebaliknya kepada golongan ini. Semua perkara di atas dapat dibuktikan dengan kewujudan hadith-hadith sahih yang berkaitan seperti yang telah penulis kemukakan dalam kajian ini.

## **BAB 3 : MAHASISWA KELAINAN UPAYA DI UNIVERSITI MALAYA**

### **3.1 PENDAHULUAN**

Masalah fizikal bukan lagi menjadi penghalang kepada orang kurang upaya (OKU) untuk mendapat tempat di institusi tempatan terutamanya di Universiti Malaya (UM). UM atau lebih sinonim dengan panggilan universiti mesra OKU di negara ini mempunyai ramai mahasiswa OKU tetapi hanya seramai 44 orang sahaja yang mendaftar di bawah Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU yang terdiri daripada pelajar Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi bagi sesi kemasukan 2012/2013. Seramai 26 orang mahasiswa mengalami masalah penglihatan, 12 orang mahasiswa mengalami cacat fizikal, 3 orang mahasiswa mengalami cacat anggota dan 3 orang mahasiswa mengalami masalah pendengaran.<sup>151</sup> Namun begitu, daripada 44 orang mahasiswa istimewa ini, hanya seramai 29 orang daripadanya sahaja yang mendaftar di bawah Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya atau lebih dikenali sebagai PERMIUM. Bagi sesi kemasukan 2013/2014, seramai 8 orang mahasiswa istimewa telah ditawarkan untuk meneruskan pengajian di sini dan secara automatik mereka berdaftar di bawah PERMIUM. PERMIUM merupakan sebuah persatuan yang mengumpul mahasiswa istimewa di Universiti Malaya. Persatuan ini ditubuhkan bagi menjaga kebajikan dan kemaslahatan mahasiswa istimewa sepanjang mereka menjadi mahasiswa di Universiti Malaya dan persatuan ini dipimpin sepenuhnya oleh mahasiswa istimewa dan dibantu oleh beberapa orang sukarelawan. Persatuan ini juga turut bertindak sebagai badan perhubungan antara mahasiswa istimewa dengan pihak universiti, sukarelawan dan masyarakat kampus. Manakala pihak Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU bertindak sebagai penasihat persatuan ini. Melalui Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU, para mahasiswa istimewa disediakan pelbagai

---

<sup>151</sup> Maznah Azis (Pegawai Psikologi, Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU, Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya) dalam temubual dengan penulis, 10 April 2013.

kemudahan dan perkhidmatan seperti sukarelawan bagi membantu pelajar cacat penglihatan membaca, bantuan untuk mengambil nota kuliah, bantuan kaunseling dan sebagainya.

### **3.2 PERSATUAN MAHASISWA ISTIMEWA UNIVERSITI MALAYA (PERMIUM)**

PERMIUM atau Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya merupakan sebuah persatuan yang ditubuhkan untuk menggalakkan penglibatan aktif golongan mahasiswa kurang upaya di dalam Universiti Malaya. Pelbagai aktiviti yang dijalankan di bawah persatuan ini di mana ianya menguji fizikal dan emosi dalam membentuk kerjasama dalam kalangan ahli.<sup>152</sup>

Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya (PERMIUM) ditubuhkan pada tahun 1998. Atas kesedaran betapa perlunya diwujudkan sebuah persatuan bagi menjaga kebajikan dan keperluan mahasiswa istimewa di Universiti Malaya, Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya atau ringkasnya PERMIUM adalah dirasakan amat signifikan.<sup>153</sup> Melalui persatuan ini, perbincangan dapat diadakan dan ini banyak membantu pihak universiti mengenalpasti kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh mahasiswa OKU.

Pertengahan tahun 1996-1997 jawatankuasa yang ditubuhkan telah berusaha ke arah mendaftar PERMIUM di peringkat universiti. Usaha mereka tersebut akhirnya telah mendapat perhatian oleh pelbagai pihak luar dan dalam termasuklah Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti, Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

---

<sup>152</sup> Farah Nur, "Sahabat PERMIUM", laman sesawang Facebook Rasmi Sahabat PERMIUM, dicapai 23 April 2013, <http://www.facebook.com/groups/sahabatPERMIUM/>.

<sup>153</sup> "Sejarah Penubuhan PERMIUM", laman sesawang *PERMIUM*, dicapai pada 27 Januari 2013, <http://permiumum.blogspot.com/2010/02/sejarah-penubuhan-permium.html>.

Pada bulan Jun 1998 PERMIUM telah diiktiraf dan berjaya didaftarkan. PERMIUM telah mula ditubuhkan dengan keanggotaan seramai 24 orang. Selain daripada mahasiswa istimewa sebagai ahli PERMIUM, mahasiswa lain turut menyertai PERMIUM sebagai sukarelawan.<sup>154</sup>

Pesta Konvokesyen 1998 telah menjadi saksi betapa PERMIUM mampu bergerak. Manifestasi kepada kemampuan ini terbukti bila mana PERMIUM berjaya mengendalikan gerai sepanjang pesta tersebut dan gerai jualan di festival konvokesyen telah menjadi aktiviti tahunan PERMIUM.<sup>155</sup> Selain itu, dengan adanya aktiviti-aktiviti lain turut membantu menyerlahkan lagi potensi mahasiswa istimewa Universiti Malaya. Ia juga membuktikan PERMIUM turut mampu memberi sumbangan kepada masyarakat luar kampus. Hal ini seterusnya dapat mengikis prasangka negatif dan prejudis masyarakat terhadap kemampuan insan istimewa dalam menyumbangkan idea dan mengendalikan program.<sup>156</sup>

Kini, setelah lebih 15 tahun penubuhan persatuan ini di bumi Universiti Malaya, mahasiswa istimewa telah berjaya membuktikan bahawa kecacatan bukanlah penghalang kepada setiap kejayaan yang ingin dicapai. Malah terdapat mahasiswa istimewa yang lebih cemerlang berbanding mahasiswa normal. Ini adalah kerana mereka mempunyai kesungguhan dan iltizam yang tinggi, yang mana mereka ingin membuktikan bahawa mereka juga mampu memainkan peranan dalam membangunkan masyarakat cacat khususnya dan negara amnya. Walaupun telah lama bertapak di UM, penulis dapati persatuan ini masih lagi kurang dikenali umum. Malah terdapat mahasiswa yang langsung tidak mengetahui tentang kewujudan persatuan ini dan ini juga menjadi salah satu faktor mengapa masih terdapat mahasiswa istimewa yang tidak

---

<sup>154</sup> *Ibid.*

<sup>155</sup> *Ibid.*

<sup>156</sup> *Ibid.*

mendaftar di bawah persatuan ini selain perasaan malu untuk menonjolkan diri mereka kepada umum.

### **3.3 AKTIVITI-AKTIVITI PERMIUM**

Sepanjang penubuhan PERMIUM di Universiti Malaya, banyak aktiviti yang dianjurkan dan disertai oleh persatuan ini. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan ini adalah dengan tujuan meningkatkan penyertaan mahasiswa OKU dalam interaksi sosial sama ada di dalam mahupun di luar kampus. Aktiviti yang dilaksanakan oleh persatuan ini tidak hanya terhad kepada masyarakat kampus sahaja, malah turut melibatkan masyarakat luar.

Antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PERMIUM adalah seperti “Hari Interaksi PERMIUM-Sukarelawan”. Aktiviti ini merupakan aktiviti tahunan dan diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin di antara ahli PERMIUM dengan para sukarelawan. Persatuan ini juga telah mengadakan “Program Hati ke Hati” yang telah diadakan di Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudatussakinah, Selangor. Menariknya, program yang berbentuk kemasyarakatan ini dikendalikan sendiri oleh mahasiswa istimewa Universiti Malaya dan dibantu oleh beberapa orang sukarelawan. Selain itu, persatuan ini juga mengadakan “Roadtour Reader PERMIUM” yang merupakan aktiviti tahunan untuk mencari pembaca sukarela bagi mahasiswa istimewa khususnya mahasiswa cacat penglihatan. Aktiviti lain yang turut dilakukan oleh persatuan ini seperti “Program Motivasi Cerminan Diri OKU”, “Program Kuliah Cahaya Sunnah PERMIUM”, mewujudkan JTK OKU di Kolej Kediaman (KK7), menjadi panel dalam program *Disability Equality Training* serta terlibat dalam program pertukaran pelajar luar negara.

Manakala program yang PERMIUM sertai kebanyakannya adalah melalui Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU. Pada 30 dan 31 Januari 2013, telah diadakan “Access Audit Workshop in the Built Environment Universiti Malaya” yang diadakan di Bangunan IPP Baru, Universiti Malaya. Program ini diadakan bagi memperkenalkan tempat-tempat di sekitar Universiti Malaya yang menyediakan kemudahan serta perkhidmatan kepada mahasiswa istimewa serta membuat penambahbaikan bagi prasarana fizikal yang belum disediakan. Ini bakal mengukuhkan lagi status UM sebagai universiti mesra Orang Kurang Upaya (OKU) dengan pengenalan konsep bebas halangan dan *universal design* bagi golongan OKU dalam persekitaran alam bina.<sup>157</sup> Pada 10 Oktober 2012, Universiti Malaya menerusi Seksyen Kaunseling, Kerjaya & OKU, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan program “Career Day for Students with Disability”. Program ini bermatlamat untuk menyediakan peluang dan membantu golongan mahasiswa istimewa mendapatkan maklumat pekerjaan. Program seumpama ini yang dianjurkan buat kali kedua menjadi platform kepada pelajar OKU untuk mendapatkan maklumat mengenai syarikat-syarikat yang bersedia mengambil mereka bekerja dan memberi peluang kepada mereka untuk berinteraksi dengan bakal majikan.

Selain itu, demi membuka ruang kerjaya OKU yang lebih luas, pelajar OKU turut diberikan taklimat mengenai Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU (SBGP) dan taklimat persediaan kerjaya yang menjadi panduan kepada mereka dalam membina kerjaya selepas tamat pengajian.<sup>158</sup> Persatuan ini juga turut menghantar ahlinya menyertai Program Jalinan Kasih-Kesedaran Keusahawanan bersama Orang Kurang Upaya (OKU) anjuran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 23 Oktober 2012 yang bertempat di Menara SSM @ Sentral, KL Sentral. Program ini memperkenalkan

---

<sup>157</sup> “Peta Kampus Beri Akses kepada Kemudahan OKU di UM”, laman sesawang *UM News Server*, dicapai 19 April 2013, [http://umnews.um.edu.my/highlights-view.php?news\\_id=249](http://umnews.um.edu.my/highlights-view.php?news_id=249)

<sup>158</sup> “UM Dedahkan Peluang Kerjaya kepada Pelajar OKU”, laman sesawang *UM News Server*, dicapai 26 Januari 2013, [http://umnews.um.edu.my/highlights-view.php?news\\_id=165](http://umnews.um.edu.my/highlights-view.php?news_id=165).



bidang keusahawanan kepada mahasiswa istimewa Universiti Malaya di samping memberi peluang untuk suatu lontaran ke arah pembangunan ekonomi OKU di Malaysia.

Bagi memantapkan lagi perkhidmatan sistem sokongan kepada mahasiswa OKU di IPT, Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU mengadakan taklimat kepada warga IPT bagi meningkatkan kesedaran serta kepekaan terhadap mahasiswa OKU dan kemudahan yang disediakan khusus untuk mereka melalui brosur tentang perkhidmatan OKU dan polisi tentang OKU. Bahagian Hal Ehwal Pelajar pula mengadakan Roadshow Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU mengenai perkhidmatan yang ditawarkan termasuklah perkhidmatan untuk mahasiswa OKU. Melalui Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU juga, bengkel dan taklimat kesedaran keselamatan mahasiswa OKU seperti Karnival Kesedaran dan Pencegahan Dadah diadakan bagi meningkatkan pengetahuan mengenai keselamatan diri di samping menyediakan talian bantuan khas (*helpline*) dan mewujudkan “*Disability Liason Officer*” di setiap fakulti dan kolej kediaman bagi memastikan hak-hak mahasiswa OKU dipenuhi. Mereka yang dilantik akan diberi latihan bagi membantu mahasiswa OKU di fakulti dan di kolej kediaman.

Namun begitu, bagi aktiviti di bawah anjuran PERMIUM sendiri tidak semuanya mendapat sambutan dan kerjasama yang baik terutamanya aktiviti yang melibatkan masyarakat luar dan mahasiswa normal yang lain. Ini adalah kerana mereka juga mempunyai komitmen lain yang lebih penting. Terdapat juga mahasiswa yang mendaftar untuk menjadi sukarelawan, namun tidak mahu atau tidak dapat menghadiri program yang diadakan atas sebab-sebab tertentu. Adalah perlu untuk kita diketahui bahawa mahasiswa istimewa sangat memerlukan pertolongan dan kerjasama daripada mahasiswa normal yang lain ataupun sukarelawan bagi membantu mereka dalam menggerakkan sesuatu aktiviti yang mereka adakan.

### **3.4 KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN KEPADA MAHASISWA ISTIMEWA DI UNIVERSITI MALAYA.**

Mahasiswa istimewa mempunyai hak untuk mendapat fasiliti dan mobiliti di persekitaran universiti. Jika dibandingkan, golongan ini menghadapi laluan yang lebih getir dan sukar untuk berjaya masuk ke universiti berbanding mahasiswa normal. Kesulitan yang dihadapi oleh mereka adalah berbeza. Ada di antara mereka yang menghadapi masalah penglihatan, masalah pendengaran, berkerusi roda, cacat anggota dan sebagainya. Menjadi tanggungjawab pihak universiti dalam memberi layanan yang adil kepada semua mahasiswa selagi ianya berkaitan dengan urusan akademik.

OKU pada asasnya menjalani kehidupan dalam persekitaran fizikal orang normal. Mereka sebenarnya ingin melalui aktiviti harian di kampus sebagaimana mahasiswa biasa. Sebolehnya mereka ingin bebas pergi dan balik dari kolej ke fakulti, keluar masuk bangunan pentadbiran universiti untuk menyelesaikan urusan pendaftaran, keluar bersiar-siar, makan-minum, *shopping*, dan menikmati aktiviti-aktiviti harian di universiti, dengan menyedari kekurangan dan batas-batas yang ada pada diri. Halangan utama yang dilalui setiap hari oleh OKU ialah untuk menerima 'kekurangan' diri dan memahami apa sahaja keterbatasan hidup sebagai satu hakikat. Melalui masa mereka menerima realiti ini, namun tetap berharap kualiti hidup mereka dapat ditingkatkan dengan peralatan dan kemudahan tertentu. Mereka memerlukan perbelanjaan perubatan seperti rawatan secara konsisten dan peralatan seperti kerusi-roda bermotor, van khas, perisian komputer bersuara dan pita rakaman, demi meningkatkan kualiti kehidupan mereka meskipun memerlukan perbelanjaan yang tinggi.<sup>159</sup>

---

<sup>159</sup> Mohd Salleh Aman, "Pembangunan Kemudahan Fizikal Pelajar OKU" *International Journal of Student Development* 1, no. 1 (2008), 3.

Menurut Datuk Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II Malaysia dalam satu majlis di Auditorium, Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya, beliau menyeru agar golongan mahasiswa OKU mengisytihar dan menyatakan jenis kecacatan yang mereka dihadapi di dalam borang UPU (Unit Pengambilan Pelajar) bagi membolehkan pihak universiti mengenalpasti dan seterusnya menyediakan kemudahan atau keperluan yang bersesuaian dengan mereka sepanjang menuntut di universiti. Tambah beliau lagi, Universiti Malaya merupakan universiti yang menjadi pelopor dalam aspek penyediaan kemudahan untuk mahasiswa OKU terutama kemudahan asrama yang disediakan khas untuk mereka. Manakala universiti-universiti lain juga sedang dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi kemudahan bagi golongan ini.

Kesungguhan IPT seperti Universiti Malaya (UM) yang sentiasa berusaha menyediakan pelbagai kemudahan bertaraf dunia kepada pelajar OKU sesuatu hasrat yang terpuji dan seharusnya dicontohi pengendali IPT lain.<sup>160</sup>

Penubuhan PERMIUM pada 1998 menjadi titik-tolak kepada usaha menyediakan kemudahan lebih baik kepada mahasiswa OKU. Inisiatif membangunkan kemudahan khusus warga istimewa di kolej kediaman telah diambil oleh pentadbiran Kolej Kediaman Za'ba yang diterajui Prof Dr. Rohana Jani<sup>161</sup> dengan sokongan pihak pengurusan Universiti Malaya merupakan antara kolej kediaman IPT yang memiliki kemudahan paling lengkap untuk golongan OKU. Walaupun beroperasi di bangunan lama, reka bentuknya diubahsuai dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan dan keselesaan pelajar OKU yang menetap di situ.<sup>162</sup> Mahasiswa istimewa ditempatkan di Kolej Kediaman Za'ba kerana kebanyakan daripada mereka mengikuti pengajian di Akademi Pengajian Melayu (APM) yang terletak berhampiran kolej kediaman ini. Kolej

---

<sup>160</sup> Nik Sukry Ramli, "IPT Bantuan Pelajar Istimewa", laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 27 Januari 2013, [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/IPTbantupelajaristimewa/Article/print\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/IPTbantupelajaristimewa/Article/print_html).

<sup>161</sup> Beliau merupakan Pengetua Kolej Kediaman Za'ba dan juga Penasihat kepada Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya bagi sesi 31 Ogos 2010-31 Ogos 2014.

<sup>162</sup> "UM Dedahkan Peluang Kerjaya kepada Pelajar OKU", laman sesawang *UM News Server*.

kediaman ini mempunyai kemudahan khas untuk golongan ini seperti kemudahan lif, *ramp*, bilik belajar khas untuk pelajar OKU, bilik penginapan, kemudahan pengangkutan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, mahasiswa OKU masih boleh memohon kepada pihak pengurusan untuk menetap di kolej kediaman lain, yang berhampiran dengan fakulti masing-masing di mana kolej tersebut haruslah menyediakan kemudahan serta perkhidmatan yang menepati standard yang telah ditetapkan.

Kolej Kediaman Za'ba Universiti Malaya ditubuhkan pada September 1974. Nama kolej ini mengambil sempena nama tokoh bahasa dan pemikir Melayu, Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) dan berpegang pada motto "Kami Bersatu". Terdiri daripada 4 blok bilik-bilik kediaman pelajar, dilengkapi dewan makan, ruang pejabat dan bangunan-bangunan khas seperti Balai Za'ba dan Seri Jati-bangunan kegiatan pelajar istimewa.<sup>163</sup>

Pembangunan kemudahan pelajar OKU adalah pembangunan komprehensif yang bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar OKU menjalani kehidupannya sebaik mungkin sebagaimana orang normal. Pembinaan '*braille pavers*', *lift* dan bangunan Seri Jati tempat mereka menjalankan aktiviti dapat meningkatkan kualiti hidup warga ini di kampus. Mereka mulai berdikari dan lama-kelamaan akan terbentuk sikap tidak bergantung kepada orang ramai untuk bergerak dan menyertai aktiviti di kolej.<sup>164</sup>

Dikenalpasti bahawa spesifikasi penambahbaikan bilik-bilik kediaman pelajar OKU adalah berbeza mengikut jenis 'kecacatan'. Penyediaan kemudahan-kemudahan di atas sangat dihargai dan digunakan dengan maksimum oleh pelajar OKU. Bagaimanapun usaha ini hanya merupakan langkah pertama ke arah pembangunan warga OKU yang lebih komprehensif di universiti. Pelajar OKU berkerusi roda

---

<sup>163</sup> Mohd Salleh Aman, "Pembangunan Kemudahan Fizikal Pelajar OKU", 3.

<sup>164</sup> *Ibid.* 12.

memerlukan bilik penginapan yang ada bilik air di dalamnya. Memiliki pintu masuk dan pintu bilik air yang lebar dan bertombol rendah. Ruang bilik dan ruang bilik air hendaklah cukup besar untuk memusingkan kerusi roda. Kedudukan laci, almari dan meja belajar dibina setara dengan ketinggian kerusi roda. Bilik penginapan pelajar ‘cacat penglihatan’ pula memerlukan lebih banyak rak dan meja yang lebih lebar untuk mereka meletakkan alat perakam, *ear-phone*, telefon bimbit, *laptop* dan radio-kaset. Dinding bilik mereka sebaiknya dicat dengan warna cerah. Lampu hendaklah cukup terang dan tidak digalakkan memasang kipas di bawah lampu kerana ia akan mengurangkan jumlah cahaya yang akan sampai ke bawah. Ternyata, pendekatan membangunkan kemudahan bilik penginapan pelajar OKU tidak boleh mengikut spec normal.<sup>165</sup>

Bangunan Seri Jati merupakan pusat sehenti bagi mahasiswa istimewa yang dibina bagi membolehkan mahasiswa OKU menjalankan kegiatan akademik dan persatuan. Di sini ditempatkan peralatan pengajaran dan pembelajaran termasuk komputer, *printer*, mesin braille, al-Quran dan buku-buku serta perabot-perabot asas seperti almari, meja dan kerusi. Ruangan mesyuarat di bangunan ini juga digunakan untuk perjumpaan persatuan PERMIUM (Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya) dengan sukarelawan, pemimpin-pemimpin pelajar kolej dan mesyuarat pentadbiran.<sup>166</sup> Manakala pihak pengurusan kolej juga turut menyediakan pintu automatik dan kaunter rendah bagi memudahkan mahasiswa OKU berurusan setiap hari di pejabat am seperti pertanyaan, mengambil surat berdaftar, *check-in*, *check-out* dan lain-lain.

Antara kemudahan dan perkhidmatan lain yang disediakan di kolej kediaman ini ialah *braille paver* yang dibina merentasi permukaan jalan tar sebagai laluan khas

---

<sup>165</sup> *Ibid.*

<sup>166</sup> *Ibid.*, 9.

pelajar ‘cacat’ penglihatan. Laluan ini membolehkan mereka bergerak lebih cepat dan yakin. Selain itu, turut dibina ialah *rem* untuk pelajar OKU berkerusi roda yang dibina di beberapa tempat dalam kolej. Laluan khas ini dilengkapi palang besi daripada “pintu kedua” menuruni bukit sehingga masuk ke kediaman pelajar, Blok D. Kemudahan *lift* juga disediakan bagi membolehkan pelajar OKU berkerusi roda hadir ke Dewan Nukleus (dewan makan), berinteraksi dengan pelajar lain pada waktu makan tengah hari dan malam, dan sewaktu mengikuti aktiviti-aktiviti pelajar di kolej. Pihak kolej juga turut menyediakan van khas yang dilengkapi dengan *motorise-lift* bagi memudahkan pelajar berkerusi roda naik dan turun. Biasanya van digunakan untuk ke fakulti, hospital dan sembahyang Jumaat. Menurut Nurul Adilah Nazri, adakalanya mahasiswa OKU pergi ke fakulti menaiki *shuttle bus* yang disediakan oleh pihak universiti sekiranya van khas ini sedang digunakan untuk keperluan lain yang lebih penting.<sup>167</sup>

Selain kemudahan dan perkhidmatan di atas, pihak kolej juga menyediakan ampaian berbumbung – *polycarbinet* : bagi memudahkan pelajar OKU menjemur atau meninggalkan pakaian mereka sampai kering, *rem* tambahan bagi membolehkan pelajar OKU berkerusi roda menyertai perhimpunan dan program rekreasi di gelanggang bola keranjang, laluan khas menuju kawasan gerai dan koperasi Kolej Kediaman Za’ba, laluan refleksologi: dibina bersebelahan laluan jalan kaki *braille paver* yang lebih kerap digunakan pada waktu petang dan malam untuk ‘senaman tapak kaki’.<sup>168</sup>

Selain kemudahan di kolej kediaman, pihak universiti juga turut menyediakan kemudahan di sekitar kampus seperti laluan jalan kaki *braille paver* di sepanjang laluan ke perpustakaan dari Kolej Kediaman Za’ba, tempat letak kenderaan khas, kemudahan di perpustakaan yang dikhususkan kepada golongan ini dan banyak lagi. Di perpustakaan utama UM disediakan sebuah bilik karek di aras satu dan dua untuk mahasiswa cacat

---

<sup>167</sup> Nurul Adilah Nazri (Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya) dalam temubual dengan penulis, 24 Januari 2013.

<sup>168</sup> Mohd Salleh Aman, “Pembangunan Kemudahan Fizikal Pelajar OKU”, 11.

penglihatan bagi menjalankan sesi bacaan bersama pembaca sukarela. Mereka juga boleh mengakses internet di bilik ini melalui ‘*wireless network*’ dan juga di makmal S. Makmal S yang berada di aras satu boleh digunakan oleh mahasiswa cacat penglihatan untuk menggunakan komputer yang dilengkapi dengan pembaca skrin bersuara. Di situ juga terdapat sebuah ‘*emboser*’ untuk mencetak bahan dalam bentuk *braille*. Semua kemudahan yang disediakan ini memudahkan mahasiswa cacat penglihatan untuk mencari bahan pembelajaran dari luar negara seperti ‘*e-books*’, jurnal, disertasi dan sebagainya. Selain itu, di perpustakaan utama juga disediakan tandas dan lif mesra OKU, kerusi yang boleh diselaraskan, *scanner* dengan perisian *open book* dan sebagainya.

Bagi menjaga keselamatan dan memudahkan mahasiswa ketika menggunakan jalan raya di sekitar Universiti Malaya, pihak Keselamatan UM dengan kerjasama Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda telah menyediakan lampu isyarat yang lengkap dengan bunyi untuk memberi ingatan terutamanya kepada mahasiswa OKU ketika melintas jalan. Selain itu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah memperuntukkan bantuan kewangan dan biasiswa khusus kepada mahasiswa OKU, manakala Klinik Kesihatan Pelajar Universiti Malaya dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pula menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada mereka.

Menurut Profesor Datuk Dr. Rohana Yusof,<sup>169</sup> sebagai sebuah universiti mesra OKU, Universiti Malaya sentiasa prihatin dengan kebajikan mahasiswa istimewa. Tambah beliau lagi, pihak universiti turut menyediakan bantuan dari segi pembelajaran dan pembinaan kerjaya di samping kemudahan atau fasiliti yang membantu pergerakan mereka di sekitar kawasan kampus.

---

<sup>169</sup> Timbalan Naib Canselor, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya.

Namun begitu, hasil temubual penulis dengan Yang Dipertua PERMIUM bagi sesi 2012/2013, Nurul Adilah Nazri, beliau mengatakan bahawa masih terdapat kemudahan yang tidak disediakan terutamanya kemudahan bagi mahasiswa yang mengalami cacat penglihatan.<sup>170</sup>

Setelah diteliti, penulis dapat simpulkan bahawa pihak Universiti Malaya telah menyediakan pelbagai kemudahan serta prasarana fizikal kepada mahasiswa istimewa sama ada di kolej kediaman mahupun di sekitar kampus bagi memudahkan mereka bergerak serta bebas menjalankan aktiviti harian tanpa sebarang masalah. Namun begitu, masih lagi terdapat kelompangan yang perlu diperbaiki untuk kebaikan bersama seperti longkang besar yang tidak bertutup yang boleh mengundang bahaya kepada mahasiswa istimewa khususnya yang mengalami cacat penglihatan serta seni bina bangunan yang tidak mesra OKU seperti tiadanya tandas OKU, lif dan *ramp* yang mana hanya disediakan di fakulti tertentu sahaja, yang akan menyebabkan pergerakan mahasiswa istimewa agak terhad. Walau bagaimanapun, selepas bengkel audit aksesibiliti di persekitaran alam bina dibuat secara berperingkat di keseluruhan prasarana Universiti Malaya pada akhir Januari 2013, semua kelompangan ini telah dikesan dan akan dilakukan penambahbaikan oleh pihak universiti dari semasa ke semasa terutamanya di fakulti atau akademi yang mempunyai pelajar OKU dan tempat yang sering mereka kunjungi.

Di Universiti Malaya, walaupun penyediaan prasarana fizikal dan perkhidmatan lain kepada mahasiswa OKU hampir lengkap, namun di sini belum lagi disediakan perkhidmatan capaian laman sesawang yang dikhaskan kepada golongan OKU dan warga tua (Disability Access) sepertimana yang terdapat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Perkhidmatan ini disediakan oleh Fakulti Sains dan Teknologi bagi memudahkan pengguna cacat penglihatan, buta warna dan warga tua.

---

<sup>170</sup> Nurul Adilah Nazri (Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya sesi 2012/2013) dalam temubual dengan penulis, 24 Januari 2013.



Bagi pengguna cacat penglihatan, mereka perlu melakukan beberapa proses muat turun sebelum boleh menggunakan komponen ini. Selepas muat turun berjaya, capaian ini akan mengeluarkan suara sama ada lelaki mahupun perempuan, yang bercakap dalam Bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain. Manakala bagi pengguna yang buta warna, mereka telah disediakan beberapa seleksi warna yang boleh mereka pilih, yang mana warna templet laman sesawang tersebut akan berubah serta-merta kepada warna pilihan mereka selepas mereka membuat pilihan. Bagi pengguna warga tua pula, mereka disediakan kemudahan pilihan saiz teks yang berbeza dan mereka boleh memilih saiz teks mengikut kesesuaian.

Walau bagaimanapun, boleh dikatakan kemudahan prasarana fizikal dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Universiti Malaya kepada mahasiswa istimewa di sini adalah yang terbaik dan lengkap jika dibandingkan dengan kemudahan yang disediakan di IPTA dan IPTS lain di Malaysia.

### **3.5 PERANAN SEKSYEN KAUNSELING, KERJAYA DAN OKU KEPADA MAHASISWA ISTIMEWA DI UM**

Pihak Universiti Malaya sangat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh mahasiswa istimewa. Justeru itu, bagi menzahirkan sifat keprihatinan ini, pihak universiti telah menubuhkan Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU pada tahun 2009. Seksyen ini menawarkan beberapa perkhidmatan yang penting dalam menjalankan fungsi kaunseling, fungsi kerjaya dan fungsi orang kurang upaya (OKU). Bagi menjalankan fungsi OKU, pihak seksyen telah mengatur dua strategi penting. Strategi yang pertama adalah mewujudkan satu unit khusus untuk menjaga hal ehwal bagi mahasiswa OKU dengan menyediakan akses yang bersesuaian bagi menjaga hal ehwal mahasiswa OKU serta mewujudkan perkhidmatan khas OKU yang diletakkan di bawah

Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya.

Bagi merealisasikan strategi yang pertama ini, pihak seksyen telah memainkan peranan yang penting antaranya; mengurus dan menyelaras hal ehwal pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan kepada mahasiswa OKU. Seksyen ini juga menyediakan bantuan kemudahan peralatan untuk pengajaran dan pembelajaran kepada mahasiswa OKU seperti *braille*, pita rakaman, *book sense*, alat pendengaran, software (JAWS; computer dan *enlarge screen* untuk pelajar buta dan separuh buta), bantuan peralatan seperti CCTV (*Aladdin Apex Pro*) dan bantuan pembelian *Orion Scientific Calculator*.

Pihak seksyen yang juga dibantu oleh Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda, pihak fakulti, pihak kolej dan pihak perpustakaan juga menyediakan kemudahan bilik kuliah atau bilik tutorial, makmal dan studio yang mempunyai kemudahan seperti lif, kerusi dan meja khas, kerusi roda automatik, tempat letak kereta khas untuk mahasiswa OKU (yang ditanda OKU), tangga dan akses-akses tegak yang lain, menyediakan bilik sumber khas bagi mahasiswa OKU seperti perpustakaan yang menyediakan karek khas untuk mahasiswa OKU serta buku bacaan yang telah *dibraillekan* dan juga Dewan Seri Jati yang terletak di Kolej Kediaman Za'ba yang juga menyediakan kemudahan pembelajaran kepada mahasiswa OKU seperti bilik komputer mesra OKU.

Pihak seksyen dengan kerjasama pihak fakulti dan Seksyen Peperiksaan telah merangka dan menyediakan kurikulum khas dalam sistem pengajian di IPT bagi kemudahan mahasiswa OKU seperti pengambilan nota, bantuan peperiksaan, kebenaran untuk merekod kuliah (*tape-record*), *speech to text* dan penterjemahan isyarat bahasa. Pihak seksyen sendiri akan melatih dua orang kaunselor untuk mempelajari bahasa isyarat supaya dapat berkomunikasi dan membantu mahasiswa yang mengalami cacat pendengaran.

Selain itu, pihak Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU juga telah mewujudkan satu Jawatankuasa Penasihat Kebajikan Pelajar OKU Universiti Malaya pada tahun 2009 sebagai penasihat kepada Universiti Malaya sendiri dalam menyediakan pelbagai kemudahan kepada mahasiswa OKU serta mengemukakan cadangan sebagai penambahbaikan kepada perkhidmatan yang sedia ada. Seksyen ini juga menguruskan pembelian kerusi roda bagi mahasiswa yang memerlukan melalui Skim Tabung Kebajikan Pelajar. Pembelian kerusi roda ini adalah menjadi hak milik mahasiswa sepenuhnya. Di samping itu juga, seksyen ini menyediakan perkhidmatan kaunseling dan kerjaya mahasiswa OKU serta merancang dan menjalankan program pembangunan diri mahasiswa OKU.

Manakala bagi merealisasikan strategi yang kedua pula iaitu menyediakan biasiswa, peruntukan khas dan memberi pengiktirafan kepada mahasiswa dan graduan OKU, pihak seksyen berperanan menguruskan bantuan dan insentif yang disalurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada mahasiswa OKU di Universiti Malaya. Manakala bagi program yang akan datang, pihak seksyen dengan kerjasama pihak Pengurusan Universiti Malaya akan mengadakan pengiktirafan khas untuk mahasiswa OKU yang cemerlang.

Pihak seksyen juga turut mengadakan pencarian sukarelawan bagi membantu mahasiswa istimewa di Universiti Malaya. Terdapat dua jenis sukarelawan yang diperlukan iaitu Sukarelawan Projek yang mana merupakan sukarelawan yang boleh membantu dalam melakukan aktiviti atau projek yang tidak mampu dilakukan oleh mahasiswa OKU, contohnya di bawah biro teknikal yang memerlukan bantuan sukarelawan untuk mengangkat barang-barang kerana terdapat ahli PERMIUM yang tidak dapat melakukannya sendirian dan Sukarelawan *Reader* yang mana merupakan sukarelawan yang boleh membantu mahasiswa OKU yang mengalami masalah penglihatan dalam mencari bahan-bahan rujukan atau menjadi pembaca bahan

kuliah bagi mereka. Masa adalah fleksibel dan tempat boleh dibuat sama ada di Perpustakaan Utama atau Bangunan Seri Jati, KK7 bergantung kepada mahasiswa yang mempunyai masalah penglihatan ini.<sup>171</sup>

Semua peranan yang dimainkan oleh pihak seksyen seperti yang telah penulis kemukakan di atas adalah bagi memastikan mahasiswa istimewa dapat mengambil bahagian sepenuhnya dalam program akademik dan lain-lain aspek kehidupan mahasiswa dalam kampus. Perkhidmatan yang diberikan kepada mereka adalah berbeza serta mengikut tahap kecacatan atau ketidakupayaan yang dialami oleh setiap mahasiswa OKU. Oleh itu, setiap mahasiswa yang mengalami kecacatan atau ketidakupayaan adalah perlu untuk mendaftar kepada Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU supaya pihak universiti dapat mengenalpasti masalah yang mereka hadapi dan memberi sebarang bantuan kepada mereka sama ada bantuan dari segi kewangan, akademik dan sebagainya. Misalnya, jika mahasiswa istimewa mendaftar di bawah seksyen ini, mereka akan dikenalpasti, seterusnya akan diberi masa untuk menjawab peperiksaan lebih panjang berbanding mahasiswa lain. Jika tidak berdaftar mungkin mereka mengalami kesulitan untuk menjawab dengan cepat seperti mahasiswa lain. Oleh itu, biarpun malu untuk menonjol di khalayak umum ataupun tidak memerlukan sebarang bantuan dari pihak universiti, mahasiswa istimewa perlu mendaftar di bawah Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU demi mendapatkan hak dan kemudahan yang telah disediakan khas untuk mereka.

### **3.6 KESIMPULAN**

Sebagai warganegara Malaysia, golongan OKU mempunyai hak sosial untuk mendapat akses dan ekuiti dalam pendidikan. Jaminan kepada akses dan ekuiti dalam pendidikan merupakan salah satu kaedah utama untuk memperkasakan golongan OKU

---

<sup>171</sup> Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya.

di negara kita. Tidak seperti pelajar-pelajar lain yang tidak mempunyai kekurangupayaan, pelajar OKU memerlukan persekitaran yang mesra OKU dan perkhidmatan sokongan bagi membantu mereka menjalani pengajian di IPTA dengan optima. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pihak IPTA untuk memenuhi hak sosial golongan OKU dengan menyediakan persekitaran mesra OKU dan perkhidmatan sokongan secara percuma.<sup>172</sup>

Pihak Universiti Malaya telah menunjukkan sikap prihatin serta mengambil berat akan kebajikan mahasiswa OKU dengan memastikan persekitaran kampus yang bebas halangan dan menyediakan pelbagai fasiliti bagi memudahkan pergerakan mereka sama ada di kolej kediaman, perpustakaan, fakulti dan sebagainya. Pihak universiti juga turut menyediakan bantuan kewangan, bantuan pembelajaran dan pembinaan kerjaya kepada mahasiswa OKU di samping menyokong penubuhan PERMIUM bagi memudahkan mahasiswa OKU berkumpul serta menjalankan pelbagai aktiviti sama ada aktiviti yang melibatkan warga kampus ataupun masyarakat luar.

Pembangunan fizikal tidak akan lengkap tanpa pembangunan kemanusiaan yang melibatkan program akademik, aktiviti persatuan, kursus-kursus pembangunan kemahiran komputer dan latihan menggunakan alat pandang-dengar. Pembangunan kemudahan fizikal OKU yang diusahakan di Kolej Kediaman Za'ba, Universiti Malaya hanya merupakan langkah pertama ke arah pembangunan yang lebih komprehensif.<sup>173</sup>

Melalui pembacaan, temubual serta lawatan teknikal membolehkan penulis membuat kesimpulan bahawa pembangunan kemudahan fizikal kepada mahasiswa OKU di Universiti Malaya adalah antara yang terbaik dan lengkap terutamanya kemudahan yang disediakan di Kolej Kediaman Za'ba.

---

<sup>172</sup> Hasnah Toran et al., "Sokongan dan Halangan yang dihadapi Pelajar-pelajar Kurang Upaya di sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia", *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 1, no. 2 (2009), 27.

<sup>173</sup> Mohd Salleh Aman, "Pembangunan Kemudahan Fizikal Pelajar OKU", 12.

## **BAB 4 : KAJIAN LAYANAN TERHADAP MAHASISWA KELAINAN UPAYA DI UNIVERSITI MALAYA**

### **4.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini, penulis akan membincangkan serta menganalisis item terpenting dalam penulisan disertasi ini iaitu mengenai layanan yang diterima oleh mahasiswa istimewa di Universiti Malaya. Dalam bab ini juga penulis akan membincangkan tentang dapatan hasil kajian daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada 25 mahasiswa istimewa di Universiti Malaya. Borang soal selidik yang telah lengkap akan dianalisa dengan menggunakan *Statistical Package for Sosial Sciences* (SPSS) versi 19. Perisian SPSS ini digunakan bagi memudahkan penulis membuat rumusan bilangan kekerapan dan peratusan data pada bahagian B, C, D dan E untuk set borang ini.

#### **4.1.1 Sampel Kajian**

Dalam kajian ini, seramai 25 orang mahasiswa istimewa Universiti Malaya telah dipilih sebagai responden. Responden terdiri daripada mahasiswa istimewa lelaki dan perempuan. Penulis telah mendapatkan kerjasama Seksyen Kerjaya, Kaunseling dan OKU, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya untuk mengenalpasti mahasiswa istimewa yang berdaftar di bawah seksyen ini. Seksyen ini bertanggungjawab menyelenggara penyaluran elaun Orang Kurang Upaya (OKU) dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada mahasiswa-mahasiswa yang mendaftar sebagai OKU di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Pada peringkat permulaan, penulis telah mendapatkan senarai nama mahasiswa istimewa ini daripada Seksyen Kerjaya, Kaunseling dan OKU. Kemudian penulis menghubungi mahasiswa istimewa bagi mendapatkan persetujuan untuk terlibat dalam kajian ini. Sepanjang proses pengedaran borang selidik dijalankan, tidak semua

mahasiswa istimewa dapat memberi kerjasama kerana mereka juga sibuk menyiapkan tugas akademik serta tugas persatuan. Disebabkan hal ini, penulis hanya mengedarkan borang selidik kepada mahasiswa istimewa selepas mereka sendiri bersetuju untuk bekerjasama dengan penulis. Pemilihan sampel untuk kajian ini merangkumi semua tahap pendidikan sama ada ijazah kedoktoran (PhD), ijazah sarjana (Master) dan sarjana muda serta merangkumi semua fakulti yang terdapat di Universiti Malaya. Proses pengedaran borang kaji selidik telah dilakukan penulis dengan mengedarkan sendiri borang tersebut kepada responden serta melalui emel. Bagi mahasiswa istimewa yang mengalami cacat penglihatan, penulis akan menawarkan khidmat membaca soalan serta menandakan jawapan. Proses pengedaran borang ini bermula pada 15 November 2013 dan selesai pada 10 Disember 2013.

#### **4.1.2 Instrumen Kajian**

Instrumen dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif di mana satu set borang soal selidik telah disediakan sebagai kerangka untuk jawapan para responden. Tujuannya adalah untuk menggalakkan para responden untuk memberi tindak balas kepada pelbagai topik yang dibangkitkan oleh borang soal selidik ini. Dalam kajian ini, penulis telah memilih untuk menggunakan soalan berskala Likert di mana responden bebas memilih jawapan daripada satu kontinum (ekstrem ke ekstrem). Jadual 4.1 di bawah menunjukkan pembahagian soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini.

Jadual 4.1 : Pembahagian Soalan Soal Selidik

<b>Bahagian</b>	<b>Perkara</b>	<b>Bil. Item</b>
<b>A</b>	Maklumat Responden	5
<b>B</b>	Penghargaan sendiri mahasiswa istimewa di UM	9

<b>C</b>	Halangan-halangan yang dihadapi oleh mahasiswa/i istimewa dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa universiti	10
<b>D</b>	Layanan yang diterima oleh mahasiswa/i istimewa di UM	10
<b>E</b>	Kefahaman mengenai hadith orang kurang upaya (OKU).	10

Sumber: Soal Selidik, 15 November-10 Disember 2013

Penulis melihat pentingnya soalan bahagian A ditanya dalam borang kaji selidik ini bagi mendapatkan maklumat peribadi responden. Manakala soalan bahagian B dan C pula ditanya untuk mengetahui penghargaan responden terhadap diri mereka sendiri serta halangan yang mereka hadapi sepanjang berada di UM. Soalan pada bahagian D dan bahagian E pula dikemukakan adalah bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan penulis. Soalan soal selidik yang disediakan oleh penulis adalah soalan yang diubah suai dan berpandukan kepada jurnal yang ditulis oleh Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhamad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar dan Nur Hazwani Hamzah yang bertajuk “Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia”.<sup>174</sup>

#### **4.2 HIPOTESIS KAJIAN**

Dalam kajian ini, terdapat sebanyak tiga hipotesis kajian telah ditentukan oleh penulis bagi memastikan objektif kajian ini tercapai. Ketiga-tiga hipotesis nul ini adalah seperti berikut:

H<sub>0</sub><sup>1</sup>: Semua mahasiswa istimewa di Universiti Malaya tidak menghadapi sebarang halangan sepanjang mereka bergelar mahasiswa di UM.

H<sub>0</sub><sup>2</sup>: Mahasiswa istimewa di Universiti Malaya tidak menerima layanan yang baik daripada warga kampus.

<sup>174</sup> Hasnah Toran et al., “Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia”, *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2, no. 2 (2010) : 22-34.



H<sub>0</sub><sup>3</sup>: Mahasiswa istimewa di Universiti Malaya tidak mempunyai kefahaman yang baik terhadap hadith-hadith berkenaan OKU.

#### 4.3 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN KAJIAN

Kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen maka semakin jitu data-data yang akan diperoleh bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen telah dipiawaikan oleh tiga agensi;<sup>175</sup>

- i. *Committee of members of the American Educational Research Association*
- ii. *The American Psychological Association*
- iii. *The National Council on Measurement in Education*<sup>176</sup>

##### 1. Kesahan Instrumen Soal Selidik (Kuantitatif).

Kesahan didefinisikan sebagai ketepatan (*appropriateness*), kebenaran (*truthfulness*), bermakna (*meaningfulness*) dan kebolehgunaan (*usefulness*) instrumen yang membolehkan data-data diinferenkan. Kesahan juga bermaksud ; persetujuan antara dua percubaan untuk mengukur trait yang sama secara maksimum dengan kaedah yang berlainan. Biasanya bagi instrumen soal selidik, seseorang penyelidik akan menggunakan teknik *Criterion – Related Evidence* untuk mengumpulkan bukti (*collecting evidence*) terhadap kesahan instrumen melalui sekumpulan pakar rujuk

---

<sup>175</sup> Darulsalam, Ghazali, “Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif dan Kuantitatif”, *Jurnal Pendidikan*, (2005) : 61.

<sup>176</sup> American Psychological Association, *Standards for Education and Psychological Testing* (Washington D.C., : APA., 1985), 9-18 dan 19-23.

(*expert judgement*). Dengan itu penyelidik akan melantik beberapa orang pakar untuk mengesahkan instrumen kajian.<sup>177</sup>

## 2. Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik (Kuantitatif)

Kebolehpercayaan instrumen ialah suatu nilai ukuran untuk menentukan ketekalan skor setiap item. Ketekalan bermaksud apabila item yang sama diuji beberapa kali kepada subjek yang sama pada selang masa yang berlainan tetapi tetap memberi skor keputusan atau jawapan yang sama atau hampir sama. Mengikut Campbell dan Fiske (1959), reliabiliti diertikan sebagai; persetujuan antara dua usaha untuk mengukur sifat (*trait*) yang sama secara maksimum melalui kaedah yang sama.<sup>178</sup>

Konsep pengukuran reliabiliti dalam kaedah kuantitatif khasnya penggunaan soal selidik direka untuk menguji kelompok soal selidik melalui kajian rintis (*pilot test*) yang bererti; satu ujian skala kecil (*small-scale testing*). Kajian rintis juga berupa permulaan percubaan (*preliminary trial*) sebelum item-item daripada ujian sebenar dikenakan pada sampel sebenar. Tujuan kajian rintis dibuat adalah untuk mendapatkan ketelusan data daripada ujian percubaan melalui kumpulan kecil individu. Tujuan lain adalah untuk menilai ketekalan (*reliability*) item daripada aspek; aras item, objektif item, kefahaman item, kebolegunaan item dan arahan item itu sendiri.<sup>179</sup>

Jumlah sampel atau responden yang digunakan dalam kajian rintis biasanya tidak kurang daripada 20 orang sampel. Instrumen yang baik adalah instrumen yang dibina sendiri oleh penyelidik bagi maksud pengumpulan data dalam sesuatu kajian. Dengan itu, seseorang penyelidik tidak begitu digalakkan untuk mengambil sebarang contoh, bentuk dan jenis soal selidik yang sedia ada atau yang dikeluarkan oleh agensi atau bank item daripada *sources of test information* bagi penyelidikan pendidikan atau daripada

---

<sup>177</sup> Darulsalam, Ghazali, 63.

<sup>178</sup> *Ibid.*, 68.

<sup>179</sup> *Ibid.*, 69.

pihak pengeluar dan pembekal soal selidik seperti; *Mental Measurements Year books* (MMY).<sup>180</sup>

Penyelidik juga tidak digalakkan mengambil daripada agensi yang membekalkan ujian dalam pelbagai bidang penyelidikan seperti; Ujian Personaliti, Kecergasan, Tingkah Laku, Keberkesanan, Pendidikan, Kaunseling, Psikologi, Perniagaan, Pentadbiran dan sebagainya yang dikeluarkan oleh PRO-ED Publications yang menjual lebih daripada 3,000 ujian dalam pelbagai bidang.<sup>181</sup>

Alasan mengapa seseorang penyelidik tidak begitu digalakkan membeli soal selidik yang dikatakan standard dalam sesuatu kajian kerana terbukti sebagai '*well-business of selling test*' dengan meletakkan nilai pekali *reliability coefficient*  $\alpha = > .90$  sebagai iklan, sedangkan ia sebenarnya tidak boleh dipertanggungjawabkan. Alasan lain ialah kerana item-item berkenaan hanya sesuai digunakan pada masa tersebut sahaja dan menjadi tidak relevan pada masa kajian kini yang sedang dijalankan di samping kriteria-kriteria dalam item construct (*total test*) dan indikator item (*sub item*) yang berbeza.<sup>182</sup>

Dengan itu, penyelidik sepatutnya menguji sendiri kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen soal selidik melalui kajian rintis dengan menggunakan salah satu teknik atau kombinasi antara beberapa teknik untuk menguji darjah kebolehpercayaan item yang bertujuan untuk melihat *internal consistency correlation coefficient* item-item.<sup>183</sup>

Pentafsiran pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima mengikut pengamal penyelidikan dalam sains sosial ialah lebih daripada  $\alpha = .60$ . Dengan menggugurkan butiran-butiran yang merendahkan pekali tersebut (dalam construct dan indicator item), penyelidik boleh meningkatkan nilai reliabiliti terhadap alat ukur. Mengikut Mohd. Majid Konting (1993) tahap  $\alpha = 0.71 - 0.99$  adalah tahap yang terbaik (71% - 99%

---

<sup>180</sup> *Ibid.*, 69.

<sup>181</sup> *Ibid.*, 70.

<sup>182</sup> *Ibid.*

<sup>183</sup> *Ibid.*, 71.

kebolehpercayaan item oleh sampel).<sup>184</sup> Fraenkel dan Wallen (1996) meletakkan nilai *reliability item* yang diterima pada tahap  $\alpha = 0.70 - 0.9930$ . Kubiszyn dan Borich (2000) menentukan nilai  $\alpha = .80 - .90$  *reliability coefficients* yang diterima. Manakala Popham (1990) pula ialah pada tahap  $\alpha = .90 - .9532$ . Tafsiran nilai *cronbach alpha* ( $\alpha$ ) *correlation coefficients* adalah seperti berikut:<sup>185</sup>

Jadual 4.2:Tafsiran nilai *cronbach alpha* ( $\alpha$ ) *correlation coefficients*

0.00 hingga + 1.00	=	pada asasnya
.60 hingga .70	=	satisfied coefficients
.70 hingga .80	=	stability coefficients
.80 hingga .90	=	customary coefficients
.90 hingga .95	=	sufficient coefficients
.80 hingga .90	=	acceptable reliability
.90 hingga + 1.00	=	very good reliability
.95 hingga + 1.00	=	acceptable standardised test for internal consistency

Pada amalannya kebanyakan penyelidik menggunakan *Cronbach's Coefficient Alpha* ( $\alpha$ ) untuk mengukur kebolehpercayaan item-item soal selidik (menggunakan skala Likert 5).<sup>186</sup> Namun begitu, dalam kajian ini, penulis menggunakan skala Likert 6.

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen amat penting bagi mempertahankan kejutuan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen maka semakin jitu data-data yang akan diperoleh bagi menghasilkan kajian yang lebih baik dan berkualiti. Seseorang penyelidik merujuk kepada beberapa orang panel penilai (pakar) untuk menyemak reka bentuk soal selidik dan indeks reliabiliti sesuatu instrumen.<sup>187</sup>

<sup>184</sup> Mohd. Majid Konting, Kaedah Penyelidikan Pendidikan (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 182.

<sup>185</sup> Darulsalam, Ghazali, 72.

<sup>186</sup> *Ibid.*, 73.

<sup>187</sup> *Ibid.*, 75.

### 4.3.1 Kajian rintis (*pilot test*)

Kajian rintis dijalankan adalah bertujuan untuk menguji item dari segi bahasa dan mendapatkan darjah kepercayaan. Selain itu, kajian rintis dijalankan untuk menguji kefahaman responden terhadap item-item yang dibina untuk memperoleh tahap kesahan dan kebolehpercayaan setiap item instrumen. Kajian ini dilaksanakan untuk meningkatkan kesahan dalaman instrumen kajian<sup>188</sup> sekaligus dapat membantu mengenalpasti kelemahan dan kekurangan soal selidik yang telah dibuat. Penyelidik boleh mengubah suai struktur soal selidik sekiranya didapati perlu diperbaiki sebelum kajian sebenar dijalankan.

Penulis telah melakukan kajian rintis terhadap 20 orang mahasiswa istimewa (OKU) di Universiti Malaya dengan bantuan saudari Nurul Adilah Nazri<sup>189</sup> dan saudara Nadhir Nasir.<sup>190</sup> Penulis telah melakukan kajian rintis ini pada 20 September dan selesai pada 10 Oktober 2013. Bagi soal selidik ini, penulis telah mendapatkan pengesahan daripada tiga orang pakar. Perinciannya boleh dilihat dalam jadual 4.3 berikut.

Jadual4.3 : Kesahan Instrumen Soal Selidik Melalui Sekumpulan Pakar Rujuk

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Panel Pakar Rujuk / <i>Expert Judgment</i></b>
1.	Halangan-halangan yang dihadapi oleh mahasiswa/i istimewa dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa universiti	- Puan Maznah Azis Pegawai Psikologi, Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya.  - Puan Halimatun Attan, Penolong Ketua Pendaftar, Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya.

<sup>188</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, (Malaysia : McGraw Hill, 2006), 257.

<sup>189</sup> Yang Dipertua PERMIUM sesi 2012/2013.

<sup>190</sup> Yang Dipertua PERMIUM sesi 2013/2014.

2.	Layanan yang diterima oleh mahasiswa/i istimewa di UM	<p>- Puan Maznah Azis Pegawai Psikologi, Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya.</p> <p>- Puan Halimatun Attan, Penolong Ketua Pendaftar, Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya.</p>
3.	Kefahaman mengenai hadith orang kurang upaya (OKU).	- Prof Madya Dr. Fauzi Deraman, Pensyarah di Jabatan Al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Bagi kajian rintis ini, penulis telah menggunakan program *Cronbrach Alpha* untuk menganalisis data-data yang diperolehi untuk mengenalpasti sama ada item-item yang terdapat pada borang kaji selidik ini perlu dikekalkan atau disingkirkan. Bagi item yang mempunyai nilai alfa kurang daripada 0.60 akan disingkirkan kerana mempunyai tahap kebolehpercayaan yang rendah.

Jadual 4.4: Keputusan Cronbach Alpha Bagi Ujian Rintis

Item		Skor
Penghargaan sendiri mahasiswa istimewa di UM	Bilangan Item Cronbach Alpha	9 0.738
Halangan-halangan yang dihadapi oleh mahasiswa/i istimewa dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa universiti	Bilangan Item Cronbach Alpha	10 0.821
Layanan yang diterima oleh mahasiswa/i istimewa di UM	Bilangan Item Cronbach Alpha	10 0.672
Kefahaman mengenai hadith orang kurang upaya (OKU).	Bilangan Item Cronbach Alpha	10 0.630

### **4.3.2 Skala pemarkahan ujian**

Bagi menentukan skala pemarkahan bagi borang kaji selidik ini, penulis telah merujuk jurnal yang ditulis oleh Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhamad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar dan Nur Hazwani Hamzah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bertajuk “Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia”.<sup>191</sup> Namun begitu, penulis telah membuat beberapa perubahan dan ubah suai supaya ianya sesuai dengan kajian penulis.

Skala pemarkahan bagi borang kaji selidik ini adalah sama bagi setiap bahagian iaitu menggunakan skala Likert 6 mata. Mata ukuran ini disusun mengikut sejauh mana kecenderungan responden sama ada sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), kurang setuju (KS), agak setuju (AS), setuju (S) dan sangat setuju (SS) terhadap kenyataan yang dikemukakan oleh penulis dalam borang soal selidik.

## **4.4 Analisis Dapatan Kajian**

Secara keseluruhannya, seramai 25 orang responden telah terlibat dalam kajian ini yang mana kesemuanya adalah terdiri daripada mahasiswa istimewa Universiti Malaya. Perincian bagi dapatan kajian daripada soal selidik yang telah dilaksanakan dapat dilihat dalam keterangan di bawah ini.

### **4.4.1 Analisis Profile Responden**

Kajian ini melibatkan 25 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa istimewa Universiti Malaya yang berbeza latar belakang. Kajian mengenai latar

---

<sup>191</sup> Hasnah Toran et al., “Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia”, *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2, no. 2 (2010) : 22-34.

belakang responden adalah penting bagi kajian ini. Berikut adalah perincian bagi latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 4.5: Analisis Profile Responden

<b>Item</b>	<b>Kategori</b>	<b>Peratus Keckerapan (f) %</b>
Jantina	Lelaki	11 (44%)
	Perempuan	14 (56%)
Umur	20-25	22 (88%)
	26-30	3 (12%)
	30 dan ke atas	0 (0%)
Bangsa	Melayu	21 (84%)
	Bumiputera Sabah/Sarawak	4 (16%)
	Lain-lain	0 (0%)
Fakulti/Akademi pengajian	Ekonomi dan Pentadbiran	1 (4%)
	Alam Bina	2 (8%)
	Pendidikan	0 (0%)
	Pengajian Islam (API)	3 (12%)
	Sastera dan Sains Sosial	4 (16%)
	Pengajian Melayu (APM)	13 (52%)
	Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	0 (0%)
	Lain-lain	2 (8%)
Jenis kecacatan	Penglihatan	18 (72%)
	Pendengaran	0 (0%)
	Fizikal	7 (28%)
	Lain-lain	0 (0%)

Sumber: Soal selidik, 15 November-10 Disember 2013



Jadual 4.5 menunjukkan latar belakang responden mengikut jantina, umur, bangsa, fakulti atau akademi pengajian serta jenis kecacatan yang dialami oleh responden. Seramai 25 responden telah terlibat dalam kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4. Daripada jumlah tersebut, didapati bahawa 11 responden (44%) adalah lelaki dan 14 responden (56%) adalah perempuan. Bagi faktor umur, didapati 22 orang responden (88%) berusia antara 20 hingga 25 tahun dan 3 orang responden (12%) berusia antara 26 hingga daripada 30 tahun.

Bagi maklumat mengenai bangsa, didapati bahawa bilangan responden yang paling tinggi didominasi oleh bangsa Melayu iaitu seramai 21 orang (84%) dan selebihnya adalah Bumiputera Sabah dan Sarawak iaitu seramai 4 orang (16%).

Manakala bagi maklumat mengenai fakulti atau akademi pengajian, didapati bahawa bilangan responden yang paling tinggi didominasi oleh responden dari Akademi Pengajian Melayu (APM) iaitu seramai 13 orang (52%), diikuti oleh responden dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial iaitu seramai 4 orang (16%), Akademi Pengajian Islam seramai 3 orang (12%), Fakulti Alam Bina seramai 2 orang (8%), Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran seramai 1 orang (4%), dan lain-lain fakulti seramai 2 orang (8%). Responden yang menanda “lain-lain fakulti” merangkumi Fakulti Sains dan Fakulti Kejuruteraan.

Bagi maklumat mengenai kecacatan, didapati bahawa seramai 18 orang (72%) mahasiswa istimewa UM mengalami cacat penglihatan dan seramai 7 orang (28%) mengalami cacat fizikal.

Berdasarkan analisis pada jadual 4.5, berkenaan item jantina, nilai peratusan menunjukkan bahawa majoriti responden adalah perempuan. Jika dilihat secara logik, rata-rata IPTA dan IPTS di Malaysia didominasi oleh golongan ini.

Manakala, berkenaan item fakulti atau akademi pengajian, majoriti responden mengikuti pengajian di Akademi Pengajian Melayu (APM). Ini adalah kerana akademi

ini lebih dekat dengan tempat penginapan responden iaitu di Kolej Kediaman Za'ba (Kolej ke-7) seperti yang telah penulis nyatakan dalam bab 3 yang lepas.<sup>192</sup>

#### 4.4.2 Analisis Penghargaan Kendiri Mahasiswa OKU

Jadual 4.6: Analisis Penghargaan Kendiri Mahasiswa OKU

No. Item	Pernyataan	Respon					
		STS (n)	TS (n)	KS (n)	AS (n)	S (n)	SS (n)
1	Saya redha dengan ketentuan Allah S.W.T terhadap diri saya	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (4%)	5 (20%)	19 (76%)
2	Saya yakin saya boleh berjaya seperti mahasiswa normal yang lain	0 (0%)	0 (0%)	1 (4%)	0 (0%)	6 (24%)	18 (72%)
3	Kekurangan pada diri saya bukanlah penghalang untuk saya berjaya	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	10 (40%)	15 (60%)
4	Saya berasa bangga menjadi diri saya sekarang	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	2 (8%)	9 (36%)	14 (56%)
5	Walaupun mempunyai kekurangan, saya berkeyakinan dalam melakukan sesuatu tindakan	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (12%)	12 (48%)	10 (40%)
6	Sungguhpun saya mempunyai kekurangan, saya sedaya upaya mencuba untuk tidak menimbulkan masalah kepada keluarga dan rakan taulan saya	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	2 (8%)	14 (56%)	9 (36%)

<sup>192</sup> Bab 3: Kemudahan dan Perkhidmatan yang disediakan kepada Mahasiswa Istimewa di Universiti Malaya, 95.

<b>7</b>	Saya akan cuba mengelak daripada melakukan kesilapan yang berulang	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (12%)	11 (44%)	11 (44%)
<b>8</b>	Perasaan rendah diri disebabkan kekurangan ini tidak pernah wujud dalam diri saya	0 (0%)	2 (8%)	5 (20%)	5 (20%)	10 (40%)	3 (12%)
<b>9</b>	Saya menghargai setiap pertolongan yang dihulurkan kepada saya walaupun ianya tidak saya minta	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (4%)	4 (16%)	20 (80%)

Sumber: Soal Selidik, 15 November-10 Disember 2013

Maklum balas dari soal selidik yang dikumpul seperti jadual 4.6 di atas menunjukkan bahawa kesemua responden (100%) redha dengan ketentuan Allah S.W.T terhadap diri mereka. Begitu juga majoriti responden (96%) yakin bahawa mereka juga boleh berjaya seperti mahasiswa normal yang lain. Kesemua responden (100%) mengakui bahawa kekurangan yang mereka miliki bukanlah penghalang untuk terus berjaya. Jumlah yang sama juga, iaitu (100%) menyatakan bahawa mereka bangga menjadi diri mereka sekarang serta menyatakan bahawa mereka mempunyai keyakinan dalam melakukan sesuatu tindakan.

Di samping itu, kesemua responden (100%) juga menyatakan bahawa mereka akan cuba sedaya upaya untuk tidak menimbulkan masalah kepada keluarga dan rakan taulan mereka serta menyatakan bahawa mereka akan cuba mengelak daripada melakukan kesalahan yang berulang. Majoriti responden iaitu seramai (72%) berpendapat bahawa tidak pernah wujud perasaan rendah diri disebabkan kekurangan yang mereka miliki. Kesemua mereka (100%) juga menyatakan bahawa mereka menghargai setiap

pertolongan yang dihulurkan kepada mereka walaupun pertolongan tersebut bukanlah mereka minta.

Berdasarkan jadual 4.6, berkenaan soalan mengenai penghargaan sendiri responden, penulis berpendapat bahawa majoriti responden mempunyai motivasi diri yang tinggi dan mereka terima seadanya ketentuan Allah S.W.T terhadap diri mereka. Namun begitu, terdapat dua item yang perlu diberi perhatian kerana terdapat responden memberi jawapan yang negatif iaitu item mengenai keyakinan responden untuk berjaya seperti mahasiswa normal yang lain dan perasaan rendah diri yang wujud dalam diri responden disebabkan kekurangan atau kecacatan yang dimiliki. Pada pendapat penulis, perasaan kurang berkeyakinan dan rendah diri ini wujud dalam diri responden kerana mereka merasakan diri mereka serba kekurangan dan tidak sempurna jika dibandingkan dengan mahasiswa normal yang lain. Perasaan seperti ini memang sukar untuk dibendung dan memerlukan masa yang lama untuk meredakannya. Rakan-rakan serta masyarakat sekeliling memainkan peranan penting dalam membantu mereka yang serba kekurangan ini menepis semua perasaan negatif yang wujud dalam diri mereka di samping mendapatkan nasihat daripada orang yang berpengalaman dalam membina keyakinan diri.

#### 4.4.3 Analisis Halangan-halangan yang dihadapi oleh Mahasiswa Istimewa dalam Menjalani Kehidupan sebagai Mahasiswa Universiti

Jadual 4.7: Analisis Halangan-halangan yang dihadapi oleh Mahasiswa Istimewa dalam Menjalani Kehidupan sebagai Mahasiswa Universiti

No. item	Pernyataan	Respon					
		STS (n)	TS (n)	KS (n)	AS (n)	S (n)	SS (n)
1	Terdapat prasarana yang tidak mesra OKU	0 (0%)	3 (12%)	3 (12%)	10 (40%)	7 (28%)	2 (8%)
2	Ketiadaan maklumat untuk mengetahui ke	1 (4%)	2 (8%)	1 (4%)	9 (36%)	5 (20%)	7 (28%)

	mana arah tuju <i>shuttle bus</i>						
3	Terdapat rakan yang tidak memahami dan menganggap mahasiswa istimewa sebagai beban terutama apabila melibatkan kerja berkumpulan	2 (8%)	3 (12%)	5 (20%)	6 (24%)	4 (16%)	5 (20%)
4	Khidmat pembaca untuk membaca buku atau artikel secara sukarela tidak mencukupi	1 (4%)	3 (12%)	4 (16%)	12 (48%)	4 (16%)	1 (4%)
5	Pustakawan tidak mesra terhadap mahasiswa OKU	4 (16%)	1 (4%)	9 (36%)	6 (24%)	2 (8%)	3 (12%)
6	Sukar untuk mengakses maklumat terkini di kampus	0 (0%)	2 (8%)	14 (56%)	4 (16%)	2 (8%)	3 (12%)
7	Memerlukan masa tambahan semasa menduduki peperiksaan	0 (0%)	0 (0%)	4 (16%)	7 (28%)	5 (20%)	9 (36%)
8	Ketiadaan jurubahasa isyarat untuk menterjemah bahan kuliah	1 (4%)	1 (4%)	6 (24%)	3 (12%)	8 (32%)	6 (24%)
9	Terdapat pensyarah yang tidak memahami dan mesra dengan mahasiswa istimewa	2 (8%)	3 (12%)	12 (48%)	3 (12%)	3 (12%)	2 (8%)
10	Mengalami masalah komunikasi semasa berurusan dengan petugas di kaunter	2 (8%)	6 (24%)	11 (44%)	3 (12%)	1 (4%)	2 (8%)

Sumber: Soal Selidik, 15 November-10 Disember 2013

Jadual 4.7 menunjukkan mengenai aspek halangan-halangan yang dihadapi oleh mahasiswa istimewa UM. Majoriti responden (76%) menyatakan bahawa prasarana yang disediakan di sekitar Universiti Malaya adalah tidak mesra OKU. Tambahan pula,

seramai (84%) responden mengakui bahawa tiadanya maklumat mengenai arah tuju *shuttle bus* untuk memudahkan mereka bergerak.

Dari aspek pergaulan dengan rakan-rakan, seramai (60%) responden bersetuju bahawa terdapat rakan yang tidak memahami dan menganggap mereka sebagai beban terutama apabila melibatkan tugas berkumpulan. Seramai (68%) responden menyatakan bahawa khidmat pembaca sukarela tidak mencukupi.

Mengenai pergaulan responden dengan pustakawan UM, seramai (44%) responden bersetuju bahawa pustakawan UM tidak mesra dengan mahasiswa istimewa. Manakala seramai (36%) responden bersetuju bahawa mereka sukar untuk mengakses maklumat terkini di kampus UM. Tambahan pula, majoriti responden (84%) menyatakan bahawa mereka memerlukan masa tambahan semasa menduduki peperiksaan.

Namun begitu, seramai (68%) responden bersetuju bahawa tiadanya jurubahasa isyarat untuk menterjemah bahan kuliah. Seramai (32%) responden menyatakan bahawa terdapat pensyarah yang tidak memahami dan mesra dengan mahasiswa istimewa dan seramai (24%) bersetuju bahawa mereka mengalami masalah komunikasi semasa berurusan dengan petugas di mana-mana kaunter di UM.

Berdasarkan kepada analisis dalam jadual 4.7 berkenaan soalan mengenai halangan-halangan yang dihadapi oleh mahasiswa istimewa dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa universiti, penulis mendapati bahawa majoriti responden memberikan jawapan setuju, dalam erti kata lain mereka mengakui bahawa wujudnya halangan yang perlu mereka hadapi sepanjang mereka berada di UM.

Kebanyakan halangan yang mereka hadapi adalah seperti terdapat kemudahan serta prasarana mesra OKU yang tidak lengkap, ketiadaan maklumat *shuttle bus*,

masalah komunikasi dengan pensyarah, rakan-rakan dan staf-staf UM, khidmat pembaca sukarela dan penterjemah bahan kuliah yang tidak mencukupi serta kesukaran mengakses maklumat. Penulis berpendapat bahawa halangan ini wujud kerana responden merupakan pengguna tetap kepada perkhidmatan yang disediakan oleh pihak universiti, namun perkhidmatan tersebut kurang sesuai ataupun masih tidak mencukupi. Manakala halangan seperti ketiadaan maklumat mengenai perjalanan *shuttle bus* wujud disebabkan tiadanya sikap prihatin dan mengambil berat di kalangan mahasiswa normal untuk membantu mahasiswa istimewa. Mahasiswa istimewa terpaksa menunggu lama atau menunggu sukarelawan ataupun mahasiswa normal yang lain memaklumkan kepada mereka mengenai arah tuju bas tersebut. Selain itu, sebab wujudnya halangan ini adalah kerana berlakunya masalah komunikasi antara mahasiswa istimewa dengan warga kampus UM.

Penulis juga mendapati bahawa mahasiswa-mahasiswa istimewa di UM terutamanya mahasiswa yang mengalami masalah penglihatan menghadapi halangan yang besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan mengakses maklumat. Mereka memerlukan khidmat sukarelawan untuk mencari buku di perpustakaan serta membaca bahan kuliah kerana kebanyakan buku di perpustakaan tidak dicetak dalam *braille*. Halangan-halangan ini meninggalkan impak yang negatif terhadap prestasi mereka sebagai mahasiswa universiti. Maka seharusnya pihak pentadbiran universiti mengambil langkah-langkah proaktif bagi meningkatkan mutu kemudahan dan perkhidmatan di UM, di samping menangani halangan-halangan yang dihadapi oleh mahasiswa istimewa. Secara keseluruhannya, penulis melihat perkhidmatan dan prasarana yang disediakan kepada mahasiswa istimewa UM masih pada tahap kurang memuaskan.

#### 4.4.4 Analisis Layanan yang diterima oleh Mahasiswa Istimewa di UM

Jadual 4.8: Analisis Layanan yang Diterima oleh Mahasiswa Istimewa di UM

No. item	Pernyataan	Respon					
		STS (n)	TS (n)	KS (n)	AS (n)	S (n)	SS (n)
1	Dalam kerja berkumpul, mahasiswa istimewa sering disisih dan dipinggirkan	3 (12%)	3 (12%)	9 (36%)	5 (20%)	3 (12%)	2 (8%)
2	Pihak universiti memberi masa yang lebih panjang kepada mahasiswa istimewa untuk menjawab soalan peperiksaan	0 (0%)	2 (8%)	3 (12%)	8 (32%)	10 (40%)	2 (8%)
3	Pihak universiti memberi lebih perhatian terhadap mahasiswa istimewa berbanding mahasiswa normal yang lain	3 (12%)	2 (8%)	7 (28%)	5 (20%)	7 (28%)	1 (4%)
4	Pihak universiti tidak mengabaikan kebajikan mahasiswa istimewa di Universiti Malaya	1 (4%)	1 (4%)	3 (12%)	10 (40%)	8 (32%)	2 (8%)
5	Di UM, pihak pengurusan kolej dan staf sokongan memberi layanan yang baik kepada mahasiswa istimewa	0 (0%)	1 (4%)	7 (28%)	3 (12%)	10 (40%)	4 (16%)
6	Di UM, kemudahan yang disediakan untuk mahasiswa istimewa sering disalahguna seperti meletakkan kenderaan di laluan tactile atau " <i>tactile pavement</i> "	0 (4%)	0 (0%)	3 (12%)	4 (16%)	6 (24%)	12 (48%)



7	Keselamatan mahasiswa istimewa UM sentiasa terjamin apabila berada di dalam kawasan UM	2 (8%)	2 (8%)	9 (36%)	9 (36%)	2 (8%)	1 (4%)
8	Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti memenuhi keperluan mahasiswa istimewa UM	0 (0%)	2 (8%)	9 (36%)	9 (36%)	3 (12%)	2 (8%)
9	Tidak berlaku sebarang diskriminasi terhadap mahasiswa istimewa UM	1 (4%)	2 (8%)	6 (24%)	8 (32%)	7 (28%)	1 (4%)
10	Mahasiswa istimewa di UM dilayan dengan adil oleh pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan	0 (0%)	1 (4%)	4 (16%)	7 (24%)	11 (48%)	2 (8%)

Sumber: Soal Selidik, 15 November-10 Disember 2013

Jadual 4.8 menunjukkan layanan yang diterima oleh mahasiswa istimewa UM. Seramai (60%) responden berpendapat bahawa mereka tidak disisihkan dan dipinggirkan dalam kerja berkumpulan. Majoriti responden iaitu seramai (80%) bersetuju bahawa pihak universiti memberi masa yang lebih panjang kepada mahasiswa istimewa untuk menjawab soalan peperiksaan. Manakala seramai (52%) responden menyatakan bahawa pihak universiti memberi lebih perhatian terhadap mahasiswa istimewa berbanding mahasiswa normal yang lain.

Tambahan pula majoriti responden iaitu seramai (80%) berpendapat bahawa pihak universiti sentiasa mengambil berat kebajikan mahasiswa istimewa di Universiti Malaya

dan seramai (68%) responden menyatakan bahawa pihak pengurusan kolej serta staf sokongan UM memberi layanan yang baik kepada mereka.

Namun begitu, majoriti responden iaitu seramai (88%) mengakui bahawa kemudahan yang disediakan kepada mereka sering disalahguna seperti terdapat kenderaan yang diletakkan di laluan tactile atau "*tactile pavement*" sekaligus menghalang laluan yang sering digunakan sepenuhnya oleh mahasiswa yang cacat penglihatan. Seramai (52%) responden mengakui bahawa keselamatan mereka terjamin apabila berada di kawasan UM dan seramai (56%) menyatakan bahawa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak UM memenuhi keperluan mereka. Manakala seramai (64%) responden berpendapat bahawa tidak berlaku sebarang diskriminasi terhadap mereka. Majoriti responden iaitu seramai (80%) bersetuju bahawa mereka dilayan dengan adil oleh para pensyarah dan rakan-rakan.

Merujuk kepada analisis pada jadual 4.8 berkenaan layanan yang diterima oleh mahasiswa istimewa UM, penulis berpendapat bahawa tahap layanan yang diterima oleh mahasiswa istimewa UM adalah agak kurang memuaskan. Ini berdasarkan respon yang diberikan oleh mahasiswa istimewa UM dalam borang kaji selidik yang diedarkan oleh penulis mengenai soalan layanan yang diterima oleh mereka. Dari segi layanan dan diskriminasi di kalangan warga kampus terhadap mahasiswa kurang upaya yang melanjutkan pelajaran di UM pula, walaupun tiada diskriminasi secara langsung, responden melaporkan bahawa kualiti layanan dari para pensyarah, rakan-rakan dan staf sokongan adalah agak rendah dan mereka kurang mahir berkomunikasi dengan golongan ini. Sebilangan responden bersetuju bahawa terdapat rakan-rakan kurang bekerjasama dengan mahasiswa istimewa sewaktu proses pembelajaran dan mereka sering disisihkan. Perkara begini berlaku kerana mahasiswa normal lebih cenderung memilih rakan normal yang lain untuk tugas berkumpulan berbanding memilih mahasiswa istimewa. Hal ini selari dengan kajian yang telah dibuat oleh Hasnah Toran,

Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar dan Norasuzaini Sujak terhadap sebuah IPTA di Malaysia mengenai Sokongan dan Halangan yang dihadapi Pelajar-pelajar Kurang Upaya di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.<sup>193</sup>

Selain itu, majoriti mahasiswa istimewa menyatakan bahawa prasarana yang disediakan untuk mereka sering disalahguna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sekaligus menyebabkan keselamatan mahasiswa istimewa di sini tidak terjamin. Hal ini selari dengan hasil pemerhatian penulis bahawa terdapat kereta yang diletakkan di laluan *tactile* atau *tactile pavement* yang mana laluan tersebut diguna sepenuhnya oleh mahasiswa cacat penglihatan.<sup>194</sup>

Oleh yang demikian, pihak UM khususnya, dan pihak IPTA amnya, perlu mengadakan program kesedaran mengenai cabaran dan halangan yang dihadapi oleh mahasiswa OKU, meningkatkan pengetahuan mereka mengenai keperluan mahasiswa OKU, serta memberi latihan kepada staf-staf untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan layanan kakitangan universiti kepada mahasiswa OKU di samping mengetatkan kawalan keselamatan di kawasan UM.

#### 4.4.5 Analisis Kefahaman mengenai Hadith Orang Kurang Upaya (OKU).

Jadual 4.9: Analisis Kefahaman mengenai Hadith Orang Kurang Upaya (OKU)

No. item	Pernyataan	Respon					
		STS (n)	TS (n)	KS (n)	AS (n)	S (n)	SS (n)
1	Orang kurang upaya wajib mengerjakan solat mengikut keupayaan masing-masing.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (4%)	3 (12%)	21 (84%)

<sup>193</sup> Hasnah Toran et al., "Sokongan Dan Halangan yang Dihadapi oleh Pelajar Kurang Upaya di sebuah Institut Pengajian Tinggi di Malaysia", *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 1, no. 2 (2009), 27-28.

<sup>194</sup> Gambarajah 17 pada bahagian lampiran, 153.

2	Cara solat orang cacat penglihatan adalah berbeza dengan cara solat orang cacat fizikal	3 (12%)	0 (0%)	2 (8%)	2 (8%)	12 (48%)	6 (24%)
3	Solat berjemaah juga dituntut kepada orang kurang upaya	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (12%)	4 (16%)	18 (72%)
4	Sah solat sekiranya orang kurang upaya (cacat penglihatan) menjadi imam	1 (4%)	1 (4%)	2 (8%)	4 (16%)	4 (16%)	13 (52%)
5	Orang kurang upaya boleh menjadi muazzin (tukang azan)	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	2 (8%)	6 (24%)	17 (68%)
6	Orang kurang upaya dikecualikan daripada tuntutan berjihad atau berperang	0 (0%)	1 (4%)	6 (24%)	10 (40%)	3 (12%)	5 (20%)
7	Imam perlu meringankan solat seperti memendekkan bacaan sekiranya makmumnya terdiri daripada OKU	1 (4%)	0 (0%)	7 (28%)	8 (32%)	3 (12%)	6 (24%)
8	Berbuat baik kepada yang lemah menjadi sebab terbukanya pintu rezeki.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (4%)	8 (32%)	16 (64%)
9	Pemerintah atau penjaga adalah dituntut supaya menguruskan hal-hal yang berkaitan orang yang lemah atau kurang upaya	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	6 (24%)	7 (28%)	12 (48%)
10	Allah melaknat orang yang memberilayanan buruk kepada orang kurang upaya	0 (0%)	0 (0%)	1 (4%)	4 (16%)	7 (28%)	13 (52%)

Sumber: Soal Selidik, 15 November-10 Disember 2013

Jadual 4.9 menunjukkan mengenai kefahaman hadith-hadith yang berkaitan dengan OKU. Majoriti responden (100%) memahami dengan baik hadith mengenai orang kurang upaya wajib mengerjakan solat mengikut keupayaan masing-masing. Manakala seramai (80%) responden memahami bahawa cara solat orang cacat penglihatan adalah berbeza dengan cara solat orang cacat fizikal.

Seramai (100%) responden berpendapat dan bersetuju bahawa solat berjemaah juga dituntut kepada orang kurang upaya. Majoriti responden (84%) memahami bahawa sah solat sekiranya orang kurang upaya (penglihatan) menjadi imam. Tambahan pula kesemua responden (100%) bersetuju bahawa orang kurang upaya boleh menjadi muazzin (tukang azan).

Namun begitu, seramai (72%) responden memahami bahawa orang kurang upaya dikecualikan daripada tuntutan berjihad atau berperang dan seramai (68%) bersetuju bahawa imam perlu meringankan solat seperti memendekkan bacaan sekiranya makmumnya terdiri daripada OKU.

Kesemua responden (100%) memahami serta bersetuju bahawa berbuat baik kepada yang lemah menjadi sebab terbukanya pintu rezeki dan kesemua mereka (100%) juga bersetuju bahawa pemerintah atau penjaga adalah dituntut supaya menguruskan hal-hal yang berkaitan orang yang lemah atau kurang upaya. Tambahan pula majoriti responden (96%) bersetuju bahawa Allah melaknat orang yang memberi layanan buruk kepada orang kurang upaya.

Berdasarkan analisis pada jadual 4.9, majoriti responden mempunyai kefahaman yang baik terhadap beberapa buah hadith yang dikemukakan oleh penulis. Namun begitu, terdapat juga hadith yang masih kurang difahami oleh responden seperti hadith mengenai sah *imamah* OKU (penglihatan), cara solat OKU, pengecualian tuntutan berjihad ke atas OKU, tuntutan kepada imam supaya meringankan solat seperti

memendekkan bacaan sekiranya makmumnya terdiri daripada OKU dan hadith berkenaan laknat Allah kepada sesiapa yang memberi layanan buruk kepada orang kurang upaya. Pada hemat penulis, responden kurang memahami hadith-hadith ini kerana mereka sendiri tidak pernah diberi peluang menjadi imam solat serta tidak mendapat layanan dan keistimewaan yang sepatutnya ketika turut serta dalam solat berjemaah. Selain itu, mereka juga tidak didedahkan mengenai cara solat bagi orang yang mempunyai kecacatan kategori lain di samping kurangnya pendedahan, pengetahuan dan pemahaman mengenai hadith-hadith OKU serta ilmu fiqh walaupun kuliah agama sering diadakan di surau kolej kediaman.

#### **4.5 KESIMPULAN**

Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa istimewa UM mempunyai motivasi diri yang cukup tinggi dalam diri mereka. Di samping itu, kajian ini membuktikan bahawa masih terdapat halangan-halangan yang perlu dihadapi oleh mahasiswa istimewa UM sepanjang mereka bergelar mahasiswa di sini. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa masih wujud layanan yang tidak sepatutnya diterima oleh mahasiswa istimewa UM serta membuktikan mereka masih lagi kurang memahami hadith-hadith yang berkaitan orang kurang upaya.

Kajian ini diharap dapat menyalurkan maklumat mengenai segala isu dan halangan yang dihadapi oleh golongan mahasiswa kurang upaya kepada pihak-pihak yang berwajib agar usaha untuk menghapuskan halangan dan menyelesaikan isu ini dapat dilakukan dengan segera.

Selain itu, kajian juga perlu dijalankan untuk mengenal pasti serta memperbaiki kualiti perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan agar mahasiswa OKU, bukan sahaja di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), bahkan juga di Institut Pengajian

Tinggi Swasta (IPTS) dapat belajar dengan selesa dan selamat serta berjaya mencapai prestasi optimum dalam bidang pengajian mereka.

Kesedaran mengenai keperluan mahasiswa OKU di Malaysia baru sahaja bermula. Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar kajian ini dapat membantu dalam memberikan layanan serta menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada mahasiswa OKU di semua IPTA dan IPTS khususnya di Universiti Malaya<sup>195</sup> serta membantu memahami hadith-hadith Rasulullah S.A.W yang berkaitan OKU.

Kesimpulannya, ketiga-tiga hipotesis nul yang telah ditentukan oleh penulis adalah tertolak disebabkan wujudnya halangan yang perlu dihadapi oleh mahasiswa istimewa UM sepanjang mereka bergelar mahasiswa di UM, di samping masih terdapat mahasiswa istimewa UM yang menerima layanan yang kurang memuaskan daripada warga UM serta masih terdapat mahasiswa istimewa UM yang kurang memahami hadith berkaitan orang kurang upaya (OKU).

---

<sup>195</sup> *Ibid.*

## **BAB 5 : KESIMPULAN**

### **5.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab terakhir disertasi ini, penulis akan menyatakan rumusan bagi keseluruhan bab serta hasil dapatan yang diperolehi daripada analisis yang dilakukan pada bab 4, serta kesimpulan secara keseluruhannya. Disertakan juga di dalam bab ini beberapa saranan dan cadangan supaya disertasi ini dapat memberi manfaat kepada seluruh umat manusia.

### **5.2 RUMUSAN**

Penulisan disertasi ini dibuat atas minat penulis terhadap hadith-hadith Rasulullah S.A.W yang membicarakan mengenai OKU, di mana daripada hadith ini penulis dapat mengetahui cara layanan yang diterima oleh orang kurang upaya pada zaman baginda, seterusnya melihat adakah layanan seperti itu turut diterima oleh orang kurang upaya zaman sekarang.

Pada bab 1 disertasi ini, penulis telah membincangkan mengenai Orang Kurang Upaya di Malaysia yang merangkumi Akta Orang Kurang Upaya 2008 serta isu-isu kontemporari yang berkaitan OKU. Dengan berkuatkuasanya akta ini menunjukkan bahawa kerajaan prihatin terhadap nasib OKU di Malaysia. Akta ini memberi pengiktirafan hak OKU di Malaysia serta menukar konsep OKU daripada konsep kebajikan kepada konsep *right based* iaitu daripada pembangunan berasaskan simpati dan kesihatan kepada pembangunan yang berasaskan hak. Akta ini juga membolehkan OKU mempunyai peluang dan penyertaan penuh dalam masyarakat setara dengan ahli masyarakat yang lain serta memperuntukkan perihal berkaitan pendaftaran, perlindungan, pemulihan, pembangunan dan kesejahteraan OKU.



Di sebalik penguatkuasaan akta ini, masih terdapat kelemahan-kelemahan yang boleh mengganggu keberkesanan kewujudan akta ini seperti ketiadaan peruntukan penguatkuasaan,<sup>196</sup> peruntukan yang bercanggah dengan perundangan lain<sup>197</sup> serta terdapat percanggahan antara seksyen 41 dan 42 yang terdapat di dalam Akta OKU 2008.<sup>198</sup>

Terdapat beberapa langkah bagi mengatasi kelemahan ini antaranya Majlis Kebangsaan bagi OKU yang telah dibincangkan di dalam Akta OKU 2008 perlu memainkan peranan menyediakan peraturan atau mengkaji sebarang undang-undang bagi memberi kesan kepada hak-hak yang disediakan untuk OKU. Kebijaksanaan Majlis ini amatlah diperlukan dan ia harus berfungsi melepasi garisan kepentingan selain kepentingan OKU.

Selain itu, Akta 2008 ini harus juga tertakluk kepada pelbagai *instrument* sedia ada termasuklah undang-undang pentadbiran dan undang-undang kepentingan awam bagi ianya dikuatkuasakan. Mana-mana OKU yang telah dinafikan hak mereka harus ke hadapan dan menuntut haknya menurut lunas undang-undang yang tersedia.<sup>199</sup>

Berkenaan isu-isu kontemporari mengenai OKU pula, terdapat dua isu yang telah dibangkitkan oleh penulis. Isu yang pertama ialah mengenai pemberian zakat kepada OKU. Pelbagai pendapat telah penulis kemukakan mengenai isu ini pada bab 1 dan penulis bersetuju dengan pendapat daripada Dr. Luqman bin Abdullah, pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya bahawa sekiranya bantuan zakat ini beri atas dasar semata-mata kerana orang tersebut OKU, adalah tidak boleh kerana tidak termasuk dalam asnaf yang lapan. Manakala isu yang kedua ialah mengenai Memorandum Bangkit 2012. Memorandum ini adalah satu usaha bagi menuntut

---

<sup>196</sup> Bab 1: Akta Orang Kurang Upaya 2008, 25.

<sup>197</sup> *Ibid.*

<sup>198</sup> *Ibid.*, 26.

<sup>199</sup> Mohammad Faizal Che Yusof, "Kenali Akta OKU 2008" laman sesawang *Buletin Prihatin*.

kerajaan mewujudkan agensi-agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat yang cakna dalam memahami keperluan, keupayaan dan sumbangan kepada Orang Kurang Upaya (OKU). Memorandum yang mengandungi 11 tuntutan itu telah diserahkan kepada wakil Suhakam, Prof. Datuk Dr. Khaw Lake Tee untuk diperhalusi bagi kesinambungan pembangunan OKU yang lebih lestari dalam usaha meminta kerajaan mewujudkan satu portfolio baru yang akan bertanggungjawab terhadap golongan OKU dan dapat mengutarakan pandangan serta cadangan terus kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Isi kandungan memorandum 11 perkara ini telah menjadi rujukan pelbagai pihak termasuk dari kementerian-kementerian. Hampir keseluruhan isi kandungan memorandum ini telah dinilai untuk diberi perhatian dalam pembentukan Dasar dan Pelan Tindakan berkaitan OKU bagi 2014-2020 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).<sup>200</sup>

Pada bab 2 pula, penulis telah membincangkan mengenai adab-adab dalam berinteraksi. Adab-adab tersebut bertujuan agar interaksi boleh berlangsung dengan baik, mesej dapat disampaikan kepada penerima dengan baik, penerima menerima mesej yang disampaikan dengan baik dan seterusnya mewujudkan keamanan, kesejahteraan serta keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat. Penulis juga membincangkan mengenai pandangan Islam terhadap OKU. ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Khaliq menyatakan bahawa Islam menganggap kewujudan OKU sebagai suatu kebaikan dan keberkatan kerana kasih sayang dan khidmat terhadap mereka akan menjadi faktor kepada kewujudan rahmat serta ganjaran Allah S.W.T kepada manusia di sekeliling OKU.<sup>201</sup> Islam mempunyai konsep yang sangat luas tentang OKU, yang sangat holistik dan mencakupi multidimensi dan perspektif. Multidemensi dengan

---

<sup>200</sup> Bab 1: Memorandum Bangkit 2012, 39.

<sup>201</sup> ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Khaliq, *Al-Mashuq fī Ahkām al-Muawwaq Majallāt al-Ḥikmah* (Leeds : Buhūth al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, 1995), 159.

melihat OKU dari aspek kekuasaan dan kebesaran Allah S.W.T, kejadian yang menurut kehendak-Nya, kemuliaan OKU sebagai manusia yang sebaik-baik makhluk yang dicipta untuk beribadat kepada-Nya sebagaimana manusia normal lain dan turut memikul amanah Allah S.W.T sebagai khalifah di dunia ini, serta OKU sebagai ciptaan Allah S.W.T yang bukan secara sia-sia. Konsep OKU berdasarkan multiperspektif pula adalah ujian yang harus diterima dengan redha dan syukur dari perspektif OKU, sebagai nikmat dan anugerah Allah S.W.T yang harus diterima dengan penuh keinsafan dalam menghayati kejadian-Nya dari perspektif ahli keluarga OKU dan masyarakat di sekeliling OKU. Keluarga OKU, masyarakat sekeliling dan kerajaan berkewajipan dari segi syarak untuk memberi khidmat serta bantuan kewangan kepada OKU yang lemah dan kebanyakannya miskin,<sup>202</sup> kerana penjagaan OKU termasuk dalam fardhu kifayah.<sup>203</sup>

Selain itu, penulis juga telah membincangkan mengenai OKU serta cara layanan yang terdapat di dalam Al-Quran dan Hadith. Ini bertepatan dengan objektif kajian penulis iaitu mengenalpasti cara layanan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) yang telah digariskan oleh al-Quran dan al-Hadith.

Di dalam Al-Quran, secara umumnya OKU tidak disebut berdasarkan kecacatan zahir. Istilah-istilah seperti pekak, bisu dan buta yang banyak disebut secara berulang kali tidak merujuk kepada kecacatan sebenar tetapi secara analogi melambangkan golongan yang menolak atau enggan menerima seruan untuk beriman kepada Allah S.W.T. Walau bagaimanapun, terdapat juga surah yang menceritakan mengenai OKU secara zahir iaitu pada surah 'Abasa ayat 1 hingga 10 yang menceritakan mengenai

---

<sup>202</sup> 'Abd al-'Illah 'Uthman al-Sha'i, *Al-Lu'lu al-Thamin min Fatāwā al-Muawwaqin* (Arab Saudi : Dār al-Sami'i, 1997), 39-45.

<sup>203</sup> Nor Salimah Abu Bakar, "Konsep Orang Kurang Upaya menurut Perspektif Islam" dalam *Pengurusan Ilmu Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam*, ed. Zakaria Bahari, Fadzila Azni Ahmad dan Roselee Shah Shahrudin (Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 2011), 55.

golongan OKU mendapat kedudukan yang istimewa apabila Rasulullah S.A.W menerima teguran tentang cara layanan baginda terhadap ‘Abdullah bin Ummi Maktūm, seorang yang buta. Begitu juga di dalam surah An-Nisa’ ayat 95 hingga 96 yang membicarakan perihal OKU iaitu mengenai orang yang mampu serta orang yang terhalang daripada berperang.

Manakala mengenai OKU di dalam hadith pula, penulis telah mengemukakan dua belas hadith yang menyentuh mengenai interaksi Rasulullah S.A.W bersama OKU pada zaman baginda. Hadith-hadith ini menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W dan para sahabat menjaga kebajikan OKU hinggalah golongan ini cukup senang dalam menempuh kehidupan sebagai hamba Allah yang cacat dan serba kekurangan. Rasulullah S.A.W dan para sahabat juga telah mempamerkan satu teladan hebat dalam aspek kebajikan, demikianlah juga dalam aspek hak-hak asasi OKU. Hadith-hadith yang dikemukakan oleh penulis pada bab ini menceritakan mengenai sah *imamah* OKU (penglihatan), OKU sebagai muazzin, kemudahan bagi OKU mengerjakan solat mengikut keupayaan, tuntutan solat berjemaah ke atas OKU, tuntutan ke atas imam supaya meringankan solat apabila menyedari kehadiran makmum OKU dan sebagainya. Kesemua hadith ini bersumberkan kepada Sahih Bukhari dan Muslim, Sunan Abi Daud, Sunan Tirmizi, Sunan Ibnu Majah, Sunan Nasa’i dan Musnad Ahmad bin Hanbal. Antara sahabat Rasulullah S.A.W yang terdapat di dalam hadith yang dikemukakan oleh penulis pada bab ini ialah ‘Abdullah bin Ummi Maktūm, ‘Arfajah bin As’ad, Itban bin Malik dan ‘Amru bin Jamuh. Mereka adalah antara sahabat Rasulullah S.A.W yang OKU.

Berdasarkan ayat al-Quran dan hadith yang telah dikemukakan pada bab ini, jelaslah bahawa memberi layanan yang baik kepada OKU adalah sangat dituntut. Rasulullah S.A.W dan para sahabat yang lain memberi layanan yang sangat baik dan

istimewa kepada sahabat yang OKU tanpa sedikitpun membebaskan golongan ini. Malah Rasulullah S.A.W menyeru kepada kita supaya berbuat baik kepada mereka dengan menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda serta balasan yang pedih kepada sesiapa yang melakukan sebaliknya terhadap golongan ini.

Manakala pada bab 3 pula, penulis telah membincangkan mengenai mahasiswa istimewa di UM, di mana penulis telah menyentuh berkenaan Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya (PERMIUM) serta aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh persatuan ini. Persatuan ini ditubuhkan untuk menggalakkan penglibatan aktif golongan mahasiswa kurang upaya di Universiti Malaya di samping menjaga kebajikan dan keperluan mereka. Melalui persatuan ini, perbincangan dapat diadakan sekaligus membantu pihak universiti mengenalpasti kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh mahasiswa OKU.

Selain itu, bab ini juga turut membincangkan mengenai perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan kepada mahasiswa istimewa. Kolej Kediaman Za'ba merupakan kemudahan penginapan yang lengkap yang disediakan oleh pihak universiti.<sup>204</sup> Di sini, mahasiswa istimewa menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan di samping kemudahan lain yang ada di sekitar UM. Di dalam bab ini juga, penulis menjelaskan peranan Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU kepada mahasiswa istimewa UM.<sup>205</sup> Penubuhan seksyen ini menjadi bukti keprihatinan pihak universiti dalam usaha menjaga kebajikan serta kemaslahatan mahasiswa istimewa ini. Penulis melihat bahawa pihak universiti telah berusaha sebaik mungkin untuk menyediakan kemudahan serta perkhidmatan kepada mereka walaupun masih terdapat beberapa kemudahan yang tidak lengkap yang mana boleh menjadi halangan kepada mereka.

---

<sup>204</sup> Bab 3: Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan kepada mahasiswa istimewa di Universiti Malaya, 93-96.

<sup>205</sup> Bab 3: Peranan Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU kepada mahasiswa istimewa Universiti Malaya, 98.

Selain membincangkan perkara di atas, penulis turut melakukan analisis terhadap borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 25 orang mahasiswa istimewa UM. Seramai 11 orang responden adalah lelaki dan selebihnya adalah perempuan. Majoriti mereka mengikuti pengajian di Akademi Pengajian Melayu (APM) kerana berhampiran dengan tempat penginapan yang dikhaskan kepada mahasiswa istimewa UM iaitu Kolej Kediaman Za'ba. Mengenai soalan penghargaan sendiri pada bahagian B, penulis melihat bahawa majoriti responden mempunyai motivasi serta penghargaan sendiri yang tinggi. Mereka sentiasa positif di atas ketentuan Allah S.W.T terhadap diri mereka. Manakala soalan mengenai halangan yang dihadapi sepanjang berada di UM pada bahagian C pula, majoriti responden mengakui bahawa memang wujud halangan tersebut walaupun sedikit. Berkenaan soalan pada bahagian D tentang layanan yang diterima pula, walaupun majoriti responden menyatakan mereka berpuas hati dengan layanan yang diberikan oleh warga kampus, namun terdapat beberapa orang responden menyatakan sebaliknya. Ini membuktikan bahawa layanan yang diterima agak kurang memuaskan. Manakala mengenai soalan kefahaman hadith pada bahagian E, majoriti responden memahami hadith-hadith yang dinyatakan oleh penulis.

Hasil dapatan yang diperolehi daripada analisis telah menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan oleh penulis mengenai layanan yang diterima oleh mahasiswa istimewa di Universiti Malaya dan mengenai hadith-hadith yang membicarakan mengenai Orang Kurang Upaya (OKU). Hasil daripada kajian ini juga menyokong permasalahan kajian penulis dengan wujudnya sikap dan layanan yang negatif dalam kalangan warga kampus UM terhadap mahasiswa istimewa UM sama ada dalam konteks hubungan sosial mahupun pendidikan. Penulis dapati masih terdapat mahasiswa istimewa yang diberi layanan yang tidak sepatutnya disamping wujudnya halangan-halangan yang perlu mereka hadapi sepanjang berada di UM, sekaligus menghalang penyertaan mereka secara penuh dalam masyarakat kampus mahupun masyarakat luar.

Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat serta gambaran yang jelas mengenai OKU di Malaysia, mahasiswa istimewa di UM serta layanan yang diterima dan halangan yang perlu dihadapi oleh mereka di samping memberi panduan kepada kita mengenai cara layanan yang sepatutnya kita berikan kepada golongan ini seperti yang telah digariskan di dalam Al-Quran dan Hadith.

### **5.3 CADANGAN DAN SARANAN**

Melalui kajian yang telah dijalankan, penulis meletakkan beberapa cadangan atau saranan untuk tindakan semua pihak agar kelangsungan kajian khususnya kajian dalam bidang interaksi Rasulullah S.A.W bersama OKU ini kerana penulis dapati tidak banyak bahan rujukan sama ada berbentuk cetakan mahupun berbentuk audio yang dihasilkan. Cadangan dan saranan tersebut adalah seperti berikut:

#### **5.3.1 Saranan kepada Universiti Malaya**

Penulis mencadangkan kepada pihak Universiti Malaya agar menyediakan lebih banyak rujukan berkenaan hadith-hadith yang mengikut tema serta menyediakan banyak bahan rujukan mengenai kajian tentang orang kurang upaya (OKU) yang dilihat bukan sahaja dari sudut perubatan dan psikologi, malah dari sudut pandangan Islam. Selain itu, penulis mencadangkan pihak universiti memasukkan pendidikan mengenai OKU ke dalam kursus-kursus pengajian agar pengetahuan yang disampaikan bermanfaat untuk jangka masa yang panjang demi kesejahteraan OKU amnya. Penulis juga menyarankan agar diadakan kelas-kelas agama secara menyeluruh bagi mengukuhkan lagi pengetahuan agama khususnya berkaitan ilmu fiqh di kalangan mahasiswa UM.

### **5.3.2 Saranan kepada para pendidik dan para kaunselor**

Kepada para pendidik dan para kaunselor yang terlibat secara langsung dengan golongan OKU, penulis mencadangkan agar menjadikan hadith-hadith Rasulullah S.A.W sebagai garis panduan dan rujukan dalam mendidik, mengajar dan memahami golongan ini bagi melancarkan lagi sesi pengajaran dan sesi kaunseling.

### **5.3.3 Saranan kepada pihak kerajaan**

Manakala kepada pihak kerajaan atau pihak yang berwajib, penulis mencadangkan agar dikuatkuasakan satu rang undang-undang yang lebih tegas berkaitan penindasan dan diskriminasi terhadap golongan OKU kerana perbuatan ini masih berleluasa sama ada di pusat pengajian tinggi mahupun di kalangan masyarakat umum. Walaupun negara kita boleh dianggap sebagai negara maju namun persepsi dan mentaliti sesetengah masyarakat terhadap golongan ini adalah masih tidak memuaskan. Pihak kerajaan juga disarankan agar sentiasa mengadakan seminar yang berkaitan hak-hak OKU di Malaysia bagi melahirkan kesedaran yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia.

### **5.3.4 Saranan kepada masyarakat awam**

Penulis mencadangkan kepada masyarakat awam yang masih memandang serong kepada golongan OKU agar tidak melakukan penindasan mahupun diskriminasi terhadap golongan ini dan sentiasalah mencontohi akhlak Rasulullah S.A.W dalam berinteraksi bersama golongan ini kerana baginda tidak pernah sama sekali memandang serong kepada golongan ini apatah lagi melakukan penindasan dan diskriminasi kepada mereka, sebaliknya baginda memberi layanan yang istimewa kepada golongan ini sehinggakan



mereka berasa senang untuk menempuhi kehidupan sebagai hamba Allah S.W.T yang serba kekurangan di muka bumi ini.

### **5.3.5 Saranan kepada ibu bapa dan keluarga**

Penulis mencadangkan kepada ibu bapa yang mempunyai anak atau ahli keluarga yang kurang upaya agar tidak menyisihkan atau memberi layanan buruk kepada mereka sebaliknya mencontohi layanan yang Rasulullah S.A.W berikan kepada sahabat yang kurang upaya pada zaman baginda. Penulis juga menyarankan agar ibu bapa atau penjaga kepada anak istimewa ini mendaftarkan kecacatan anak mereka di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mendapatkan bantuan serta tindakan susulan.

Penulis berharap disertasi ini mampu memberi sedikit sumbangan dalam usaha memperkenalkan cara Rasulullah S.A.W berinteraksi dengan orang kurang upaya (OKU) pada zaman baginda dan dalam usaha memartabatkan kualiti hadith Rasul junjungan yang berkaitan orang kurang upaya sekaligus mengiktirafkan serta membuktikan kedudukan hadith sebagai sumber rujukan utama dalam agama Islam selepas al-Quran.

Penulis juga meletakkan harapan agar kajian ini dapat dimanfaatkan bersama khususnya dalam membentuk satu garis panduan dalam bidang interaksi Rasulullah S.A.W bersama OKU yang dapat digunapakai dan menjadi rujukan kepada ibu bapa, pemilik pusat-pusat kebajikan masyarakat, guru-guru pendidikan khas, para kaunselor, para mahasiswa dan masyarakat awam di Malaysia khususnya dan di seluruh dunia amnya. Diharapkan juga kajian ini dapat memberi input dan manfaat agar kesedaran tentang OKU dapat dipertingkatkan dan seterusnya dapat menjamin penerimaan

golongan tersebut dalam kalangan masyarakat kampus khususnya, dan masyarakat dunia amnya.

Akhir sekali, segala kelemahan dan kekurangan dalam penulisan ini, penulis dahului dengan ucapan ribuan kemaafan serta memohon keampunan daripada Allah S.W.T. Dengan itu, penulis berharap usaha yang kecil ini akan mendapat keredhaan dan keberkatan dari Allah S.W.T dan dapat memberi manfaat serta maklumat kepada pembaca pada masa akan datang. InsyaAllah..

## BIBLIOGRAFI

### KAMUS

*Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

### RUJUKAN BAHASA ARAB

Al-Quran Al-Karim

Abī ‘Abd al-Raḥman bin Syu’ib bin Alī, *Sunan an-Nasā’i*, ditahqīq oleh Muḥammad Naṣruddīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif, t.t.

Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwinī, *Sunan Ibn Mājah*, ditahqīq oleh Muḥammad Naṣruddīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif, t.t.

Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Ismāīl al-Bukhārī, *Al- Jāmi’ as-Ṣaḥīḥ li al-Bukhārī*, ditahqīq oleh Muhibuddin al-Khātib, Kaherah : Al-Muṭṭabi’ah as-Salafiyyah wa Maktabatuhā, t.t.

Abī al-Ḥusin Muslim bin al-Hujjāj al-Qusyairi an-Naisabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiah, 1991.

Abī Dāūd Sulaimān bin al-Asy’as as-Sajastanī, *Sunan Abī Dāūd*, ditahqīq oleh Muḥammad Naṣruddīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif, t.t.

Aḥmad bin ‘Abdullah bin Ḥanbal, *al-Musnad*, Kaherah : Dār al-Hadith, 1995.

Muḥammad ‘Isā bin Surah at-Tirmidhī, *Jāmi’ at-Tirmidhī*, ditahqīq oleh Muḥammad Naṣruddīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif, t.t.

## RUJUKAN BAHASA MELAYU

Ab Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2009.

Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2006.

Abdul Rahman Ra'fat al-Basha, *65 Gambaran Kehidupan Sahabat*, terj. Abdul Hakam bin Jaafar dan Mohd Noor bin Daud. Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn Bhd, 2006.

Abu Zakariya Yahya bin Syaraf, *Riyadhus Shalihin Taman Orang-orang Salih*, terj. M. Abdai Rathomy. Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd, 1984.

Ahmad asy-Syarbasi, *Yas'alunaka : Tanya Jawab Lengkap tentang Agama dan Kehidupan*. Jakarta : PT Lentera Basritama, 1999.

Azizi Yahya, et al., *Psikologi Sosial*. Johor Bahru : Universiti Teknologi Malaysia, 2004.

Basri Ibrahim, *Psikologi Rasulullah dalam Berinteraksi dengan Masyarakat*. Selangor : Al-Hidayah Publication, 2009.

Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan*. Malaysia : McGraw Hill, 2006.

Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia : McGraw Hill, 2006.

Hasnah Udin, *Bimbingan Kanak-kanak Luar Biasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

- Ibrahim Hashim et al., *Fahami Bacaan dalam Solatmu*. Selangor : PTS Darul Furqan, 2010.
- Jalaluddin As-Suyuthi, *Sebab Turunnya Ayat al-Quran*. Jakarta : Gema Insani, 2008.
- Jamila K.A. Mohamed, *Pendidikan Khas untuk Kanak-kanak Istimewa*. Pahang : PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2005.
- Khalid Johari, *Penyelidikan dalam Pendidikan : Konsep dan Prosedur*. Selangor : Prentice Hall, 2003.
- M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*. Jakarta : Lentera Hati, 2002.
- Majdi Manshur, *Tafsir Imam Asy-Syafi'i*, terj. M. Misbah. Jakarta : Pustaka Azzam, 2003.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia, 1999.
- Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Mohd Saleh Lebar, *Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas dalam Pendengaran*. Serdang : Universiti Putra Malaysia, 1999.
- Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.

Mustafa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan AliAsy-Sharbaji, *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, terj. Juanda Jaya. Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1999.

Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Pejabat Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.

Said bin Wahat al-Qahthani, *Panduan Shalat Lengkap*. Jakarta : Al-Mahira, 1991.

Yusri Abd . Malik dan Siti Paujiah, *Kecacatan Anggota*. Selangor : Setiamas, 1995.

Yusri Abd . Malik dan Siti Paujiah, *Cacat Penglihatan*. Selangor : Setiamas, 1995.

#### **RUJUKAN BAHASA INGGERIS**

Seligman dan Milton, *Conducting Effective Conference with Parents of Children with Disabilities*. New York & London : The Guilford Press, 2000.

#### **RUJUKAN LATIHAN ILMIAH**

Norhayati Ibrahim, “Interaksi dengan Kanak-kanak Menurut Ilmu Psikologi : Perbezaannya dengan Islam”. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1996.

Shafie Abdul Rashid, “Pendekatan Psikologi dalam Dakwah : Suatu Metod Dakwah yang Berkesan untuk Pendakwah Masa Kini”. Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999.

## **RUJUKAN DISERTASI**

Nasruddin Yunus, "Konsep Komunikasi dan peranannya dalam Pembinaan Peradaban Islam". Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001.

## **RUJUKAN JURNAL**

Asming Yalawae dan Ahmad Farid bin Ibrahim, "Akhlak Warisan Rasulullah S.A.W Membawa Kemuliaan Umat", *Jurnal Usuluddin*, no. 26 (2007) : 71-83.

Darulsalam, Ghazali, "Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif dan Kuantitatif", *Jurnal Pendidikan*, (2005) : 61-80.

Hasnah Toran et al., "Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia", *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2, no. 2 (2010) : 22-34.

Hasnah Toran et al., "Sokongan dan Halangan yang dihadapi Pelajar-pelajar Kurang Upaya di sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia", *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 1, no. 2 (2009) : 18-29.

Mohd Salleh Aman, "Pembangunan Kemudahan Fizikal Pelajar OKU" *International Journal of Student Development* 1, no. 1 (2008), 1-13.

Rao, S., "Faculty Attitudes and Students with Disabilities in Higher Education: A Literature Review" *College Students Journal* 38, no.2 (2004), 191-198.

Tinklin, T., Riddell, S. & Wilson, A., "Policy and Provision for Disabled Students in Higher Education in Scotland and England : The Current State of Play. *Studies in Higher Education*, 29, no. 5 (2004), 637-657.

## **RUJUKAN KERTAS PERSIDANGAN**

Mohd Shahnizam Azmi, Shafie Ali dan Shamsul Kamal Salleh, "Pendekatan Psikologi: Komunikasi Rasulullah S.A.W ke atas Kanak-kanak Bermasalah Tingkah Laku Satu Analisis". Seminar Psikologi Kebangsaan, Kota Kinabalu, 28-29 Oktober 2010.

Nor Salimah Abu Bakar, "Konsep Orang Kurang Upaya menurut Perspektif Islam" dalam *Pengurusan Ilmu Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam*, ed. Zakaria Bahari, Fadzila Azni Ahmad dan Roselee Shah Shahrudin, 51-68. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 2011.

Qutb al-Raisūnī, "Ri'āyah Zawī al-Ḥājāt al-Khaṣṣah fī al-Sunnah al-Nabawīyyah Mustawiyātuha wa Maqāsiduha" dalam *al-Qayyim al-Hadhariyyah fī al-Sunnah al-Nabawīyyah*, 206-261. Dubai : Kuliyyah al-Dirasāt al-Islamiyyah wa al-'Arabiyyah, 2007.

## **RUJUKAN AKHBAR**

"Isu OKU : Kenyataan Terbuka Mursyid", *Sinar Harian*, 16 Ogos 2012, 6.

"Mufti Selangor Minta NGO OKU Hantar Surat", *Sinar Harian*, 14 Ogos 2012, 5.

"OKU Asnaf Fisabilillah", *Sinar Harian*, 13 Ogos 2012, K10.



Suharne Zainudin dan Anita Abu Hasan, “Bicara Isnin Sinar : Majlis Fatwa Perlis Tunggu September”, *Sinar Harian*, 14 Ogos 2012, 4.

Suharne Zainudin, Anita Abu Hasan dan Farah Zamira Farush Khan, “Bicara Isnin Sinar : Institusi Islam Tidak Proaktif Bantu OKU”, *Sinar harian*, 13 Ogos 2012, K6.

Suharne Zainudin, Anita Abu Hasan dan Farah Zamira Farush Khan, “Bicara Isnin Sinar : Agama Lain Sedia Bantu Kami”, *Sinar harian*, 13 Ogos 2012, K7.

Zaharuddin, “OKU : Tunggu Keputusan Majlis Fatwa”, *Sinar harian*, 13 ogos 2012, K9.

## **RUJUKAN STATUT**

Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685).

Memorandum Bangkit 2012

## **RUJUKAN INTERNET**

“Capaian Orang Kurang Upaya (OKU)” laman sesawang Fakulti Sains dan Teknologi, dicapai 19 April 2013, <http://www.ukm.my/fst/index.php/direktori.html?id=141:capaian-orang-kurang-upaya-oku&catid=2>.

“Definisi OKU”, laman sesawang *Jabatan Kebajikan Masyarakat*, dicapai 29 Disember 2012, <http://www.jkmwpkl.gov.my/perkhidmatan-luar/orang-kurang-upaya-termasuk-pdk>.

“Memorandum Bangkit 2012” dicapai 26 Disember 2012, [http://www.malaysianbar.org.my/index.php?option=com\\_docman&task=doc\\_view&gid=3655](http://www.malaysianbar.org.my/index.php?option=com_docman&task=doc_view&gid=3655).

“Peta Kampus Beri Akses kepada Kemudahan OKU di UM”, laman sesawang *UM News Server*, dicapai 28 Jun 2013, [http://umnews.um.edu.my/highlights-view.php?news\\_id=249](http://umnews.um.edu.my/highlights-view.php?news_id=249).

“Suhakam Kecewa OKU Tidak Dihormati”, laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai 26 Disember 2012, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/suhakam-kecewa-oku-tidak-dihormati-1.37255?localLinksEnabled=false>.

“Sejarah Penubuhan PERMIUM”, laman sesawang *PERMIUM*, dicapai 27 Januari 2013, <http://permium.blogspot.com/2010/02/sejarah-penubuhan-permium.html>.

“UM Dedahkan Peluang Kerjaya kepada Pelajar OKU”, laman sesawang *UM News Server*, dicapai 26 Januari 2013, [http://umnews.um.edu.my/highlights-view.php?news\\_id=165](http://umnews.um.edu.my/highlights-view.php?news_id=165).

Badrul Hisham bin Sulaiman, “Solat Sunat Hajat, Perlukah berjemaah?” dicapai 12 Januari 2013, <http://hafizfirdaus.com/ebook/Risalah-6/tajuk2.htm>.

Farah Nur, “Sahabat PERMIUM”, laman sesawang Facebook Rasmi Sahabat PERMIUM, dicapai 23 April 2013, <http://www.facebook.com/groups/sahabatPERMIUM/>.

Muhammad Faizal Che Yusof, “Catatan dari Sekretariat Prihatin OKU”, laman sesawang *Buletin Prihatin*, dicapai 4 Februari 2013, <http://bprihatin.blogspot.com/2013/02/catatan-dari-sekretariat-prihatin-oku.html>.

Muhammad Faizal Che Yusof, “Rasulullah Gilap OKU Demi Perjuangan Islam”, laman sesawang *Harakah Daily*, dicapai 1 Febuari 2013, <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/16301-rasulullah-gilap-oku-demi-perjuangan-islam>.

Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, “Zakat : Satu Harapan Mahasiswa OKU”, laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai 26 Disember 2012, <http://www.sinarharian.com.my/rencana/zakat-satu-harapan-mahasiswa-oku-1.77779>.

Mohd Abdullah Mohamed Yusoff, “Zakat OKU : Mahasiswa Seru Majlis Fatwa Bersidang”, laman sesawang *Harakah Daily*, dicapai 23 Disember 2012, <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/12594-zakat-oku-mahasiswa-seru-majlis-fatwa-bersidang->.

Nik Sukry Ramli, “IPT Bantuan Pelajar Istimewa”, laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 27 Januari 2013, [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/IPTbantupelajaristimewa/Article/print\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/IPTbantupelajaristimewa/Article/print_html).

Noor Ainul Yakin Mohamad Ishak, “UM mesra OKU”, laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai 17 April 2013, <http://www.sinarharian.com.my/rencana/um-mesra-oku-1.150950>.

Suharne Zainudin dan Anita Abu Hasan, “Bicara Isnin Sinar : Majlis Fatwa Perlis Tunggu September” laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai 25 Disember 2012, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/majlis-fatwa-perlis-tunggu-september-1.76495>.

## **TEMUBUAL**

Luqman Abdullah (Pensyarah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis, 15 dan 16 Februari 2013.

Maznah Azis (Pegawai Psikologi, Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU, Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya) dalam temubual dengan penulis, 7 Januari 2013.

Muhammad Faizal Che Yusof (Peguam dan aktivis pejuang OKU) dalam temubual dengan penulis, 31 Januari 2013.

Nurul Adilah Nazri (Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya sesi 2012/2013) dalam temubual dengan penulis, 24 Januari 2013.

## LAMPIRAN

### Laluan tactile/tactile pavement



Gambar rajah 1



Gambar rajah 2

### Ramp



Gambar rajah 3




Gambar rajah 4

### Lif



Gambar rajah 5



Gambar rajah 6

## Van Khas OKU



Gambar rajah 7



Gambar rajah 8

## Kemudahan di Bangunan Seri Jati



Gambar rajah 9



Gambar rajah 10



Gambar rajah 11



Gambar rajah 12




Kaunter rendah



Gambar rajah 13

Ampaian berbumbung



Gambar rajah 14

Laluan Refleksologi



Gambar rajah 15

Laluan khas




Gambar rajah 16

Tempat letak kereta untuk OKU



Gambar rajah 17

Penyalahgunaan prasarana OKU



Gambar rajah 18

# UM sedia kemudahan khas untuk pelajar OKU

MOHD. IZUAN ROSELI

**KUALA LUMPUR** - Masalah fizikal bukan lagi penghalang kepada orang kelainan upaya (OKU) untuk mendapat tempat di institusi pengajian tinggi tempatan.


Semalam, seramai lapan orang pelajar OKU daripada 2,558 pelajar baharu ditawarkan untuk melanjutkan pengajian di Universiti Malaya (UM) bagi sesi kemasukan 2013/2014.

Pengetua Kolej Kediaman Ketujuh UM, Profesor

Madya Rohana Jani berkata, pihak universiti sangat mengalu-alukan kedatangan pelajar OKU kerana segala kemudahan untuk golongan kurang bernasib baik itu telah tersedia dan sentiasa dinaik taraf dari semasa ke semasa.

"Kolej Kediaman Ketujuh pula sememangnya khas untuk OKU dan antara fasiliti yang disediakan termasuk laluan pejalan kaki khas dan pengangkutan ke kuliah.

"Kemudahan penginapan akan terus dinaik taraf ke seluruh kawasan universiti dan kita akan buat semua ini secara berperingkat-peringkat," kata-



SEBAHAGIAN ibu bapa membantu mengangkat barangan keperluan anak mereka pada sesi pendaftaran pelajar baharu sesi 2013/2014 di Universiti Malaya semalam.



nya kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat kepada pelajar baharu dan ibu bapa di kolej itu semalam.

Mengulas lanjut Rohana berkata, terdapat bilik khas yang disediakan untuk OKU selain diwujudkan pasukan sukarelawan untuk membimbing mereka sama ada dalam pembelajaran atau aktiviti kokurikulum.

Seorang pelajar cacat penglihatan,

Lok Weng Hang, 22, (**gambar kecil**) berkata, kemudahan yang disediakan di situ menyuntik semangat untuk meneruskan pengajian di UM.

Weng Hang yang mengambil jurusan Sarjana Muda Pengajian Ekonomi berkata, trek laluan untuk bergerak di sekitar universiti merupakan satu daripada kemudahan yang jarang terdapat di universiti lain.

UM dalam satu kenyataan memberitahu, sebanyak 2,558 pelajar tempatan dan 108 pelajar antarabangsa ditawarkan untuk melanjutkan pengajian di universiti itu bagi sesi pengajian 2013/2014.

Keratan akhbar Kosmo, 2 September 2013



No. Siri: \_\_\_\_\_

**BORANG SOAL SELIDIK**  
**JABATAN AL-QUR'AN DAN HADITH**  
**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**  
**UNIVERSITI MALAYA**

---

**TAJUK KAJIAN :**

**INTERAKSI RASULULLAH S.A.W BERSAMA ORANG KELAINAN UPAYA :  
KAJIAN LAYANAN TERHADAP MAHASISWA KELAINAN UPAYA DI  
UNIVERSITI MALAYA**

---

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Jutaan TAHNIAH diucapkan kerana anda telah terpilih untuk menjawab soal selidik ini. Anda diminta menjawab soal selidik yang dikemukakan ini dengan jujur dan ikhlas. Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan. Soal selidik ini bertujuan mendapatkan maklumat yang tepat dan terkini berhubung layanan yang diterima oleh mahasiswa-mahasiswa istimewa (OKU) di Universiti Malaya. Set soal selidik ini juga bertujuan memenuhi keperluan disertasi sepertimana tajuk yang dinyatakan di atas. Set soal selidik ini mengandungi LIMA bahagian iaitu:

- Bahagian A : Maklumat Responden
- Bahagian B : Penghargaan sendiri mahasiswa istimewa di UM
- Bahagian C : Halangan-halangan yang dihadapi oleh mahasiswa/i istimewa dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa universiti
- Bahagian D : Layanan yang diterima oleh mahasiswa/i istimewa di UM
- Bahagian E : Kefahaman mengenai hadith orang kurang upaya (OKU).

Sekian, terima kasih.

.....

(Nur Fadliana bt Che Di)  
Calon Sarjana Jabatan Al-Quran dan Hadith  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

**BAHAGIAN A: Profil responden**

Arahan: Sila tandakan pada nombor yang berkenaan.

1. Jantina :

1. Lelaki
2. Perempuan

2. Umur :

1. 20 - 25
2. 26 - 30
3. 30 dan ke atas

3. Bangsa :

1. Melayu
2. Bumiputera Sabah/Sarawak
3. Lain-lain (nyatakan) : \_\_\_\_\_

4. Fakulti/Akademi pengajian :

1. Ekonomi dan Pentadbiran
2. Alam Bina
3. Pendidikan
4. Pengajian Islam (API)
5. Sastera dan Sains Sosial
6. Pengajian Melayu (APM)
7. Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
8. Lain-lain (nyatakan) : \_\_\_\_\_

5. Jenis kecacatan yang dialami :

1. Penglihatan
2. Pendengaran
3. Fizikal
4. Lain-lain (nyatakan) : \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN B:** Penghargaan sendiri mahasiswa istimewa UM.

Arahan: Sila tandakan pada nombor yang menggambarkan pandangan saudara/i berkenaan kenyataan yang diberikan berdasarkan skala berikut:

SANGAT TIDAK SETUJU (STS)	TIDAK SETUJU (TS)	KURANG SETUJU (KS)	AGAK SETUJU (AS)	SETUJU (S)	SANGAT SETUJU (SS)
1	2	3	4	5	6

BIL	KENYATAAN	(STS)	(TS)	(KS)	(AS)	(S)	(SS)
1	Saya redha dengan ketentuan Allah S.W.T terhadap diri saya						
2	Saya yakin saya boleh berjaya seperti mahasiswa normal yang lain						
3	Kekurangan pada diri saya bukanlah penghalang untuk saya berjaya						
4	Saya berasa bangga menjadi diri saya sekarang						
5	Walaupun mempunyai kekurangan, saya berkeyakinan dalam melakukan sesuatu tindakan						
6	Sungguhpun saya mempunyai kekurangan, saya sedaya upaya mencuba untuk tidak menimbulkan masalah kepada keluarga dan rakan taulan saya						
7	Saya akan cuba mengelak daripada melakukan kesilapan yang berulang						
8	Perasaan rendah diri disebabkan kekurangan ini tidak pernah wujud dalam diri saya						
9	Saya menghargai setiap pertolongan yang dihulurkan kepada saya walaupun ianya tidak saya minta						

**BAHAGIAN C:** Halangan-halangan yang dihadapi oleh mahasiswa istimewa dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa di Universiti Malaya

Arahan: Sila tandakan pada nombor yang menggambarkan pandangan saudara/i berkenaan kenyataan yang diberikan berdasarkan skala berikut:

SANGAT TIDAK SETUJU (STS)	TIDAK SETUJU (TS)	KURANG SETUJU (KS)	AGAK SETUJU (AS)	SETUJU (S)	SANGAT SETUJU (SS)
1	2	3	4	5	6

BIL.	KENYATAAN	(STS)	(TS)	(KS)	(AS)	(S)	(SS)
1	Terdapat prasarana yang tidak mesra OKU						
2	Ketiadaan maklumat untuk mengetahui ke mana arah tuju <i>shuttle bus</i>						
3	Terdapat rakan yang tidak memahami dan menganggap mahasiswa istimewa sebagai beban terutama apabila melibatkan kerja berkumpulan						
4	Khidmat pembaca untuk membaca buku atau artikel secara sukarela tidak mencukupi						
5	Pustakawan tidak mesra terhadap mahasiswa OKU						
6	Sukar untuk mengakses maklumat terkini di kampus						
7	Memerlukan masa tambahan semasa menduduki peperiksaan						
8	Ketiadaan jurubahasa isyarat untuk menterjemah bahan kuliah						
9	Terdapat pensyarah yang tidak memahami dan mesra dengan mahasiswa istimewa						
10	Mengalami masalah komunikasi semasa berurusan dengan petugas di kaunter						

**BAHAGIAN D:** Layanan yang diterima oleh mahasiswa istimewa di UM  
Arahan: Sila tandakan pada nombor yang menggambarkan pandangan saudara/i berkenaan kenyataan yang diberikan berdasarkan skala berikut:

SANGAT TIDAK SETUJU (STS)	TIDAK SETUJU (TS)	KURANG SETUJU (KS)	AGAK SETUJU (AS)	SETUJU (S)	SANGAT SETUJU (SS)
1	2	3	4	5	6

BIL	KENYATAAN	(STS)	(TS)	(KS)	(AS)	(S)	(SS)
1	Dalam kerja berkumpulan, mahasiswa istimewa sering disisih dan dipinggirkan						
2	Pihak universiti memberi masa yang lebih panjang kepada mahasiswa istimewa untuk menjawab soalan peperiksaan						
3	Pihak universiti memberi lebih perhatian terhadap mahasiswa istimewa berbanding mahasiswa normal yang lain						
4	Pihak universiti tidak mengabaikan kebajikan mahasiswa istimewa di Universiti Malaya						
5	Di UM, pihak pengurusan kolej dan staf sokongan memberi layanan yang baik kepada mahasiswa istimewa						
6	Di UM, kemudahan yang disediakan untuk mahasiswa istimewa sering disalahguna seperti meletakkan kenderaan di laluan tactile atau " <i>tactile pavement</i> ".						
7	Keselamatan mahasiswa istimewa UM sentiasa terjamin apabila berada di dalam kawasan UM						
8	Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti memenuhi keperluan mahasiswa istimewa UM						
9	Tidak berlaku sebarang diskriminasi terhadap mahasiswa istimewa UM						

10	Mahasiswa istimewa di UM dilayan dengan adil oleh pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan						
----	---------------------------------------------------------------------------------------	--	--	--	--	--	--

**BAHAGIAN E:** Kefahaman mengenai hadith orang kurang upaya (OKU).

Arahan: Sila tandakan pada nombor yang menggambarkan pandangan saudara/i berkenaan kenyataan yang diberikan berdasarkan skala berikut:

SANGAT TIDAK SETUJU (STS)	TIDAK SETUJU (TS)	KURANG SETUJU (KS)	AGAK SETUJU (AS)	SETUJU (S)	SANGAT SETUJU (SS)
1	2	3	4	5	6

BIL.	KENYATAAN	(STS)	(TS)	(KS)	(AS)	(S)	(SS)
1	Orang kurang upaya wajib mengerjakan solat mengikut keupayaan masing-masing.						
2	Cara solat orang cacat penglihatan adalah berbeza dengan cara solat orang cacat fizikal						
3	Solat berjemaah juga dituntut kepada orang kurang upaya						
4	Sah solat sekiranya orang kurang upaya (penglihatan) menjadi imam						
5	Orang kurang upaya boleh menjadi muazzin (tukang azan)						
6	Orang kurang upaya dikecualikan daripada tuntutan berjihad atau berperang						
7	Imam perlu meringankan solat seperti memendekkan bacaan sekiranya makmumnya terdiri daripada OKU						
8	Berbuat baik kepada yang lemah menjadi sebab terbukanya pintu rezeki.						
9	Pemerintah atau penjaga adalah dituntut supaya menguruskan hal-hal yang berkaitan orang yang lemah atau kurang upaya						
10	Allah melaknat orang yang memberi layanan buruk kepada orang kurang upaya						

## Kajian rintis

### Bahagian B

#### Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	20	100.0
	Excluded <sup>a</sup>	0	.0
	Total	20	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

#### Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.738	9

#### Scale Statistics

Mean	Variance	Std. Deviation	N of Items
47.90	13.779	3.712	9

#### Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
Saya redha dengan ketentuan Allah S.W.T terhadap diri saya	5.65	.587	20
Saya yakin saya boleh berjaya seperti mahasiswa normal yang lain	5.60	.754	20
Kekurangan pada diri saya bukanlah penghalang untuk saya berjaya	5.50	.513	20
Saya berasa bangga menjadi diri saya sekarang	5.40	.681	20
Walaupun mempunyai kekurangan, saya berkeyakinan dalam melakukan sesuatu tindakan	5.20	.696	20

Sungguhpun saya mempunyai kekurangan, saya sedaya upaya mencuba untuk tidak menimbulkan masalah kepada keluarga dan rakan taulan saya	5.30	.657	20
Saya akan cuba mengelak daripada melakukan kesilapan yang berulang	5.35	.671	20
Perasaan rendah diri disebabkan kekurangan ini tidak pernah wujud dalam diri saya	4.10	1.210	20
Saya menghargai setiap pertolongan yang dihulurkan kepada saya walaupun ianya tidak saya minta	5.80	.523	20

### Bahagian C

#### Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	20	100.0
	Excluded <sup>a</sup>	0	.0
	Total	20	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

#### Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.821	10

#### Scale Statistics

Mean	Variance	Std. Deviation	N of Items
37.50	61.737	7.857	10



### Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
Terdapat prasarana yang tidak mesra OKU	4.05	1.099	20
Ketiadaan maklumat untuk mengetahui ke mana arah tuju <i>shuttle bus</i>	4.20	1.399	20
Terdapat rakan yang tidak memahami dan menganggap mahasiswa istimewa sebagai beban terutama apabila melibatkan kerja berkumpulan	3.55	1.538	20
Khidmat pembaca untuk membaca buku atau artikel secara sukarela tidak mencukupi	3.65	1.137	20
Pustakawan tidak mesra terhadap mahasiswa OKU	3.10	1.410	20
Sukar untuk mengakses maklumat terkini di kampus	3.55	1.146	20
Memerlukan masa tambahan semasa menduduki peperiksaan	4.65	1.137	20
Ketiadaan jurubahasa isyarat untuk menterjemah bahan kuliah	4.55	1.234	20
Terdapat pensyarah yang tidak memahami dan mesra dengan mahasiswa istimewa	3.25	1.293	20
Mengalami masalah komunikasi semasa berurusan dengan petugas di kaunter	2.95	1.234	20

## Bahagian D

### Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	20	100.0
	Excluded <sup>a</sup>	0	.0
	Total	20	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

### Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.672	10

### Scale Statistics

Mean	Variance	Std. Deviation	N of Items
39.60	36.779	6.065	10

### Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
Dalam kerja berkumpul, mahasiswa istimewa sering disisih dan dipinggirkan	3.35	1.424	20
Pihak universiti memberi masa yang lebih panjang kepada mahasiswa istimewa untuk menjawab soalan peperiksaan	4.40	1.046	20
Pihak universiti memberi lebih perhatian terhadap mahasiswa istimewa berbanding mahasiswa normal yang lain	3.65	1.496	20
Pihak universiti tidak mengabaikan kebajikan mahasiswa istimewa di Universiti Malaya	4.05	1.191	20

Di UM, pihak pengurusan kolej dan staf sokongan memberi layanan yang baik kepada mahasiswa istimewa	4.25	1.164	20
Di UM, kemudahan yang disediakan untuk mahasiswa istimewa sering disalahguna seperti meletakkan kenderaan di laluan tactile atau " <i>tactile pavement</i> "	5.00	1.124	20
Keselamatan mahasiswa istimewa UM sentiasa terjamin apabila berada di dalam kawasan UM	3.20	1.196	20
Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti memenuhi keperluan mahasiswa istimewa UM	3.70	1.031	20
Tidak berlaku sebarang diskriminasi terhadap mahasiswa istimewa UM	3.70	1.261	20
Mahasiswa istimewa di UM dilayan dengan adil oleh pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan	4.30	1.031	20

## Bahagian E

### Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	20	100.0
	Excluded <sup>a</sup>	0	.0
	Total	20	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

### Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.630	10

### Scale Statistics

Mean	Variance	Std. Deviation	N of Items
50.20	24.379	4.938	10

### Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
Orang kurang upaya wajib mengerjakan solat mengikut keupayaan masing-masing.	5.80	.523	20
Cara solat orang cacat penglihatan adalah berbeza dengan cara solat orang cacat fizikal	4.40	1.635	20
Solat berjemaah juga dituntut kepada orang kurang upaya	5.60	.681	20
Sah solat sekiranya orang kurang upaya menjadi imam	4.65	1.496	20
Orang kurang upaya boleh menjadi <i>muazzin</i> (tukang azan)	5.50	.688	20
Orang kurang upaya dikecualikan daripada tuntutan berjihad atau berperang	4.05	.999	20

Imam perlu meringankan solat seperti memendekkan bacaan sekiranya makmumnya terdiri daripada OKU	4.10	1.334	20
Berbuat baik kepada yang lemah menjadi sebab terbukanya pintu rezeki.	5.50	.607	20
Pemerintah atau penjaga adalah dituntut supaya menguruskan hal-hal yang berkaitan orang yang lemah atau kurang upaya	5.25	.851	20
Allah melaknat orang yang memberi layanan buruk kepada orang kurang upaya	5.35	.745	20

## Kaji selidik sebenar

### Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	25	100.0
	Excluded <sup>a</sup>	0	.0
	Total	25	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

### Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.728	39

### Scale Statistics

Mean	Variance	Std. Deviation	N of Items
178.04	158.123	12.575	39

### Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
Saya redha dengan ketentuan Allah S.W.T terhadap diri saya	5.72	.542	25
Saya yakin saya boleh berjaya seperti mahasiswa normal yang lain	5.64	.700	25
Kekurangan pada diri saya bukanlah penghalang untuk saya berjaya	5.60	.500	25
Saya berasa bangga menjadi diri saya sekarang	5.48	.653	25

Walaupun mempunyai kekurangan, saya berkeyakinan dalam melakukan sesuatu tindakan	5.28	.678	25
Sungguhpun saya mempunyai kekurangan, saya sedaya upaya mencuba untuk tidak menimbulkan masalah kepada keluarga dan rakan taulan saya	5.28	.614	25
Saya akan cuba mengelak daripada melakukan kesilapan yang berulang	5.32	.690	25
Perasaan rendah diri disebabkan kekurangan ini tidak pernah wujud dalam diri saya	4.28	1.173	25
Saya menghargai setiap pertolongan yang dihulurkan kepada saya walaupun ianya tidak saya minta	5.76	.523	25
Terdapat prasarana yang tidak mesra OKU	4.08	1.115	25
Ketiadaan maklumat untuk mengetahui ke mana arah tuju <i>shuttle bus</i>	4.44	1.387	25
Terdapat rakan yang tidak memahami dan menganggap mahasiswa istimewa sebagai beban terutama apabila melibatkan kerja berkumpulan	3.88	1.563	25
Khidmat pembaca untuk membaca buku atau artikel secara sukarela tidak mencukupi	3.72	1.137	25

Pustakawan tidak mesra terhadap mahasiswa OKU	3.40	1.500	25
Sukar untuk mengakses maklumat terkini di kampus	3.60	1.155	25
Memerlukan masa tambahan semasa menduduki peperiksaan	4.76	1.128	25
Ketiadaan jurubahasa isyarat untuk menterjemah bahan kuliah	4.36	1.411	25
Terdapat pensyarah yang tidak memahami dan mesra dengan mahasiswa istimewa	3.32	1.314	25
Mengalami masalah komunikasi semasa berurusan dengan petugas di kaunter	3.04	1.274	25
Dalam kerja berkumpul, mahasiswa istimewa sering disisih dan dipinggirkan	3.32	1.406	25
Pihak universiti memberi masa yang lebih panjang kepada mahasiswa istimewa untuk menjawab soalan peperiksaan	4.28	1.061	25
Pihak universiti memberi lebih perhatian terhadap mahasiswa istimewa berbanding mahasiswa normal yang lain	3.56	1.417	25
Pihak universiti tidak mengabaikan kebajikan mahasiswa istimewa di Universiti Malaya	4.16	1.143	25



Di UM, pihak pengurusan kolej dan staf sokongan memberi layanan yang baik kepada mahasiswa istimewa	4.36	1.186	25
Di UM, kemudahan yang disediakan untuk mahasiswa istimewa sering disalahguna seperti meletakkan kenderaan di laluan tactile atau " <i>tactile pavement</i> "	5.08	1.077	25
Keselamatan mahasiswa istimewa UM sentiasa terjamin apabila berada di dalam kawasan UM	3.40	1.155	25
Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti memenuhi keperluan mahasiswa istimewa UM	3.76	1.052	25
Tidak berlaku sebarang diskriminasi terhadap mahasiswa istimewa UM	3.84	1.179	25
Mahasiswa istimewa di UM dilayan dengan adil oleh pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan	4.36	.995	25
Orang kurang upaya wajib mengerjakan solat mengikut keupayaan masing-masing.	5.80	.500	25
Cara solat orang cacat penglihatan adalah berbeza dengan cara solat orang cacat fizikal	4.52	1.558	25

Solat berjemaah juga dituntut kepada orang kurang upaya	5.60	.707	25
Sah solat sekiranya orang kurang upaya menjadi imam	4.92	1.441	25
Orang kurang upaya boleh menjadi <i>muazzin</i> (tukang azan)	5.60	.645	25
Orang kurang upaya dikecualikan daripada tuntutan berjihad atau berperang	4.20	1.155	25
Imam perlu meringankan solat seperti memendekkan bacaan sekiranya makmumnya terdiri daripada OKU	4.20	1.323	25
Berbuat baik kepada yang lemah menjadi sebab terbukanya pintu rezeki.	5.60	.577	25
Pemerintah atau penjaga adalah dituntut supaya menguruskan hal-hal yang berkaitan orang yang lemah atau kurang upaya	5.24	.831	25
Allah melaknat orang yang memberi layanan buruk kepada orang kurang upaya	5.28	.891	25